



WARTA UNIVERSITI

BIL. 56

OKTOBER 2019

ISSN 0126-6292

Sabtu, 12 Oktober 2019
hingga
Rabu, 16 Oktober 2019

ISTIADAT KONVOKESYEN

Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya kali ke-59 telah berlangsung selama lima hari iaitu pada hari Sabtu, 12 Oktober 2019 jam 9.00 pagi (Sidang Pertama) dan jam 3.00 petang (Sidang Kedua); Ahad, 13 Oktober 2019 jam 9.00 pagi (Sidang Ketiga) dan jam 3.00 petang (Sidang Keempat); Isnin, 14 Oktober 2019 jam 9.00 pagi (Sidang Kelima) dan jam 3.00 petang (Sidang Keenam); Selasa, 15 Oktober 2019 jam 9.00 pagi (Sidang Ketujuh) dan jam 3.00 petang (Sidang Kelapan); dan Rabu, 16 Oktober 2019 jam 9.00 pagi (Sidang Kesembilan) dan jam 3.00 petang (Sidang Kesepuluh). Kesemua sidang ini telah diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.

Sidang Pertama telah dipengerusikan oleh Tuanku Canselor, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Sidang Kedua dipengerusikan oleh Toh Puan Pro-Canselor, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajah Dr. Aishah Ong. Sidang Ketiga dan Keempat pula dipengerusikan oleh Tan Sri Pro-Canselor, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob. Sidang Kelima dan Sidang Keenam dipengerusikan oleh Tan Sri Pro-Canselor, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib. Sidang Ketujuh sehingga Sidang Kesepuluh dipengerusikan oleh Naib Canselor, Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim.

Pada tahun ini, UM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada seorang tokoh ternama, iaitu Ijazah Kehormat Undang-Undang kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Salim. UM juga telah menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Yang Berusaha Profesor Dr. Phang Siew Moi, Yang Berusaha Profesor Ir. Dr. Mohd Ali Hashim dan Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Tan Chong Tin.

UM turut menganugerahkan Anugerah Pelajaran DiRaja kepada dua graduan cemerlang Ijazah Sarjana Muda iaitu Saudara Muhammad Madhi bin Mohd Budiman dari Akademi Pengajian Islam dan Saudari Lau Win Yei dari Fakulti Alam Bina serta Anugerah Naib Canselor kepada dua graduan Diploma dan Diploma Eksekutif dari Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed) iaitu Saudari Chow Wan Yong (Diploma) dan Saudari Norull Adlila binti Alias (Diploma Eksekutif).

Penganugerahan ijazah kepada graduan dibahagikan mengikut sidang seperti berikut: Sidang Pertama – 477 graduan Ijazah Kedoktoran; Sidang Kedua – 459 graduan Ijazah Sarjana dan 267 graduan Diploma Pascasiswazah; Sidang Ketiga – 682 graduan Ijazah Sarjana; Sidang Keempat – 618 graduan Ijazah Sarjana; Sidang Kelima – 717 graduan Ijazah Sarjana Muda; Sidang Keenam – 794 graduan Ijazah Sarjana Muda; Sidang Ketujuh – 737 graduan Ijazah Sarjana Muda; Sidang Kelapan – 717 graduan Ijazah Sarjana Muda; Sidang Kesembilan – 345 graduan Diploma dan 458 graduan Diploma Eksekutif dari Pusat Pendidikan Berterusan UM; Sidang Kesepuluh – 97 graduan Diploma Lanjutan dan 194 graduan Diploma dari Pusat Perubatan Universiti Malaya. Jumlah keseluruhan penganugerahan ijazah adalah seramai 6,562 graduan.

**Titah Tuanku Canselor
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah**

Sidang Pertama - Sabtu, 12 Oktober 2019 (Pagi)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera.

Lima puluh lapan tahun yang lalu, ketika berlangsungnya Istiadat Konvokesyen pertama pada 10 Jun 1961, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah dan diploma kepada 475 graduan; empat ijazah Doktor Falsafah, 11 ijazah Sarjana, 362 ijazah Sarjana Muda dan 98 diploma. Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya kali ke-59, akan menganugerahkan ijazah dan diploma kepada 6,562 graduan. Daripada jumlah tersebut, seramai 477 graduan akan menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam sidang pagi ini; diikuti dengan sembilan sidang lagi untuk penganugerahan 2,026 Ijazah Sarjana dan Diploma Pasca Siswazah, 2,965 Ijazah Sarjana Muda, dan 1,094 diploma lanjutan dan diploma.

Dalam tempoh 58 tahun, bilangan graduan yang dianugerahkan ijazah dan diploma oleh Universiti Malaya sahaja, meningkat hampir 1,300 peratus. Hari ini, terdapat 20 universiti awam, dan 467 institusi pengajian tinggi swasta di negara ini.¹ 1.3 juta remaja Malaysia sedang mengikuti pengajian peringkat pendidikan tinggi, lebih 500,000 daripada bilangan tersebut berada di 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam.² Dalam tempoh 40 tahun terakhir, remaja Malaysia dalam golongan usia 17 ke 23 tahun yang berpeluang mengikuti pengajian peringkat pendidikan tinggi, meningkat daripada 14 peratus dalam tahun-tahun sembilan belas

tujuh puluhan ke sembilan belas lapan puluhan, kepada 44 peratus.³

Data menunjukkan universiti awam kebanyakannya dibangunkan selepas tahun 1990. Jika diandaikan, 100,000 graduan dihasilkan setiap tahun sejak berakhirnya tempoh Dasar Ekonomi Baru, bermakna tiga juta graduan telah dihasilkan dalam tempoh 30 tahun, satu pencapaian program pendidikan yang bukan sahaja menggalakkan, tetapi mungkin belum pernah berlaku di mana-mana juga di dunia.⁴ Berasaskan bilangan ijazah yang dianugerahkan, Malaysia mungkin mempunyai bilangan pemegang ijazah per kapita tertinggi di Asia, jika tidak di dunia.⁵

Menghasilkan bilangan graduan yang ramai belum menyempurnakan sepenuhnya tanggungjawab terhadap negara. Universiti juga wajib mengambil tanggungjawab untuk membina karakter dan mencanai jiwa insan secara menyeluruh. Ijazah adalah pakaian luaran yang memberikan identifikasi tahap dan bidang penguasaan ilmu seseorang graduan. Faktor yang tidak boleh dipinggirkan, malah menjadi lebih penting, ialah kejayaan menyemaikan nilai-nilai murni dalam roh setiap graduan, agar para graduan ketika menghadapi cabaran hidup di dunia sebenar, memiliki kekuatan dalaman, serta menghayati aspek-aspek etika dan moral, akauntabiliti dan integriti.

³ Ibid.

⁴ Lim Teck Ghee, "Now everybody has a degree", *The Sun*, 22.7.2019, page 9.

⁵ Ibid.

¹ Siti Hamisah Taspir, "Harmonising public and private education", *New Straits Times*, (nst.com.my), 14.5

² Ibid.

Sejarah manusia mencatatkan ilmu bukan sahaja dianggap pengaruh, bahkan kuasa.⁶ Bangsa Greek yang kecil misalnya, dengan pencapaian ilmu berpusat di Athens, berpengaruh besar terhadap Empayar Roma dan bangsa lain hingga kini.⁷ Peter F. Drueker, dalam buku *Post Capitalist Society*, mencatatkan kumpulan sosial paling utama dan terpenting pada zaman akan datang, ialah pekerja serta eksekutif berilmu pengetahuan dan tahu menggunakan ilmu.⁸ Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat 11 Surah Al-Mujadalah bermaksud:

“...Allah mengangkat orang beriman daripada golongan kamu dan begitu juga orang dikurniakan ilmu pengetahuan beberapa darjat...”⁹

Lebih tinggi ijazah yang dimiliki, lebih besar amanah yang akan dipertanggungjawabkan. Menyerahkan amanah kepada insan yang tidak memiliki sifat amanah dan tidak menghargai nilai amanah, menyamai perbuatan menyerahkan sekandang biri-biri untuk dijaga oleh seekor atau sekumpulan serigala. Individu yang tidak amanah akan memudaratkan warga, agama, negara dan tamadun.

Universiti, dalam memenuhi peranan sebagai institusi pendidikan, sewajibnya memberi perhatian serius terhadap laporan-laporan berlakunya pelbagai kepincangan di pelbagai organisasi akibat perbuatan individu ataupun kelompok terpelajar, berkelulusan tinggi, yang menyandang jawatan penting, melakukan perbuatan pecah amanah, rasuah, penipuan dan menyalah guna kuasa. Kerendahan akhlak dan ketiadaan integriti, terbukti dalam sejarah, menjadi punca keruntuhan sesuatu tamadun manusia serta kemusnahan sesebuah negara bangsa.

Perangkaan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan dari tahun 2014 hingga Jun 2019, seramai 4,860 individu ditahan kerana rasuah; daripada jumlah tersebut, seramai 2,594 orang atau 53.4 peratus adalah orang muda berusia di bawah 40 tahun.¹⁰ Kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2002, mendapati 30.5 peratus daripada pelajar

universiti yang menjadi responden menyatakan kesanggupan menerima rasuah,¹¹ membayangkan nilai integriti dalam kalangan anak muda semakin terhakis.¹² Tinjauan Institut Integriti Malaysia (IIM) mengenai persepsi pelajar terhadap rasuah pada tahun 2017, mendedahkan satu daripada tiga pelajar universiti tempatan berpendapat, menerima habuan sebagai balasan untuk perkhidmatan yang diberikan bukan dianggap rasuah, sementara 28.1 peratus responden berpendapat tidak menjadi kesalahan bagi mereka untuk mengambil harta atau barang milik syarikat untuk kegunaan peribadi, malah 37.3 peratus daripada responden menganggap perlakuan mengemukakan tuntutan untuk tugas luar walaupun ada tajaan penuh, bukan satu kesalahan moral.¹³ Kajian yang dijalankan oleh SPMR terhadap seribu orang pelajar universiti mendapati 16 peratus daripada mereka sanggup menerima rasuah manakala 18.5 peratus pula akan menerima rasuah jika tiada apa-apa tindakan diambil.¹⁴ Dapatkan kajian UKM, serta hasil tinjauan Institut Integriti Malaysia, ada hubung kait dengan data tangkapan SPRM, atas asas graduan yang dihasilkan 17 tahun yang lalu, kini berada dalam kumpulan usia 38 ke 40 tahun.

Imej sesebuah universiti bukan hanya diwarnakan dengan bilangan dan tahap pencapaian kerjaya graduan yang dihasilkan, tetapi universiti juga menerima tempias negatif, jika ramai daripada graduan yang dihasilkan olehnya, menghadapi pelbagai dakwaan jenayah di mahkamah, atau meringkuk di dalam penjara.

Kaji selidik yang dilakukan dalam makmal akauntabiliti semasa berlangsungnya Forum Ekonomi Dunia di Davos tahun ini, menamakan rasuah sebagai cabaran paling besar yang anak muda hadapi. Kaji selidik tersebut juga mengenal pasti rasuah perlu dibayar dengan harga yang tinggi dan melenyapkan dana awam; didapati lebih satu trilion dolar setahun terpaksa disogok dalam bentuk rasuah oleh golongan peniaga dan individu, majoritinya golongan miskin, mengakibatkan hilangnya keyakinan dan melebarnya ketidakseimbangan pendapatan. Dianggarkan, setiap tahun, satu trilion dolar pengubalan wang secara haram berlaku di negara-negara miskin dan kurang membangun; dianggarkan juga setiap tahun, 38 ke 64 bilion dolar hasil dalam bentuk cukai di negara-negara sedang membangun tidak dapat dipungut kerana

⁶ Profesor Emeritus Zakaria Stapa, “Ubah tujuan ilmu berdasarkan falsafah kebendaan Barat”, *Berita Harian*, 14.3.2019, ms 85.

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

⁹ Al-Quran, Surah Al-Mujadalah (58:11)

¹⁰ Berita Harian, 1.8.2019, ms 4; 2.8.2019, ms 10.

¹¹ Ibid. 1.8.2019.

¹² Ibid. 2.8.2019.

¹³ Berita Harian, 15.8.2019, BH Varsiti (bhvarsiti@bh.com.my)

¹⁴ Ibid.

rasuah.¹⁵ Antara tahun 2001 hingga 2010, hampir enam trilion dolar disalah guna di negara-negara miskin hingga menjelaskan kehidupan rakyat biasa.¹⁶ Setiap trilion dolar yang tiris, menjadi punca kepada 3.6 juta kematian setahun,¹⁷ kerana hasil negara yang sepatutnya dibelanjakan untuk perkhidmatan kesihatan, makanan dan prasarana, telah dilesapkan. Ban Ki-Moon, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada September 2007 menyatakan:

“Corruption undermines democracy and the rule of law. It leads to violations of human rights. It erodes public trust in government. It can kill.”

¹⁵ “The Middle East included, of course: corruption costs poor countries trillion dollars a year”, *Al Bawaba* (<http://www.albawaba.com>), 8 September 2014.

¹⁶ Pierre Landel-Mills, *Citizens Against Corruption: Report From The Front Line*, (Leicestershire: Partnership for Transparency Fund, 2013) xv

¹⁷ “Corruption impoverishes and kills millions in developing countries”, *LusakaTimes.com*-<http://www.lusaka.times.com>, 4 September 2014.

Para graduan, terutama dalam kalangan yang pertama kali menerima ijazah atau diploma, selepas ini akan menghadapi dunia sebenar. Tanggungjawab, cabaran dan akauntabiliti saudara-saudari tidak lagi terbatas kepada guru dan pensyarah, keluarga dan diri sendiri. Saudara saudari akan berhadapan ujian dan cabaran sebenar memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan. Nilai yang dipegang akan berperanan sebagai kompas moral memandu saudara saudari menjadi aset atau liabiliti kepada negara.

Istiadat konvokesyen ini mencipta kejayaan yang membawa kebanggaan kepada diri - kepada keluarga; lengkapkan kejayaan ini dengan nilai moral yang murni, agar saudara saudari terus mengangkat martabat diri dan nama baik keluarga; hindarkan diri daripada terjebak dengan perbuatan yang boleh memusnahkan diri dan mengabikan keluarga. Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada para graduan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan petunjuk membimbing saudara saudari menemui jalan yang lurus, jalan yang benar, jalan yang dapat memberi kebahagiaan dunia dan akhirat.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Ucapan Naib Canselor
Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim**

Sidang Pertama - Sabtu, 12 Oktober 2019 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Menghadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Patik mewakili warga Universiti Malaya berdatang sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih, atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, bercemar duli bagi menyempurnakan, Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya pada hari ini.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat besar ertinya kepada patik sekalian. Semoga Allahu Subhanahu Wataala melimpahkan rahmat kesejahteraan dan limpah kurniaNya, kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk terus memayungi kami, hamba rakyat warga Universiti Malaya.

Patik sekalian juga bersyukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan izinNya, kebijaksanaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam memandu patik sekalian, telah membantu Universiti Malaya terus cemerlang di arena global.

Bagi meneruskan majlis, patik memohon limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, untuk patik berucap kepada para hadirin.

Ampun Tuanku.

Barisan Pro-Canselor Universiti Malaya,
Ahli-ahli Lembaga Pengarah,
Dif-dif kehormat,
Para jemputan, ibu bapa dan ahli keluarga graduan,
Para graduan yang diraikan pada hari ini,
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Selamat Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allahu Subhanahu Wataala, dengan IzinNya, kita dapat sama-sama berkumpul di Dewan Tunku Canselor, dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya yang ke-

59. Keberadaan kita di sini bukan sekadar meraikan para graduan, tetapi bagi menyaksikan kejayaan universiti ini melahirkan modal insan terbaik untuk negara dan juga dunia.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

Pada hari ini, dengan sokongan kerajaan, rakan kerjasama, penyumbang, alumni serta atas usaha gigih setiap warga, Universiti Malaya telah diletakkan di tangga ke-70 universiti dunia, berdasarkan QS World University Ranking. Kedudukan ini menjadikan Universiti Malaya muncul sebagai Universiti ke-19 terbaik di Asia, Ketiga terbaik di Asia Tenggara dan yang Terbaik di Malaysia.

Walau bagaimanapun, mengekalkan kedudukan terbaik adalah lebih sukar. Pada hari ini, teknologi berkembang dengan pesat. Cabaran mengenai pekerjaan dan tugas berdasarkan teknologi, berkait langsung dengan sosio-ekonomi negara, yang memberi impak kepada perkara berkaitan keselamatan tenaga, perkhidmatan perniagaan dan kewangan, pelancongan, kebudayaan dan kesenian, perubatan dan penjagaan kesihatan, teknologi pintar, bandar mesra manusia, keselamatan makanan, pertanian, alam sekitar dan biodiversiti serta pendidikan. Jadi persoalannya, siapakah yang bertanggungjawab kepada semua cabaran ini? Dan di mana peranan Universiti Malaya?

Persoalan ini mengingatkan kita kepada titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kesembilan, Sultan Azlah Shah, dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 29 tahun yang lalu, pada tahun 1990. Baginda bertitah:

“...telah sampai masanya bagi Universiti Malaya menilai dan mengkaji semula, kedudukan dan peranannya dalam memenuhi aspirasi pendidikan tinggi, dan juga keperluan negara. Ini adalah kerana universiti sebagai sebahagian

daripada sistem sosial yang lebih besar, menghadapi pelbagai cabaran baik dari dalam maupun dari luar”.

Titah nasihat yang merentas zaman ini, masih lagi tergiang-ngiang kepada kita. Sebagai universiti terbaik negara, Universiti Malaya tidak mempunyai cara lain melainkan perlu keluar dari kepompong nostalgia dan muncul sebagai peneraju kepada perubahan.

Untuk itu, Lembaga Pengarah Universiti dan Pengurusan Tertinggi, sedang merancang program Transformasi Universiti Malaya. Transformasi ini merupakan usaha meletakkan penanda aras baru kepada perjalanan aktiviti universiti. Setiap aktiviti dan kecemerlangan akademik serta intelektual pada masa hadapan, tidak lagi diukur berdasarkan input, aktiviti dan output. Tetapi turut mengambil kira aspek keberhasilan, yakni *outcome* dan juga impak kepada setiap aktiviti yang dilakukan. Ini kerana, sumbangan akademik tanpa impak kepada masyarakat, ibarat pohon yang tidak berbuah.

Justeru itu, bagi mewujudkan budaya peneraju kepada perubahan, pembaharuan atau tajid dalam pemikiran perlu dilakukan oleh warga Universiti Malaya. Pemikiran luar kotak yang melangkaui zaman berserta kreativiti, akan melonjakkan pencapaian Universiti ini, dan menjadikan Universiti Malaya sebagai teras kepada agenda perubahan di negara ini.

Saya percaya, transformasi yang bakal diperkenalkan nanti akan membawa Universiti Malaya ke satu tahap kecemerlangan yang berbeza, di mana setiap sejarah masa hadapan, bakal dilakarkan melalui minda-minda pencetus Universiti Malaya.

Antara langkah awal, transformasi Universiti Malaya nanti akan turut memberi tumpuan kepada beberapa perkara seperti:

Pertama, melahirkan *future proof* dan *global ready graduates*. Siswa yang dibentuk di Universiti Malaya perlu berdaya saing, mampu berkomunikasi, mampu menganalisa, kritis, mampu menyelesai masalah dan terdedah dengan persekitaran antarabangsa. Dalam konteks ini, selain daripada aktiviti dalam kelas dan kurikulum yang ditambahbaik, termasuklah memperkenalkan program multidisiplin, pelajar turut digalakkan untuk terlibat dalam aktiviti mobiliti pelajar ke luar negara. Pada masa yang sama di kampus ini juga terdapat lebih daripada 3,000 orang pelajar antarabangsa dari 92 negara, yang

menawarkan persekitaran antarabangsa, dalam interaksi sehari-hari para siswa.

Universiti Malaya juga sentiasa menyediakan peluang agar bakat kepimpinan dalam kalangan mahasiswa dibentuk sebaik mungkin. Pada tahun ini, Universiti Malaya mencipta sejarah negara, apabila pilihanraya kampus dikendalikan sepenuhnya oleh mahasiswa. Pada tahun ini juga, badan pemutus tertinggi urusan berkaitan akademik, iaitu Senat Universiti, turut disertai oleh wakil mahasiswa. Ini merupakan dua contoh, bagaimana Universiti Malaya memperkasakan peranan mahasiswa di samping memberi pendedahan kepada mereka berkenaan dunia realiti di luar kampus.

Kedua, kampus pintar dan kelestarian alam sekitar. Pada masa ini, Universiti Malaya telah mula bergerak ke arah kampus pintar dengan memperkenalkan teknologi yang mampu menjimatkan penggunaan tenaga serta penggunaan sistem solar. Selain daripada itu, UM Cashless telah diperkenalkan pada tahun ini di mana premis perniagaan dan urusan melibatkan kewangan dilakukan tanpa tunai. UM Cashless ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2021. Baru-baru ini apabila kampus terpaksa ditutup atas faktor jerebu, proses pengajaran dan pembelajaran di Universiti ini tidak terhalang, dengan adanya platform digital yang dinamakan SPeCTRUM. Platform ini membolehkan pembelajaran dilakukan di mana-mana sahaja tanpa menuntut pelajar berada di kelas secara fizikal.

Pada masa yang sama kelestarian alam sekitar turut menjadi agenda transformasi ke arah kampus hijau. Komitmen ini dizahirkan dengan menjadikan kampus ini sebagai *living lab* bagi pelbagai program, contohnya Zero Waste program. Program ini menjadikan Universiti Malaya penyumbang penting kepada penanda aras kejayaan sesuatu program yang akan dilaksanakan oleh masyarakat di luar sana. Pada masa ini Zero Waste di Universiti Malaya telah berjaya menjana pendapatan sampingan, serta memastikan kelestarian alam sekitar di kampus. Natijahnya, Universiti Malaya dinobatkan sebagai kampus ke-36 terbaik di dunia dalam aspek kelestarian berdasarkan UI GreenMetric.

Ketiga, *translational research* dan *social enterprise approach*. Selain daripada penyelidikan asas, penyelidikan untuk terbitan jurnal akademik, warga penyelidik Universiti Malaya juga perlu mempunyai sumbangan langsung kepada masyarakat melalui penyelidikan yang dapat dikomersilkan, penyelesaian

kepada masalah masyarakat, dan membantu pihak berkuasa menyediakan dasar yang lebih baik. Ini semua mampu mewujudkan kitaran penyelidikan yang baik, lestari dan berimpak tinggi.

Keempat, pengukuhan hal ehwal alumni. Universiti Malaya mempunyai lebih daripada 200 ribu orang alumni yang telah berjaya dalam pelbagai bidang. Alumni sangat penting kepada universiti bagi menghubungkan permasalahan dan isu sebenar sektor awam, sektor swasta, industri, perniagaan, hal ehwal agama dan masyarakat, untuk diperhalusi oleh penyelidik dan tenaga pakar universiti agar penyelesaian dapat diusahakan. Tetapi peranan penting ini tidak dapat disempurnakan oleh universiti tanpa hubungan langsung dengan realiti di luar sana, melainkan alumni mampu menjadi penghubung kepada usaha ini.

Sumbangan kepakaran alumni juga diperlukan bagi membantu siswa Universiti Malaya yang sedang menuntut, agar dapat mendengar sendiri, realiti yang sedang berlaku dalam pelbagai industri. Ini merupakan elemen yang mampu mengukuhkan transformasi universiti dalam usaha melahirkan *future proof graduates*.

Selain berperanan sebagai penghubung dan penyumbang kepakaran. Alumni juga boleh menyumbang kepada Universiti Malaya Endowment Fund, dalam usaha universiti mencapai objektif kelestarian dalam aspek kewangan.

InsyaAllah dengan adanya transformasi ini, pelbagai pihak terutamanya alumni dapat menjadikan universiti sebagai medan penyelesaian kepada pelbagai masalah dan isu yang wujud di sekitar kita, serta pada masa yang sama, melahirkan modal insan untuk negara dan dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti Malaya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Naib Canselor wanita pertama negara, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Rafiah Salim, Naib Canselor Universiti Malaya kesembilan atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang pada pagi ini. Tahniah Tan Sri.

Legasi pengantarabangsaan dan tabung mobiliti pelajar yang ditinggalkan oleh Tan Sri amat signifikan kepada kecemerlangan Universiti di peringkat global.

Tahniah juga kepada Profesor Dr. Phang Siew Moi yang akan dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus.

Serta syabas kepada penerima Anugerah Pelajaran DiRaja, Saudara Muhammad Madhi Mohd Budiman serta Saudari Lau Win Yei atas kecemerlangan yang ditunjukkan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Istiadat kali ini menyaksikan Universiti Malaya berbangga melahirkan seramai 477 graduan Ijazah Kedoktoran, 2,026 graduan Ijazah Sarjana dan 2,965 graduan Ijazah Sarjana Muda.

Kepada ibu bapa dan keluarga graduan. Pihak universiti menghargai sokongan dan dorongan tuan-tuan dan puan-puan dalam usaha memastikan kejayaan graduan yang diraikan pada hari ini.

Kepada para graduan, anda merupakan aset penting untuk negara dan jasadunia. Manfaatkanlah ilmu yang dimiliki sebaiknya, dan berazam untuk menjadi peneraju kepada perubahan dalam bidang masing-masing. Pada masa yang sama, hargailah sumbangan dan pengorbanan ibu bapa, keluarga, guru, pensyarah dan rakan-rakan sekeliling yang telah sedikit sebanyak membantu anda mengharungi semua cabaran dan liku pengajian, untuk berjaya pada hari ini.

Sebagai tanda penghargaan, atas kejayaan para graduan hari ini, kita berikan tepukan gemuruh kepada para graduan Universiti Malaya 2019.

Ampun Tuanku beribu ampun, sembah patik pohon diampun.

Sekian sahaja ucapan patik kepada para hadirin. Patik memohon ampun kiranya terdapat sebarang cela dan kekurangan sepanjang istiadat pada pagi ini berlangsung.

Izinkan patik mengundur diri dengan mendoakan agar kebaikan dan keberkatan, dianugerahkan Allahu Subhanahu Wataala kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Menjunjung kasih Tuanku.

Semoga usaha kita semua diberkati Allahu Subhanahu Wataala.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Pidato Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang
untuk Yang Berbahagia Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Salim**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin Hj. Sabaruddin
Dekan, Fakulti Undang-Undang**

Sidang Pertama - Sabtu, 12 Oktober 2019 (Pagi)

Rafiah Salim.

Hari ini sejarah telah bersuara
Kebangkitan mereka
Yang dulu tersenyum dengan bunga
Yang dulu hanya berkata
Sedu dari bening air mata
Dari bunga dan air mata
Tudung kepala menghias diri
Atas ajaran kemauhan lelaki
Mereka sederap mencabar
Hak yang tak pernah mereka miliki

Jelas maksudnya bait-bait dari luahan jiwa Sasterawan Negara Usman Awang mengenai perjuangan wanita melepas cabaran-cabaran demi mencapai kejayaan. Banyak persamannya dengan riwayat hidup Rafiah Salim yang berdiri di hadapan kita ini di ambang menerima pengiktirafan kejayaan demi kejayaan beliau dari universiti tersohor ini. Ceritanya adalah sebuah riwayat seorang SriKandi bangsa yang mencipta nama di persada negara dan antarabangsa. Ceritanya adalah sebuah cerita mengenai jiwa pendidik yang penuh dengan, jika saya dibenarkan menggunakan perumpamaan dalam bahasa Inggeris, pemecahan *glass ceilings* yang membuka ruang yang luas untuk wanita-wanita Malaysia contoh pada hari ini.

Kisah hidupnya bermula tujuh dasawarsa yang lalu di Kuala Krai, Kelantan dan berbekal pendidikan di institusi-institusi ternama berjaya menjadikan ilmu hukum pegangan dan kepakarannya. Di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya beliau memulakan kerjaya. Di sinilah sebenar-benarnya jiwa beliau sebagai pendidik terbina dan terus bertapak walau di mana sekalipun beliau berada. Saat paling manis dan membanggakan menurut beliau, adalah ketika menjadi Dekan Fakulti Undang-Undang berdiri di pentas ini, sebagaimana beliau berdiri sekarang, dan menyaksikan satu demi satu anak-anak didiknya dilepaskan memasang

sayap mereka setelah menerima ijazah mereka di pentas ini.

Guru adalah awan indah terbang rendah,
Melimpahkan hujan pada musim gersang,
Menyegarkan benih ilmu, berbuahkan hikmah,
Ia renjis embun pada tanah bakat,
Suara ihsan ketika manusia kalah,
Sepi yang syahdu dalam dunia resah.

Nukilan jiwa A. Samad Said menyedihkan hati setiap pendidik, khususnya pendidik yang tidak lekang dari jiwanya semangat mendidik dan membina bangsa. Melalui pendidikanlah kita membina atau kita menghancurkan sesuatu bangsa. Walaupun Rafiah Salim meninggalkan universiti dan berhijrah ke dunia perbankan sehingga menjadi Pengurus Besar di Malayan Banking and Penolong Gabenor di Bank Negara Malaysia, ilmu di dada pendidik beliau digunakan dalam dunia korporat memberikan hati dan belas ihsan kepada dunia tersebut yang sejuk dan kaku.

Tidak mudah untuk seorang berjiwa kental yang sentiasa mencari keupayaan sebenar potensinya duduk diam dan berpuas hati. Bangsa-bangsa Bersatu menggamit memerlukan perkhidmatan Rafiah Salim di persada antarabangsa, sebagai Penolong Setiausaha Agong kepada Kofi Annan, suatu penghormatan yang pertama kali diberikan kepada rakyat Malaysia. Agenda pembaharuan di Bangsa-Bangsa Bersatu dilengkapkan oleh seorang rakyat Malaysia berbekal logika undang-undangnya dan membawa nafas pendidikan. Untuk mendapat kefahaman bagaimana untuk mengatur 193 negara untuk bersetuju, tiadalah tempat yang lebih sesuai untuk mempelajarinya selain Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jiwa halusnya kini lebih memahami betapa berpotensinya negara kita untuk lebih maju kerana kita sudah jauh kehadapan di banding negara dunia yang lain. Betapa perlunya kita terus ke

hadapan dan tidak jatuh di pinggiran seperti negara-negara yang telah hilang panduan, adalah pegangan kukuh Rafiah Salim sekembalinya dari Bangsa-Bangsa Bersatu. Pengalaman berguna terus disalurkan ke institusi-institusi tempatan untuk menanam landasan mendidik kepimpinan global dan pengupayaan wanita di negara ini.

Ikan berenang di dalam lubuk,
Ikan belida dadanya panjang;
Adat pinang pulang ketampuk,
Adat sirih pulang ke gagang.

Telah tersurat di dalam hidup Rafiah Salim bahawa beliau akan kembali ke Universiti Malaya menerajuinya sebagai Naib Canselor yang kesembilan dan Naib Canselor wanita yang pertama. Pendidik undang-undang ini kembali ke tempat permulaannya berbekal semangat tinggi dan pengalaman luas, ingin membawa universiti hebat ini ke tingkat yang lebih tinggi. Pengalaman beliau di dunia korporat dan di institusi-institusi antarabangsa mengalir ke Universiti Malaya melalui penstrukturran halatuju, cara berkerja dan nilai teras yang selama ini menjayakan Universiti Malaya tetapi belum dimanifestasikan dalam bentuk jelas dan konkret. Kita di Universiti Malaya tidak lagi berpegang kepada naluri tetapi dipandu dengan Visi dan Misi, dengan fakta dan data, dengan penentu-penttu pencapaian yang menjadikan langkah kita lebih teratur dan berhalatuju. Kata Rafiah Salim antara perkara yang beliau syukuri adalah landasan transformasi yang dibentangkan untuk Universiti Malaya tidak diubah oleh Naib-Naib Canselor yang berikut, menjadikan kejayaan Universiti Malaya pada hari ini adalah kesinambungan perancangan jangka panjang. Universiti Malaya mengenali Rafiah Salim sebagai seorang berwatak ibu tetapi kadangkala memberikan, dengan izin, *tough love* yang sangat mewaraskan.

Rafiah Salim tidak pernah duduk diam, masih terus menabur bakti dan pengalaman di dalam pelbagai

pertubuhan kebajikan dan syarikat-syarikat swasta. Kejayaan hidupnya adalah berteraskan falsafah hidup yang murni berlandaskan undang-undang, berpaksikan perkhidmatan dan berjiwa pendidikan.

Pada zatnya, Rafiah Salim adalah seorang pendidik. Kita semua tahu bahawa jasa seorang pendidik akan berterusan dalam diri anak muridnya dan ini akan berterusan sehingga hari kiamat. Balasan sebenarnya kepada Guru adalah dalam doa orang yang dididik, bukannya buat yang fana tetapi buat yang baqa.

Kata orang di samping setiap lelaki yang berjaya, ada wanita yang menjadi penyokong dan cahaya hidupnya, begitu juga di samping setiap wanita berjaya, ada lelaki yang mendorong dan menjadi sumber kekuatannya. Begitu juga Rafiah Salim, dianugerahkan suami dan pasangan pelengkap bernama Selamat Bajuri yang telah bersama Rafiah selama 50 tahun dalam sebuah kehidupan rumahtangga bahagia yang menjadi idaman ramai orang. Mereka dikurniakan enam orang anak dan sebelas orang cucu yang menjadi penyejuk hati dan nur di dalam kehidupan mereka. Mereka sekarang berada di dewan ini menyaksikan isteri, ibunda dan nenda mereka diberikan penghormatan yang penuh makna ini. Pemidato ini berterima kasih dan tumpang gembira kerana pemidato ini juga anak didik Rafiah Salim dan telah memilih dunia akademik diatas gesaan beliau.

Diakhiri pidato ini seperti dimulai tadi dengan kata-kata Sasterawan Negara tetapi kali ini pujiannya adalah kepada pendidik:

Dialah pemberi paling setia,
Tiap akar ilmu miliknya;
Pelita dan lampu segala,
Untuk manusia sebelum menjadi dewasa.

Ucapan Penerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Salim

Sidang Pertama - Sabtu, 12 Oktober 2019 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Menghadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Tuanku Canselor, Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Patik dengan penuh takzim merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih ke bawah Duli Tuanku atas penghargaan yang telah diberikan kepada patik pada pagi ini dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang.

Anugerah ini amat bermakna kepada patik kerana ianya diberikan oleh Universiti Malaya, institusi dimana patik telah menyumbang bakti selama lebih 17 tahun. Ianya lebih istimewa lagi bermakna kepada patik dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mencemar duli menyampaikan anugerah ini.

Ampun Tuanku,

Patik mohon limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk patik menyampaikan sedikit ucapan kepada para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku.

Dif-dif kehormat, warga Universiti Malaya, tuan-tuan, dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Izinkan saya memulakan ucapan saya dengan mengucapkan terima kasih kepada Dato' Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin Sabaruddin, Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya sebagai Pemidato Umum yang telah memperkenalkan saya dengan cara penuh budiman. Dato' Johan sudah lama mengenali saya semenjak hari pertama beliau sebagai seorang pelajar ijazah sarjana muda

di Universiti ini. Pertamanya sebagai pensyarah beliau, kemudiannya sebagai Timbalan Dekan, seterusnya sebagai Dekan dan akhirnya sebagai Naib Canselor di Universiti ini. Ya, perkenalan kami sudah bertahun-tahun lamanya.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaya, terutamanya Lembaga Pengarah, Naib Canselor, dan Senat Universiti Malaya bagi penganugerahan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang ini. Saya terharu dan dengan rasa rendah diri menerima anugerah ini daripada universiti terulung di Malaysia.

Adalah menjadi satu penghormatan bagi saya untuk kembali ke Universiti ini. Kali pertama saya menjek kaki di kampus ini adalah pada 15 Januari 1974 di mana saya telah bertemu dengan Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim yang kemudiannya telah menawarkan peluang kerja kepada saya sebagai pensyarah di Fakulti Undang-Undang.

Saya merupakan pensyarah di Universiti ini selama 15 tahun. Pada mulanya kami menumpang di bangunan Matematik dan kemudiannya berpindah ke bangunan IPT. Apabila saya menamatkan perkhidmatan saya sebagai pensyarah pada tahun 1988, Fakulti Undang-Undang masih belum diberi bangunannya sendiri. Walau bagaimanapun, ketiadaan bangunan sendiri tidak menghalang Fakulti ini melahirkan peguam-peguam yang handal serta hakim-hakim yang arif dan bijaksana di negara ini. Saya amat bangga dengan pencapaian ini.

Saya juga pernah berdiri di *rostrum* ini sebagai Dekan dan menyaksikan beratus-ratus pelajar Undang-Undang berarak ke atas pentas dengan bergayanya untuk menerima segulung ijazah LLB daripada Tuanku Canselor. Saya berasa sebak dan terharu mengetahui insan-insan yang

saya telah sedikit sebanyak menyumbang ke arah pembangunan diri insan-insan tersebut. Tiada kerjaya yang lebih mulia di atas muka bumi ini melainkan menjadi seorang pendidik. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan tahniah kepada staf-staf akademik yang cemerlang di Universiti ini. Anda semua telah menyumbang dalam peningkatan kedudukan yang kini berada di tangga ke 70 QS World University Ranking. Tahniah saya ucapkan!

Hari ini saya amat bertuah kerana berdiri di atas pentas yang sama dan diberi peluang untuk meneruskan hubungan saya dengan Universiti Malaya. Tetapi kali ini, saya berdiri di atas pentas ini dengan bangganya sebagai *alumnus*. Kini saya sudah boleh pergi ke PAUM sebagai siswazah Universiti ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya berkongsi hari ini bersama siswazah-siswazah, lelaki dan perempuan, daripada pelbagai latar belakang yang telah bekerja keras dan bertungkus lumus selama bertahun-tahun dalam menuntut ilmu dan membuat penyelidikan untuk segulung ijazah yang mereka akan terima pada hari ini. Ini merupakan hari kalian juga dan saya mengucapkan tahniah atas kejayaan yang indah ini.

Saya berharap dan mendoakan agar anda semua akan menyumbang kepada pembangunan negara kita. Banyak yang boleh anda lakukan. Mungkin anda tidak menyedari betapa hebatnya negara kita ini. Saya juga, pada mulanya tidak sedar kehebatan negara kita sehinggahalah saya berkhidmat dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan saya terlibat dalam misi-misi di negara seperti Congo, Addis Ababa, Eritrea dan seumpamanya. Saya sungguh gembira untuk balik setiap cuti musim panas kerana percayalah selepas melalui pengalaman di negara seperti Lebanon, Palestin dan Bosnia, pulang ke Malaysia adalah syurga di bumi. Jadi saya menyeru kepada siswazah di sini untuk keluar dan membangunkan negara ini. Kalian mempunyai kepandaian untuk melakukannya. Jangan biarkan negara kita hancur seperti negara-negara lain. Masa depan negara kita adalah di tangan anda semua.

Saya akhiri ucapan ini dengan memanjatkan doa agar Universiti Malaya akan terus berjaya dalam menjalankan tugasnya mendidik anak bangsa.

Terima kasih.

Ampun Tuanku,

Wabillahi Taufiq Walhidayah.
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabrakatuh.

**Pidato Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus
untuk Yang Berusaha Profesor Dr. Phang Siew Moi**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berusaha Profesor Dr. Ismail Yusoff
Dekan, Fakulti Sains**

Sidang Pertama - Sabtu, 12 Oktober 2019 (Pagi)

Phang Siew Moi.

Phang Siew Moi, juga dikenali sebagai "Wanita Alga" atau "Wanita Rumpai Laut" merupakan seorang graduan hasil didikan daripada tenaga pengajar di Universiti Malaya. Beliau mula mendaftar sebagai mahasiswa di Fakulti Sains pada tahun 1972 dan seterusnya melanjutkan pengajiannya sehingga memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang Fikologi pada tahun 1985. Beliau telah mendapat pendidikan awal di dua buah sekolah terkemuka di negeri Selangor, iaitu Bukit Bintang Girls' School dan Victoria Institution. Hasil daripada pendidikan asas di sekolah yang hebat dan dorongan daripada ibu bapa serta sokongan penuh daripada suami, Profesor Phang berjaya melebarkan kerjayanya sebagai pembimbing pelajar dan penyelidik ke tahap cemerlang. Hasil sumbangan beliau dapat dilihat sejak awal pembabitannya sebagai pensyarah dan seterusnya ke profesor sehingga ke akhir perkhidmatannya di Institut Sains Biologi pada tahun 2018. Dalam bidang pengajaran dan penyelidikan, beliau mempelopori pembangunan kajian dalam bidang Fikologi dengan melahirkan seramai 96 orang graduan pascasiswazah di beberapa buah universiti dan institusi penyelidikan di Malaysia dan juga luar negara.

Profesor Phang telah menerajui Institut Sains Samudera dan Bumi atau IOES di Universiti Malaya selama 15 tahun. Di bawah kepimpinan beliau, IOES telah mencapai status sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Selain itu, beliau juga telah menyelaraskan penubuhan Stesen Penyelidikan Marin IOES di Bachok, Kelantan, di mana stesen tersebut berfungsi sebagai pusat penyelidikan kerjasama antarabangsa dalam bidang interaksi dan proses udara-lautan-darat dengan menjalinkan kolaborasi penyelidikan dengan institusi-institusi yang terkenal di dunia, seperti University of Cambridge.

Profesor Phang telah menubuhkan Koleksi Kultur Alga Universiti Malaya (UMACC), yang merupakan sumber alga yang sangat bernilai dan bermanfaat kepada para penyelidik dan industri termasuk AIRBUS dan Pusat Inovasi Aerospace Malaysia (AMIC). Koleksi alga ini mengandungi 'strain alga' yang dikumpul dari rantau Artik hingga ke Antartika, dan telah menyokong penyelidikan Kumpulan Penyelidikan Alga. Beliau juga telah menubuhkan Herbarium Rumpai dan Rumput Laut Universiti Malaya yang mengandungi lebih daripada 25,000 spesimen. Gabungan data morfologi, biokimia dan molekul telah mengukuhkan pemahaman dan pengetahuan tentang filogenetik alga-alga tropika yang tersimpan dalam kedua-dua koleksi ini. Sepuluh alga baru telah ditemui dan dikenal pasti oleh beliau dan kumpulannya, yang turut menyumbang kepada penemuan dan penerbitan spesies baru di rantau ini. Pencapaian lain beliau termasuklah pembangunan sistem transformasi genetik alga dan pengeluaran kuasa bioelektrik daripada fotosintesis alga, yang telah memenangi Hadiah Newton 2017 daripada UK Research Council.

Pengiktirafan terhadap kerja dan sumbangan beliau terbukti melalui beberapa anugerah yang diterima oleh beliau seperti, International Foundation of Science/King Baudouin Award; Anugerah Naib Canselor Universiti Malaya Pencapaian Sepanjang Hayat; Top Research Scientist Award, Akademi Sains Malaysia, Newton Prize Malaysia, UK Government Department for Business, Energy and Industrial Strategy dan Anugerah Penyelidik Cemerlang Universiti Malaya. Beliau telah dianugerahkan sebagai Felo Akademi Sains Malaysia, Felo Persatuan Saintifik Malaysia dan Felo Persatuan Biologi Marin, United Kingdom. Beliau juga merupakan ahli pengasas dan Presiden dua buah pertubuhan saintifik antarabangsa, iaitu Persatuan Fikologi Asia Pasifik dan Persatuan

Fikologi Gunaan Asia-Pasifik; dan merupakan mantan Naib Presiden Persatuan Fikologi British.

Dedikasi beliau terhadap penyelidikan saintifik bertaraf dunia selama empat dekad telah meletakkan Malaysia di kedudukan yang tinggi dalam peta Fikologi dunia. Dua spesies baru alga, iaitu *Pterocladiella phangiae* dan *Batrachospermum phangii* telah dinamakan sempena nama beliau sebagai menghargai sumbangan saintifik beliau dalam bidang Fikologi di rantau ini. Pada tahun 2017, naskah khas Journal of European

Phycology telah diterbitkan sebagai penghormatan sumbangan beliau terhadap perkembangan dalam bidang *Applied Phycology*.

Sebagai seorang guru, mentor dan idola, Profesor Phang telah menghasilkan pakar Fikologi generasi muda di dalam negara dan juga di rantau ini yang berkeupayaan dan berwibawa untuk memastikan kemajuan yang berterusan dalam bidang Fikologi

**Ucapan Penerima Gelaran Profesor Emeritus
oleh
Yang Berusaha Profesor Dr. Phang Siew Moi**

Sidang Pertama - Sabtu, 12 Oktober 2019 (Pagi)

Salam sejahtera,

Menghadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Tuanku Canselor, Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Patik dengan penuh takzim merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas penghargaan yang telah diberikan kepada patik pada pagi ini dengan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus. Anugerah ini amat bermakna kepada patik kerana ia diberikan oleh Universiti Malaya di mana patik memulakan pengajian dan berkhidmat sepenuh masa sepanjang kerjaya patik selama lebih 40 tahun ini. Ia lebih istimewa lagi dan bermakna kepada patik dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mencemar duli menyampaikan anugerah ini.

Ampun Tuanku,

Patik mohon limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk memberi sedikit ucapan kepada para hadirin.

Ampun Tuanku.

Dif-Dif Kehormat, Warga Universiti Malaya, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Ia merupakan 47 tahun yang amat bermakna dan tidak dapat dilupakan sejak saya buat pertama kali masuk ke Universiti Malaya sebagai seorang mahasiswa Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Sains; dengan perasaan yang gementar dan bimbang, tetapi teruja untuk menghadapi cabaran yang menunggu di hadapan.

Hari ini, saya berdiri di hadapan hadirin sekalian, dengan perasaan yang sangat bersyukur

menerima penghormatan daripada *alma mater* tercinta ini yang menandakan kemuncak kerjaya saya. Perjalanan kejayaan ini hampir kepada pencapaian sepanjang hayat, dan merupakan salah satu daripada dua babak yang paling bermakna dan menggembirakan dalam hidup saya. Satu lagi adalah menyaksikan anak tunggal saya bergraduasi dari University of Cambridge dan membina kehidupan sebagai seorang anak yang penyayang dan berdedikasi. Beliau bukan sahaja cemerlang dalam kerjaya malah aktif melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti memberi kaunseling dan membimbing anak-anak dan keluarga yang bermasalah dan kurang bernasib baik.

Marie Curie, pemenang Hadiah Nobel sebanyak dua kali, pernah berkata, "Hidup bukan mudah bagi kita. Tetapi apakah itu? Kita mesti bersikap tabah dan segala-galanya yakin dengan diri kita sendiri. Kita mesti yakin bahawa kita dianugerahkan bakat tertentu dan ia semestinya harus dicapai". Ya, tabah, yakin dan yang paling penting, mengenal pasti kurniaan bakat dan misinya, serta rajin memperkasakan pengetahuan dan kemahiran kita demi mencapai misi kerjaya kita.

Sebagai penuntut muda di UM, saya sering diinspirasikan oleh pensyarah-pensyarah saya. Berkat didikan yang saya terima daripada mentor-mentor di UM, apabila tiba giliran saya untuk menjadi mentor, saya telah dipersiapkan untuk menyampaikan ilmu dan kemahiran serta mendorong melalui teladan kepada anak didik saya. Apabila pelajar seliaan saya berjaya menamatkan pengajian dari Makmal Penyelidikan Alga, Universiti Malaya, mereka membawa satu prinsip kehidupan mereka yang penting; iaitu, "Apa sahaja yang awak lakukan, lakukan yang terbaik, kemudian ketepikan buat seketika, dan kembali semula untuk menjadikannya lebih baik".

Saya amat bersyukur dapat mendidik pelajar-pelajar yang cemerlang, sanggup mengorbankan

masa yang panjang untuk berdiskusi persoalan-persoalan saintifik dan melakukan eksperimen berulang kali demi mencari jawapan yang tepat. Kami sama-sama berkongsi kegembiraan dan kesedihan sepanjang perjalanan penyelidikan ini. Sehingga kini, ramai anak didik saya masih rapat dan terus bekerja dengan saya. Mereka seramai 96 orang yang merupakan pelajar pascasiswazah saya; mereka adalah keluarga saya yang sentiasa dekat di hati saya.

Hadirin sekalian,

Secara umumnya, ramai telah lama mengenali rumpai laut tetapi masih ramai yang berasa asing dengan istilah alga. Ya, rumpai laut adalah alga marin yang berbentuk makroskopik.

Apabila saya memulakan penyelidikan alga pada tahun 1980-an, dengan mendokumentasikan spesies alga tempatan, memahami biologi alga dan juga meneroka penggunaan sumber semula jadi yang berharga ini, masih tidak ramai yang

tahu mengenainya. Usaha saya dalam meneroka bidang penyelidikan alga berhasil apabila alga telah disenaraikan sebagai salah satu bidang keutamaan penyelidikan bagi pembiayaan dana MOSTI.

Akhir kata, pencapaian kerjaya saya pada hari ini sehingga dianugerahkan dan dikurniakan gelaran Profesor Emeritus tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan dan sumbangan daripada individu-individu di sekeliling saya yang berada bersama saya di dalam dewan ini pada hari ini, serta mereka yang telah berkongsi dan menghabiskan sebahagian hidup mereka bersama saya. Sehingga saat ini saya masih teruja untuk menghadapi detik-detik baru untuk kerjaya dan persahabatan saya di Universiti Malaya, *alma mater* yang paling saya cintai.

Sekian, terima kasih.

Ampun Tuanku.

**Ucapan Toh Puan Pro-Canselor
Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajah Dr. Aishah Ong**

Sidang Kedua - Sabtu, 12 Oktober 2019 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini untuk meraikan Istiadat konvokesyen yang amat bermakna bagi para graduan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Istiadat konvokesyen pada petang ini merupakan Sidang Kedua daripada 10 sidang yang bermula pada hari ini, 12 Oktober 2019 dan akan berakhir pada 16 Oktober 2019.

Dalam Istiadat Konvokesyen pada kali ini, Universiti Malaya bakal menganugerahkan ijazah kepada 6,562 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian, iaitu meliputi peringkat pengajian Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda dan juga Diploma Pascasiswazah, Diploma Lanjutan dan Diploma. Daripada jumlah tersebut, seramai 477 graduan merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 2,026 penerima Ijazah Sarjana termasuk Diploma Pascasiswazah, 2,965 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 1,094 penerima graduan Diploma Lanjutan dan Diploma.

Istiadat konvokesyen pada tahun ini turut mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Salim serta gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Dr. Phang Siew Moi, Profesor Ir. Dr. Mohd Ali Hashim dan Dato' Profesor Dr. Tan Chong Tin.

Pada Sidang Kedua petang ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Ir. Dr. Mohd Ali Hashim serta Ijazah Sarjana kepada 726 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian. Turut diraikan ialah graduan sulung bagi tujuh (7) program iaitu Sarjana Kaunseling Profesional, Sarjana

Pendidikan Bahasa Arab, Sarjana Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua, Sarjana Pendidikan Bahasa Malaysia, Sarjana Pendidikan Matematik dengan Teknologi, Sarjana Pendidikan Sains dengan Teknologi Maklumat dan Sarjana Pendidikan (Sains Sosial).

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada hari ini, para graduan berhak meraikan kejayaan masing-masing dengan penuh kebanggaan dan keceriaan. Sesungguhnya kejayaan yang saudara-saudari nikmati pada hari ini adalah hasil daripada usaha gigih, dedikasi serta penat lelah anda menelaah pelajaran sepanjang tempoh pengajian anda di Universiti Malaya. Bagaimanapun, di sebalik kegembiraan saudara-saudari menikmati kejayaan pada hari ini, harus diingatkan bahawa hasil yang saudara-saudari kecapi ini tidak mungkin tercapai dengan mudah tanpa sokongan dan dorongan kuat daripada ibu bapa, kaum keluarga dan juga rakan-rakan di sekeliling anda.

Justeru, dalam meraikan hari yang penuh bersejarah dalam kalender kehidupan anda ini, jangan sesekali saudara-saudari lupa segala pengorbanan serta doa restu mereka semua dalam memastikan kejayaan anda dan seterusnya berjaya berada di dalam dewan yang bersejarah ini pada hari ini. Oleh itu, hargailah mereka serta rakamkanlah ucapan terima kasih atas segala sumbangan serta pengorbanan yang telah mereka curahkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada para ibu bapa yang telah berjaya mendidik anak masing-masing hingga berjaya menjakkan kaki ke menara gading, khususnya ke Universiti Malaya yang berprestij ini. Hasil didikan serta bimbingan para ibu bapa, hari ini tuan-tuan dan puan-puan pasti berasa amat gembira dan bangga kerana mereka telah berjaya menggenggam segulung ijazah yang sangat bernilai serta menjadi graduan yang sarat dengan ilmu pengetahuan.

Bagi para graduan, gunakanlah segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang saudara-saudari perolehi di Universiti Malaya dengan sebaik mungkin ke arah membina kerjaya diri di samping membantu memajukan masyarakat dan negara. Para graduan disaran mengambil peranan aktif dalam memajukan ekonomi negara serta mengambil inisiatif untuk menjadi lebih berdaya saing dalam mencipta peluang pekerjaan sendiri. Saudara-saudari juga diharap dapat mencurahkan khidmat bakti kepada masyarakat ke arah meningkatkan kemajuan serta perubahan yang dapat memajukan lagi masyarakat dan negara.

Sebagai graduan Universiti Malaya, saudara-saudari pastinya akan dipandang tinggi oleh masyarakat sekeliling. Justeru, para graduan yang bakal memasuki pasaran kerja nanti mestilah menunjukkan sikap yang baik serta dapat mengaplikasikan segala ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa di Universiti Malaya untuk kesejahteraan masyarakat dan negara. Graduan hari ini perlu memiliki jati diri yang kuat, berfikiran positif, mengamalkan sifat amanah serta berintergriti semasa di alam pekerjaan. Ini membolehkan graduan yang dilahirkan dari Universiti Malaya dapat dijadikan *role model* kepada masyarakat sekitar terutamanya kepada generasi yang lebih muda.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebagaimana kita sedia maklum, pasaran kerja pada masa kini sedang memasuki era perubahan yang sangat pantas dan dinamik. Semua pihak bercakap tentang Revolusi Industri 4.0 (*Industrial Revolution 4.0*), kecerdasan buatan atau AI (*Artificial Intelligence*), ledakan teknologi maklumat dan komunikasi. Kemunculan Revolusi Industri 4.0 yang menekankan pembinaan teknologi realiti maya tanpa banyak menggunakan tenaga manusia dijangka memberikan kesan terhadap pelbagai aspek kehidupan, di samping akan merubah struktur masyarakat dalam sesebuah negara. Fenomena ini akan membabitkan pelbagai sektor termasuk kerajaan, swasta, pembangunan modal insan dan juga mobiliti sosial.

Sebenarnya, Revolusi Industri 4.0 membawa banyak manfaat ke arah menjana pendapatan dan ekonomi yang lebih baik kepada masyarakat dan negara. Selaras dengan gagasan dan perkembangan teknologi global masa kini serta selari dengan kedatangan era Revolusi Industri 4.0, para graduan yang bakal memasuki pasaran pekerjaan mestilah bersedia untuk berubah dan

menyesuaikan diri dengan persekitaran bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Para graduan harus bersedia dan bijak mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing di peringkat global memandangkan kemajuan teknologi dalam era Revolusi Industri 4.0 adalah berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah yang tinggi.

Dalam usaha memperkasakan tahap kebolehpasaran graduan, Universiti Malaya sentiasa menekankan aspek kajian semula kurikulum yang melibatkan penambahbaikan kandungan kursus atau program yang tawarkan, menambah baik sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kemudahan infrastruktur. Kandungan program akademik diteliti secara terperinci dan menyeluruh bagi memastikan segala penambahbaikan yang dilaksanakan seiring dengan perkembangan industri semasa yang menjurus ke arah Revolusi Industri (IR) 4.0. Kurikulum yang dirancang juga berorientasikan kepada keperluan pasaran kerja terkini dan sekali gus dapat melahirkan graduan yang mampu menyesuaikan diri dengan cabaran semasa di alam pekerjaan serta menepati ciri-ciri pekerja yang diperlukan oleh majikan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan dan tamadun yang berperanan dalam melahirkan cendekiawan yang terbaik dan berprestij, Universiti Malaya menggalas tanggungjawab besar untuk menyemai nilai-nilai moral dan integriti dalam usaha melahirkan graduan berkualiti. Universiti Malaya sentiasa mengambil inisiatif melakukan penambahbaikan kurikulum kursus bagi mempertingkatkan kualiti pembelajaran bertujuan membentuk graduan yang memiliki daya kepemimpinan berwibawa, berupaya mempraktikkan budaya kerja cemerlang, mempunyai jati diri tinggi, menghayati nilai-nilai moral dan agama serta bersifat holistik.

Di samping itu, sebagai generasi yang bakal mewarisi kepemimpinan, pemerintahan dan pembangunan negara pada masa hadapan, saudara-saudari diharap supaya sentiasa mengamalkan nilai-nilai bersih, amanah dan integriti yang tinggi sebagaimana yang diterapkan di dalam diri masing-masing semasa berada di Universiti Malaya. Sesungguhnya, aspek integriti menjadi teras yang sangat penting untuk dijadikan asas penilaian terhadap seseorang individu dalam

semua aspek kehidupan mahupun juga pekerjaan. Individu yang berintegriti akan sentiasa mematuhi peraturan serta berpegang kepada prinsip-prinsip moral yang tinggi.

Dalam bidang pendidikan umpamanya, sikap integriti dalam kalangan individu semasa bergelar mahasiswa di universiti adalah sangat penting. Sikap tidak berintegriti oleh sesetengah individu akan mencemarkan kesucian bidang yang sangat penting ini dalam membangunkan modal insan yang berwibawa di negara ini. Sebagai contoh, sekiranya terdapat sikap atau tindakan yang tidak berintegriti dalam kalangan individu tertentu, seperti melakukan perbuatan plagiat, memanipulasi kelayakan akademik atau sebagainya, ia bukan sahaja menjejaskan reputasi individu tersebut sahaja, tetapi juga boleh mengakibatkan kualiti sistem pendidikan negara di semua peringkat akan dipertikaikan.

Justeru, setiap individu yang inginkan kelangsungan kehidupan cemerlang pada masa hadapan perlu berusaha sedaya upaya dalam memperkuuhkan sikap amanah dan integriti dalam diri sendiri serta sentiasa mengamalkan nilai-nilai moral dan etika yang baik dalam semua aspek kehidupan. Memetik kata-kata cendekiawan Albert Einstein, "*integrity without knowledge is weak and useless, and knowledge without integrity is dangerous and dreadful...*". Oleh itu, setelah memasuki alam pekerjaan nanti adalah menjadi tanggungjawab saudara-saudari semua untuk memperkasa dan membudayakan amalan integriti dalam semua aspek kehidupan bagi memastikan negara kita sentiasa ditunjangi oleh kalangan pekerja, pemimpin serta ahli masyarakat madani yang memiliki nilai moral dan integriti diri yang tinggi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pihak Universiti Malaya sentiasa menganggap alumni adalah aset yang sangat berharga. Para alumni memainkan peranan penting serta dapat menyalurkan pelbagai bentuk bantuan atau sumbangan demi kemajuan universiti. Justeru, sebagai graduan Universiti Malaya, setelah saudara-saudari mula berkecimpung di alam pekerjaan dan mendekati masyarakat, saudara-saudari dianggap sebagai Duta Alumni Universiti Malaya kerana anda merupakan individu yang boleh menjadi jurucakap atau penghubung

komunikasi kepada masyarakat setempat berkaitan universiti ini berdasarkan pengalaman saudara-saudari yang pernah bergelar mahasiswa di Universiti Malaya.

Selain itu, sebagai alumni Universiti Malaya, diharap graduan sekalian bersedia untuk berjasa dan berbakti kepada alma mater dengan menghulurkan sumbangan kepada Universiti Malaya Endowment Fund (UMEF) yang baru ditubuhkan pada 6 Julai 2019 lepas. Bagi mendepani cabaran ekonomi semasa, tabung ini ditubuhkan bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan atau kurang berasib baik, terutama golongan B40 untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya.

Penubuhan tabung UMEF ini sebenarnya adalah bertitik tolak daripada inisiatif Universiti Malaya untuk menjana sumber alternatif yang berdaya maju susulan pengurangan peruntukan daripada pihak kerajaan. Sesungguhnya, sumbangan yang diberikan oleh mana-mana pihak, terutamanya alumni Universiti Malaya amat bermakna sekali dan pasti akan memberi inspirasi kepada kami untuk terus berusaha mencapai sasaran dana *endowment* sebanyak RM200 juta.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga Universiti Malaya atas sumbangan serta komitmen tinggi yang diberikan sehingga membolehkan Universiti Malaya melonjak daripada kedudukan ranking dunia ke-87 pada tahun 2019 kepada kedudukan ke-70 terbaik dunia dalam QS World University Rankings 2020.

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada seluruh tenaga pengajar serta warga Universiti Malaya yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna.

Juga saya mengucapkan ribuan terima kasih pada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, kerana sudi meluangkan masa untuk memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Pidato Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus
untuk Yang Berusaha Profesor Ir. Dr. Mohd Ali Hashim**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berusaha Profesor Dr. Saad Mekhilef
Dekan, Fakulti Kejuruteraan**

Sidang Kedua - Sabtu, 12 Oktober 2019 (Petang)

Mohd Ali Hashim.

Mohd Ali Hashim dilahirkan pada 31 Mac 1950 di Kulim, Kedah. Beliau membesar dan mendapat pendidikan awal dan menengah di Kedah. Selepas menamatkan zaman persekolahan di Kedah, beliau mendapat biasiswa untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan) dalam jurusan Kejuruteraan Kimia di University of Aston, United Kingdom dan mendapat ijazah dalam jurusan tersebut pada tahun 1975. Setelah tamat pengajian, beliau berkhidmat di Universiti Malaya sebagai tutor di Fakulti Kejuruteraan. Seterusnya, beliau menjalani program khas Sarjana satu tahun (*specialized one-year Master program*) dalam bidang Kejuruteraan Biologi (*Biological Engineering*) dan kemudian memperoleh PhD dalam bidang ekstraksi pelarut (*solvent extraction*) pada tahun 1975 di University of Birmingham.

Setelah tamat PhD pada tahun 1979, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya. Beliau dilantik sebagai Profesor Madya pada tahun 1985 dan kemudian diberi tanggungjawab sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Kimia selama 4 tahun. Pada Januari 1991, beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor. Ini diikuti dengan pelantikan sebagai Dekan, Institut Pengajian Tinggi selama hampir tujuh tahun. Sumbangan beliau terus diiktiraf oleh Universiti Malaya di mana beliau telah dilantik sebagai Profesor Kanan pada tahun 2005 sehingga kini. Kepakaran beliau terserlah melalui sumbangan dan pencapaian yang signifikan dalam bidang kejuruteraan kimia, khususnya dalam sektor perawatan air dan proses pemisahan. Beliau merupakan pakar rujuk utama negara bagi bidang-bidang tersebut.

Mohd Ali Hashim juga aktif menjalankan kerjasama penyelidikan yang erat dengan ahli akademik dari dalam negara dan luar negara, termasuklah dari institusi terkenal seperti Imperial College London, Delft University of Technology, King Saud University dan Monash University Australia. Beliau juga telah menerima pelbagai dana penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk menjalankan penyelidikan berimpak tinggi. Hasil penyelidikan beliau telah diterjemahkan kepada penerbitan artikel jurnal dan paten. Mohd Ali Hashim juga pernah menyandang jawatan sebagai Pengurus Jawatankuasa Pre-High Impact Research (HIR) di mana beliau terlibat dalam memandu arah penyelidikan di UM dan bertanggungjawab untuk menguruskan dana penyelidikan dan memastikan hasil penyelidikan yang berimpak tinggi.

Berkat kecemerlangan beliau dalam bidang yang diceburi, Mohd Ali Hashim telah menerima pelbagai anugerah berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya ialah Anugerah Sains Negara 2001; Anugerah Merdeka 2015 bagi kategori Pencapaian Ilmiah Cemerlang; Anugerah Cemerlang Canselor untuk kepimpinan Universiti Malaya 2007; Council Medal, Institution of Chemical Engineers (IChemE), UK, 2008; Malaysia Rising Star Award (Highly Cited Review), 2016 dan University of Malaya Excellence Awards - Eminent Scholar, 2017.

Isteri tersayang, Dr. Nik Noriah Hussein dan keluarga sentiasa menjadi pendorong untuk beliau terus berjaya. Ternyata Mohd Ali Hashim merupakan ikon dan kebanggaan Universiti Malaya dan negara.

**Ucapan Penerima Gelaran Profesor Emeritus
oleh Yang Berusaha Profesor Ir. Dr. Mohd Ali Hashim**

Sidang Kedua - Sabtu, 12 Oktober 2019 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Pro Cancellor
dan hadirin sekalian,

Saya dengan penuh rendah diri merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas penganugerahan gelaran Profesor Emeritus. Anugerah ini amat bermakna kepada saya oleh kerana ianya diberikan oleh Universiti Malaya di mana saya berkhidmat sepenuh masa di sepanjang kerjaya saya selama lebih 43 tahun, dari tahun 1975 sehingga kini.

Dif-dif Kehormat, Warga Universiti Malaya, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya terlebih dahulu ingin melafazkan rasa amat syukur kepada Allah SWT, dengan izin-Nya untuk saya menerima gelaran Profesor Emeritus daripada Universiti Malaya. Pada Ogos 1975, setelah saya mendapat ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Kimia daripada University of Aston, saya telah melapor diri sebagai pengajar Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) di Fakulti Kejuruteraan yang ketika itu Dekannya ialah Yang Mulia Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim dan Profesor Diraja Ungku A. Aziz sebagai Naib Cancellor UM. Kemudian, saya telah menyambung pengajian ke peringkat Sarjana dan Kedoktoran di University of Birmingham. Setelah tamat pengajian PhD pada tahun 1979, saya telah kembali ke UM dan berkhidmat sebagai pensyarah.

Setelah lebih daripada 43 tahun berkhidmat di UM, pada hari ini saya dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus. Alhamdulillah, ia merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan besar untuk menambahkan bakti kepada UM khususnya dan kepada negara amnya.

Ucapan terima kasih juga kepada Universiti Malaya di bawah pimpinan Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim. Juga ucapan terima kasih ini ditujukan kepada Dekan Fakulti Kejuruteraan, Ketua Jabatan Kejuruteraan Kimia, rakan-rakan jabatan dan fakulti atas sokongan yang tidak ternilai membawa kepada penganugerahan ini.

Ucapan terima kasih tidak akan lengkap tanpa menyebut dorongan, kerjasama dan memahami karenah seorang akademik kepada isteri tercinta, Dr. Nik Noriah Hussein dan anak-anak. Terima kasih juga kepada ibu dan arwah ayah, serta keluarga saya yang sentiasa memberi galakan untuk saya berkarya.

Sesungguhnya tidak termampu pada waktu ini atau bila-bila pun untuk saya merakamkan ucapan penghargaan, kerana terlalu ramai terlibat, dan banyak institusi yang menyokong kejayaan saya hari ini.

Seperti pantun melayu klasik yang berbunyi:

Pisang emas dibawa berlayar,
Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar;
Hutang budi dibawa mati.

Para hadirin sekalian,

Mengakhiri ucapan ini, saya memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga kita semua dilimpahi dengan rahmat dan kasih sayang-Nya. Saya juga mendoakan semoga Universiti Malaya yang menjadi kebanggaan kita semua terus maju dalam segenap lapangan dan diberkati Allah.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Ucapan Tan Sri Pro-Canselor
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob**

Sidang Ketiga - Ahad, 13 Oktober 2018 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria di Dewan Tunku Canselor untuk meraikan detik yang penuh bermakna bagi para graduan. Istiadat simbolik dan penuh bersejarah ini merupakan detik penting dalam kehidupan setiap mahasiswa yang berpeluang melanjutkan pengajian ke menara gading. Kemuncak kepada segala pengorbanan dan cabaran yang diharungi sepanjang tempoh pengajian di universiti ialah kejayaan menggenggam segulung ijazah di Istiadat Konvokesyen yang penuh gemilang ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Istiadat Konvokesyen pada pagi ini merupakan Sidang Ketiga daripada 10 Sidang yang bermula pada 12 Oktober 2019 dan akan berakhir pada 16 Oktober 2019. Dalam Istiadat Konvokesyen pada tahun ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan ijazah kepada 6,562 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada di peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda, Diploma Pascasiswazah, Diploma Lanjutan dan Diploma. Daripada jumlah tersebut, seramai 477 graduan merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 2,026 penerima Ijazah Sarjana termasuk Diploma Pascasiswazah, 2,965 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 1,094 penerima graduan Diploma Lanjutan dan Diploma. Istiadat konvokesyen pada tahun ini turut mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Salim serta gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Dr. Phang Siew Moi, Profesor Ir. Dr. Mohd Ali Hashim dan Dato' Profesor Dr. Tan Chong Tin.

Pada Sidang Ketiga pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 682 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian. Turut diraikan ialah graduan sulung bagi

enam (6) program iaitu Sarjana Syariah (Ekonomi Islam), Sarjana Sastera (Linguistik), Sarjana Sastera (Pengajian Penerbitan), Sarjana Sastera (Pengajian Strategik & Pertahanan), Sarjana Pemasaran dan Sarjana Kejuruteraan Perisian (Teknologi Perisian).

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah universiti terulung dan diiktiraf sebagai universiti penyelidikan yang terunggul, Universiti Malaya sentiasa berusaha ke arah mempertingkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang pembelajaran dan penyelidikan, termasuk menyediakan modal insan yang berkualiti. Universiti Malaya telah terbukti sentiasa terkedepan dalam menerajui gagasan penyelidikan berimpak tinggi dengan mencipta nama sebagai Universiti penyelidikan yang terunggul di Malaysia. Dunia pendidikan yang semakin maju dan mencabar serta persekitaran yang semakin kompetitif telah mendorong pihak Pengurusan Universiti melakukan perancangan yang lebih agresif termasuk dalam bidang pembangunan dan juga pengembangan akademik di Universiti Malaya. Universiti Malaya sentiasa berusaha mempertingkatkan kurikulum pembelajaran bagi memastikan kurikulum yang disediakan menepati kehendak serta keperluan pasaran kerja di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Sebagai universiti terulung dan juga peneraju bidang penyelidikan dan inovasi di negara ini, ikrar dan sasaran Universiti Malaya untuk mencapai kedudukan antara 100 universiti terbaik dunia menjelang 2020 kini telah pun tercapai lebih awal. Dalam kedudukan *ranking* dunia, Universiti Malaya kini dengan bangganya telah berjaya menduduki tangga ke-70 dalam senarai QS World University Rankings bagi tahun 2020, iaitu melonjak 17 anak tangga berbanding kedudukan ke-87 pada tahun 2019. Prestasi cemerlang juga telah menobatkan Universiti Malaya di tangga ke-18 dalam senarai QS Asia University Rankings pada tahun ini. Kejayaan ini bukanlah semata-mata satu populariti, sebaliknya ianya melambangkan kesungguhan dan keazaman serta kerjasama utuh

daripada seluruh warga kampus, baik daripada kalangan barisan pengurusan dan pentadbiran, ahli akademik maupun juga mahasiswa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana penduduknya terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Walau bagaimanapun, berdasarkan senario semasa kita dapat melihat terdapat jurang integrasi yang masih luas dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini. Justeru, saudara-saudari yang bakal memasuki alam pekerjaan sebenarnya mampu memainkan peranan penting ke arah memupuk semangat perpaduan dan integrasi antara kaum dalam masyarakat. Pengalaman mengikuti program jalinan masyarakat pasti akan dapat membantu dan memudahkan saudara-saudari mendekati dan bergaul dengan pelbagai kelompok masyarakat. Justeru, diharap para graduan dapat berperanan sebagai agen sosial dalam memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat, di samping dapat mempraktikkan segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh di universiti untuk merealisasikan aspirasi negara bagi memperteguhkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Selain itu, kita juga disarankan agar sentiasa menjaga dan mengekalkan perpaduan di samping memelihara keharmonian antara kaum di negara ini. Kita hendaklah sentiasa menerapkan semangat kerjasama serta sikap toleransi yang tinggi dalam diri semasa menjalani kehidupan bermasyarakat. Kerjasama yang baik serta hormat-menghormati antara kaum dan agama dapat menjamin keharmonian dan kestabilan negara. Justeru, para graduan yang bakal memasuki alam pekerjaan dan akan bergaul rapat dengan pelbagai kelompok lapisan masyarakat disarankan agar sentiasa memastikan interaksi sosial dalam masyarakat hendaklah sentiasa berlandaskan nilai moral yang tinggi, rasa hormat serta toleransi yang baik. Sesungguhnya, persefahaman dan toleransi dalam hubungan kaum dan masyarakat merupakan kunci keharmonian serta kestabilan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kini kita berada dalam zaman Revolusi Industri yang ke-4 atau dikenali sebagai IR 4.0. Dunia hari ini adalah dunia yang dicorakkan untuk generasi Y dan generasi Z. Sebagai generasi moden masa kini, para graduan sekalian mempunyai peranan dan cabaran yang amat besar kepada masyarakat

dan negara. Pada tahun 1784, Revolusi Industri 1.0 telah memperkenalkan sumber tenaga baru daripada tenaga wap (stim), pembangunan mesin dan sistem pengilangan moden. Selepas 100 tahun kemudian, industri pengilangan mengalami Revolusi 2.0 dengan terciptanya komponen-komponen pengilangan secara boleh tukar atau *interchangeable*, seperti telegraf dan rel kereta api. Kecepatan penghantaran maklumat diperhebatkan lagi sekitar tahun 1969 melalui ledakan Revolusi 3.0, yang juga digelar sebagai Revolusi Digital. Penciptaan komputer, telefon pintar dan internet telah membolehkan manusia di seluruh dunia berkomunikasi tanpa perlu berhadapan secara fizikal. Kini, Revolusi Industri 4.0 semakin menambahbaikkan lagi sistem digital dengan penemuan baharu untuk kepentasan hidup manusia, antaranya teknologi robotik, IOT atau Internet Benda, kenderaan berautonomi dan kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) seperti yang terdapat dalam telefon pintar.

Kesemua revolusi tersebut mempunyai kebaikan dan cabaran yang besar kepada manusia. Ianya menuntut kita untuk berpengetahuan tinggi berdaya saing. Salah satu keutamaannya adalah para graduan perlu bergerak maju tanpa mengorbankan jati diri, nilai-nilai agama, bangsa dan kemanusiaan. Sekiranya kita menjenguk dan menyelami kehidupan masyarakat di sekitar kita, sebenarnya masih banyak kelompongan masyarakat yang perlu diperbaiki, antaranya adalah sikap tanggungjawab masyarakat terhadap sesama manusia dan juga alam sekitar.

Saya ingin tekankan di sini, sekiranya akal fikiran kita sudah maju dan berilmu, jiwa juga perlu seiring maju dengan rasa kemanusiaan dan ihsan. Jiwa perlu disebatikan dengan sikap amanah dan integriti tinggi. Tanpa sifat amanah, kemajuan manusia akan menjurus ke arah kehidupan yang tidak mementingkan norma-norma kehidupan yang positif, luhur budi serta cenderung menjadi tidak bertanggungjawab dan tidak amanah. Berkaitan hal ini, suka saya memetik sebuah hadis Nabi (SAW) yang bermaksud:

“Orang yang paling dicintai Allah ialah orang yang paling bermanfaat kepada manusia lain.”

Berdasarkan maksud hadis di atas dapatlah dijadikan pedoman, dorongan dan motivasi kepada kita semua untuk memanfaatkan segala ilmu pengetahuan serta kepakaran yang diperoleh selama ini untuk faedah dan kebaikan masyarakat dan negara.

Universiti adalah medan terbaik dalam membentuk sahsiah terpuji di samping mengukuhkan sifat amanah dalam diri mahasiswa. Pendidikan tinggi yang berkesan pada peringkat universiti dapat memperbaiki dan membetulkan kelemahan diri serta akhlak. Oleh itu, sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya, diharap saudara-saudari berjaya menanam nilai moral dan integriti yang tinggi dalam diri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sabtu tahun bilangan graduan yang dihasilkan oleh Universiti Malaya semakin meningkat. Persoalan yang sering menjadi perhatian ialah adakah hubungan antara bekas pelajar ataupun alumninya dengan universiti ini berterusan atau sebaliknya terputus begitu sahaja sejurus konvokesyen berakhir? Realitinya, majoriti graduan atau alumni tidak lagi berhubungan dengan universiti ataupun *alma mater* mereka setelah tamat pengajian. Bilangan graduan yang terus berhubung dan datang kembali ke Universiti Malaya sama ada untuk memberikan sumbangan dan khidmat bakti ataupun menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan di Universiti Malaya, secara relatifnya masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh alumni di universiti luar negara. Hubungan alumni dan *alma mater* mereka cukup kuat sehingga boleh mengumpul dana yang begitu besar bagi pelbagai tujuan pembangunan dan kebajikan. Justeru, saya ingin menyeru kepada para graduan agar mencontohi alumni universiti di luar negara untuk menyumbang kembali kepada *alma mater*. Sesungguhnya hubungan antara universiti dan alumni adalah ibarat air yang dicincang tidak akan putus.

Hadirin hadirat sekalian,

Hari ini pastinya merupakan hari yang paling membanggakan kepada para graduan sekalian, di mana pada hari yang penuh ceria ini saudara-saudari menikmati hasil kejayaan atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah yang telah dicurahkan sepanjang tempoh mengikuti

pengajian di Universiti Malaya. Dalam suasana penuh kegembiraan meraikan kejayaan ini, hendaklah kita ingat bahawa apa yang kita peroleh dan kecapi pada hari ini, tidak akan terhasil tanpa pengorbanan, sokongan, dan iringan doa kedua-dua ibu bapa, kaum keluarga serta sahabat handai. Selain itu masyarakat sekeliling juga tidak terkecuali dalam menyumbang kepada kejayaan anda dalam apa jua cara, sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Oleh itu, berikanlah ucapan terima kasih dan penghargaan kepada mereka semua. Manfaatkanlah sebaik mungkin segala ilmu pengetahuan, pengalaman dan juga kemahiran yang diperoleh di Universiti Malaya untuk membantu masyarakat dan anak bangsa. Curahkanlah jasa dan bakti kepada masyarakat, tidak semestinya dalam bentuk wang ringgit, tetapi yang lebih penting adalah sumbangan idea serta khidmat bakti yang membawa kemajuan dan perubahan dalam kehidupan masyarakat.

Saya juga mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada para pensyarah dan pendidik yang dedikasi, barisan pentadbir dan seluruh warga kerja Universiti Malaya yang telah berusaha gigih memastikan segala proses dan output daripada pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan terlaksana dengan impak yang tinggi kepada universiti yang tercinta ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua tetamu kehormat, difid jemputan serta para hadirin yang telah sudi hadir menyerikan dan memeriahkan majlis yang penuh gemilang ini. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang akan menerima ijazah masing-masing. Saya nukilkau serangkap pantun:

Belayar ke hilir sampan kolek,
Patah dayung galang sebatang;
Ikhtiar tidak datang bergolek,
Akal tidak datang melayang.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Pidato Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus
untuk Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Tan Chong Tin**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman
Dekan, Fakulti Perubatan**

Sidang Ketiga - Ahad, 13 Oktober 2018 (Pagi)

Tan Chong Tin.

Dato' Profesor Dr. Tan Chong Tin dilahirkan di Pulau Pinang pada 27 Oktober 1948 dan merupakan anak kelapan daripada 11 adik-beradik. Profesor Tan memperolehi ijazah MBBS daripada University of Melbourne, Australia pada tahun 1972 dan lulus peperiksaan MRCP (UK) pada tahun 1976. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pensyarah di Jabatan Perubatan, Fakulti Perubatan pada akhir tahun 1977. Sebelum itu, beliau telah menjalani latihan *housemanship* di Johor Bahru dan berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Kluang, Johor. Beliau pernah mengikuti latihan neurologi di Sheffield dan latihan kepakaran dalam bidang neurologi klinikal dan neurofisiologi klinikal di Institut Neurologi berprestij, Queens Square, London sebagai Fellow Komanwel. Beliau seterusnya mendapat ijazah Doktor Perubatan (MD) dari Universiti Malaya dengan mengemukakan tesis bertajuk '*Multiple Sclerosis in Malaysia*' pada tahun 1990. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya pada tahun 1984 dan seterusnya ke jawatan Profesor pada tahun 1992 dan Profesor Kanan pada tahun 2003.

Sebagai Ketua Unit Neurologi, Profesor Tan berperanan dalam membangunkan perkhidmatan neurologi di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) sehingga menjadikannya sebagai sebuah pusat neurologi terulung daripada segi perkhidmatan, latihan dan penyelidikan klinikal di negara ini. Pusat ini bukan sahaja berjaya menghasilkan pakar neurologi di Malaysia, di mana antaranya berjaya sebagai pakar perunding dan ahli akademik tersohor di negara, bahkan terdapat lebih daripada seratus orang Fellow Neurologi dari pelbagai negara termasuk Bangladesh, Indonesia, Laos, Myanmar dan Vietnam yang telah dilantik di pusat tersebut.

Profesor Tan banyak memberi sumbangan dalam bidang neurologi di Malaysia dan di peringkat

antarabangsa sebagai Presiden Persatuan Neurosains Malaysia, Pengurus Jawatankuasa Subkepakaran Neurologi di Pusat Pendaftaran Pakar Kebangsaan di bawah Majlis Perubatan Malaysia, Duta Besar untuk International League Against Epilepsy (ILAE), *Editor-in-Chief* bagi Neurology Asia, dan Presiden Persatuan Neurologi ASEAN (ASNA) yang ditubuhkan untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan pakar neurologi negara-negara Asia Tenggara.

Sumbangan Profesor Tan yang paling ketara dan tidak dapat dinafikan ialah menjadi penyelidik utama dalam penyelidikan wabak *Encephalitis* virus Nipah dalam kalangan penternak khinzir yang melanda negara ini pada tahun 1998, yang membawa kepada penemuan virus Nipah. Beliau yang bekerjasama dengan pakar klinikal dan saintis di Universiti Malaya berjaya mengenalpasti agen penyebab yang membawa kepada kematian lebih daripada 105 orang dan memusnahkan industri penternakan khinzir yang berjumlah berbilion-bilion ringgit. Hasil kajian tersebut, Fakulti Perubatan telah dianugerahkan Anugerah Sains Mahathir pada tahun 2006 dan pasukan penyelidik yang diketuai oleh Profesor Tan juga telah dianugerahkan Anugerah Merdeka, pada tahun 2008. Antara anugerah dan pengiktirafan yang telah diterima oleh Profesor Tan di peringkat antarabangsa termasuk The 11th Athasit Vejjajiva Lecture yang dianjurkan oleh Universiti Mahidol pada tahun 2011, The Richardson Lecture oleh Persatuan Neurologi Kanada di Calgary, Kanada pada tahun 2004 dan daripada Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat.

Profesor Tan sangat aktif dan berkomited dalam bidang pendidikan dan penyelidikan. Tahun lepas, beliau telah berjaya mengumpulkan beberapa orang ahli perniagaan yang berwibawa untuk menyumbang dana kepada Fakulti Perubatan. Atas inisiatif tersebut, Fakulti Perubatan berjaya menubuhkan satu dana khas yang dinamakan

Dana Skim Biasiswa Pasca Siswazah Fakulti Perubatan dengan permulaan sebanyak RM2 juta. Dana ini bertujuan menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat PhD atau Sarjana secara penyelidikan di Fakulti Perubatan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Setelah berkhidmat dengan penuh setia selama 40 tahun, beliau bersara pada 4 November 2017.

Beliau telah menerima Darjah Kebesaran Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS) daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Darjah Setia Pangkuhan Negeri daripada Gabenor Pulau Pinang yang membawa gelaran Dato'. Profesor Tan berkahwin dengan Datin Yek Siew Hong yang kini merupakan Presiden World Association for Chinese Church Music dan mempunyai dua orang anak lelaki, iaitu Dr. Li Ping, pakar perunding Nefrologi dan Dr. Li Kuo, pakar Fizik Perubatan.

Ucapan Penerima Gelaran Profesor Emeritus oleh Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Tan Chong Tin

Sidang Ketiga - Ahad, 13 Oktober 2018 (Pagi)

Salam Sejahtera,

Yang Berbahagia Tan Sri Pro Canselor dan hadirin sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua graduan atas pencapaian anda dalam majlis yang bahagia ini, hasil pengorbanan dan sokongan ibu bapa serta keluarga.

Status Profesor Emeritus yang dianugerahkan oleh Universiti merupakan penghormatan yang besar untuk saya. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan sepenuh penghargaan kepada Tan Sri Pro Canselor, Naib Canselor, Senat, Dekan dan Fakulti Perubatan untuk penghormatan ini.

Saya percaya bahawa dalam kehidupan, pencapaian peribadi tidak akan wujud tanpa rangka yang dibina oleh orang yang terdahulu daripada kita. Oleh itu, saya ingin memberi penghormatan kepada Profesor TJ Danaraj dan Profesor K. Somasundrum yang mengasaskan perkhidmatan Neurologi di Hospital Universiti 50 tahun lalu dan juga Profesor TG Loh, yang merupakan mentor serta rakan sekerja saya. Semua pencapaian yang dimiliki juga merupakan hasil kerja pasukan yang teguh. Ucapan terima kasih juga yang tidak terhingga kepada Profesor KJ Goh dan rakan sekerja lain dalam pasukan Neurologi, serta rakan-rakan dalam bidang berkaitan iaitu Neuroradiologi, Neuropatologi, Neuropediatrik, Psikiatri, Neurosurgeri, Mikrobiologi, Parasitologi, selain daripada berbagai disiplin di bawah Perubatan Dalaman. Sudah tentu, saya tidak melupakan jasa isteri dan keluarga saya yang sentiasa di sisi dan tidak pernah mengenal erti penat dalam memberikan sokongan dan galakan.

Pada tahun 1977, selepas pulang dari England, saya telah menghantar permohonan kepada Kementerian Kesihatan dengan harapan untuk

bekerja di Pulau Pinang, kampung halaman saya. Setelah menunggu selama 3 bulan tanpa jawapan, saya menghantar permohonan saya ke UM. Saya terkejut apabila menerima panggilan telefon dari Jabatan Perubatan hanya selepas dua minggu untuk melaporkan diri dan bertugas dalam kadar segera. Itulah titik permulaan kerjaya dan perjalanan saya di universiti tercinta ini.

Mengimbau semula 40 tahun yang lalu, ia merupakan tempoh masa yang sangat bermakna dan bernilai untuk saya. Saya amat menghargai kepercayaan dan sokongan yang diberikan oleh senior saya, ketua, Dekan dan Pengarah dalam melakukan pekerjaan saya. Saya adalah manusia biasa yang tidak pernah lepas daripada kesilapan tetapi kesilapan tersebut telah membuatkan saya lebih matang dan membantu dalam perkembangan diri saya. Terima kasih kepada tuhan dan terima kasih kepada semua.

Saya amat menghargai budaya dan nilai institusi yang telah ditunjukkan di UM sepanjang saya berkhidmat selama 40 tahun ini. Dalam konteks ini, saya ingin mengambil peluang untuk menekankan kepada semua betapa pentingnya budaya dan nilai UM, iaitu berusaha ke arah kecemerlangan, meritokrasi, komitmen kepada masyarakat, keterbukaan kepada yang terbaik, inovasi, dan berkhidmat tanpa sempadan. Saya percaya nilai kecemerlangan ini akan membawa Universiti untuk mencapai tahap yang lebih tinggi.

Terima kasih kepada Universiti Malaya untuk penghormatan yang besar ini. Saya juga berharap dan berdoa agar Universiti Malaya akan terus maju ke hadapan dalam memberi khidmat kepada rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

Ucapan Tan Sri Pro-Canselor Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob

Sidang Keempat - Ahad, 13 Oktober 2019 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria di Dewan Tunku Canselor untuk meraikan detik yang penuh bermakna bagi para graduan. Istiadat simbolik dan penuh bersejarah ini merupakan detik penting dalam kehidupan setiap mahasiswa yang berpeluang melanjutkan pengajian ke menara gading. Kemuncak kepada segala pengorbanan dan cabaran yang diharungi sepanjang tempoh pengajian di universiti ialah kejayaan menggenggam segulung ijazah di Istiadat Konvokesyen yang penuh gemilang ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Istiadat konvokesyen pada petang ini merupakan Sidang Keempat daripada 10 Sidang yang bermula pada 12 Oktober 2019 dan akan berakhir pada 16 Oktober 2019. Dalam Istiadat Konvokesyen pada tahun ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan ijazah kepada 6,562 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada di peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda, Diploma Pascasiswazah, Diploma Lanjutan dan Diploma. Daripada jumlah tersebut, seramai 477 graduan merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 2,026 penerima Ijazah Sarjana termasuk Diploma Pascasiswazah Pendidikan, 2,965 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda dan 1095 graduan Diploma Lanjutan dan Diploma. Istiadat konvokesyen pada tahun ini turut mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Salim serta gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Dr. Phang Siew Moi, Profesor Ir. Dr. Mohd Ali Hashim dan Dato' Profesor Dr. Tan Chong Tin.

Pada Sidang Keempat petang ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 618 graduan Fakulti Sains, Fakulti Undang-Undang, Fakulti Perubatan, Institut Asia-

Eropah, Pusat Kebudayaan dan Pusat Sukan. Turut diraikan ialah graduan sulung bagi tujuh (7) program iaitu Sarjana Antarabangsa Integrasi Serantau Eropah, Sarjana Kekuatan & Suaian Fizikal, Sarjana Pendidikan Perubatan, Sarjana Sains (Bioteknologi), Sarjana Sains Fizik Gunaan, Sarjana Sains Kelestarian dan Sarjana Sains Statistik.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah universiti terulung dan diiktiraf sebagai universiti penyelidikan yang terunggul, Universiti Malaya sentiasa berusaha ke arah mempertingkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang pembelajaran dan penyelidikan, termasuk menyediakan modal insan yang berkualiti. Universiti Malaya telah terbukti sentiasa terkedepan dalam menerajui gagasan penyelidikan berimpak tinggi dengan mencipta nama sebagai Universiti penyelidikan yang terunggul di Malaysia. Dunia pendidikan yang semakin maju dan mencabar serta persekitaran yang semakin kompetitif telah mendorong pihak Pengurusan Universiti melakukan perancangan yang lebih agresif termasuk dalam bidang pembangunan dan juga pengembangan akademik di Universiti Malaya. Universiti Malaya sentiasa berusaha mempertingkatkan kurikulum pembelajaran bagi memastikan kurikulum yang disediakan menepati kehendak serta keperluan pasaran kerja di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Sebagai universiti terulung dan juga peneraju bidang penyelidikan dan inovasi di negara ini, ikrar dan sasaran Universiti Malaya untuk mencapai kedudukan antara 100 universiti terbaik dunia menjelang 2020 kini telah pun tercapai lebih awal. Dalam kedudukan ranking dunia, Universiti Malaya kini dengan bangganya telah berjaya menduduki tangga ke-70 dalam senarai QS World University Rankings bagi tahun 2020, iaitu melonjak 17 anak tangga berbanding kedudukan ke-87 pada tahun 2019. Prestasi cemerlang juga telah menobatkan Universiti Malaya di tangga ke-18 dalam senarai QS Asia University Rankings pada tahun ini. Kejayaan ini bukanlah semata-mata

satu populariti, sebaliknya ianya melambangkan kesungguhan dan keazaman serta kerjasama utuh daripada seluruh warga kampus, baik daripada kalangan barisan pengurusan dan pentadbiran, ahli akademik maupun juga mahasiswa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana penduduknya terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Walau bagaimanapun, berdasarkan senario semasa kita dapat melihat terdapat jurang integrasi yang masih luas dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini. Justeru, saudara-saudari yang bakal memasuki alam pekerjaan sebenarnya mampu memainkan peranan penting ke arah memupuk semangat perpaduan dan integrasi antara kaum dalam masyarakat. Pengalaman mengikuti program jalinan masyarakat pasti akan dapat membantu dan memudahkan saudara-saudari mendekati dan bergaul dengan pelbagai kelompok masyarakat. Justeru, diharap para graduan dapat berperanan sebagai agen sosial dalam memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat, di samping dapat mempraktikkan segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh di universiti untuk merealisasikan aspirasi negara bagi memperteguhkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Selain itu, kita juga disarankan agar sentiasa menjaga dan mengekalkan perpaduan di samping memelihara keharmonian antara kaum di negara ini. Kita hendaklah sentiasa menerapkan semangat kerjasama serta sikap toleransi yang tinggi dalam diri semasa menjalani kehidupan bermasyarakat. Kerjasama yang baik serta hormat-menghormati antara kaum dan agama dapat menjamin keharmonian dan kestabilan negara. Justeru, para graduan yang bakal memasuki alam pekerjaan dan akan bergaul rapat dengan pelbagai kelompok lapisan masyarakat disarankan agar sentiasa memastikan interaksi sosial dalam masyarakat hendaklah sentiasa berlandaskan nilai moral yang tinggi, rasa hormat serta toleransi yang baik. Sesungguhnya, persefahaman dan toleransi dalam hubungan kaum dan masyarakat merupakan kunci keharmonian serta kestabilan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kini kita berada dalam zaman Revolusi Industri yang ke-4 atau dikenali sebagai IR 4.0. Dunia hari ini adalah dunia yang dicorakkan untuk generasi Y dan generasi Z. Sebagai generasi moden masa kini, para graduan sekalian mempunyai peranan

dan cabaran yang amat besar kepada masyarakat dan negara. Pada tahun 1784, Revolusi Industri 1.0 telah memperkenalkan sumber tenaga baru daripada tenaga wap (stim), pembangunan mesin dan sistem pengilangan moden. Selepas 100 tahun kemudian, industri pengilangan mengalami Revolusi 2.0 dengan terciptanya komponen-komponen pengilangan secara boleh tukar atau *interchangeable*, seperti telegraf dan rel kereta api. Kecepatan penghantaran maklumat diperhebatkan lagi sekitar tahun 1969 melalui ledakan Revolusi 3.0, yang juga digelar sebagai Revolusi Digital. Penciptaan komputer, telefon pintar dan internet telah membolehkan manusia di seluruh dunia berkomunikasi tanpa perlu berhadapan secara fizikal. Kini, Revolusi Industri 4.0 semakin menambahbaikkan lagi sistem digital dengan penemuan baharu untuk kepentasan hidup manusia, antaranya teknologi robotik, IOT atau Internet Benda, kenderaan berautonomi dan kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence (AI)* seperti yang terdapat dalam telefon pintar.

Kesemua revolusi tersebut mempunyai kebaikan dan cabaran yang besar kepada manusia. Ianya menuntut kita untuk berpengetahuan tinggi berdaya saing. Salah satu keutamaannya adalah para graduan perlu bergerak maju tanpa mengorbankan jati diri, nilai-nilai agama, bangsa dan kemanusiaan. Sekiranya kita menjenguk dan menyelami kehidupan masyarakat di sekitar kita, sebenarnya masih banyak kelompongan masyarakat yang perlu diperbaiki, antaranya adalah sikap tanggungjawab masyarakat terhadap sesama manusia dan juga alam sekitar.

Saya ingin tekankan di sini, sekiranya akal fikiran kita sudah maju dan berilmu, jiwa juga perlu seiring maju dengan rasa kemanusiaan dan ihsan. Jiwa perlu disebatikan dengan sikap amanah dan integriti tinggi. Tanpa sifat amanah, kemajuan manusia akan menjurus ke arah kehidupan yang tidak mementingkan norma-norma kehidupan yang positif, luhur budi serta cenderung menjadi tidak bertanggungjawab dan tidak amanah. Berkaitan hal ini, suka saya memetik sebuah hadis Nabi (SAW) yang bermaksud:

“Orang yang paling dicintai Allah ialah orang yang paling bermanfaat kepada manusia lain.”

Berdasarkan maksud hadis di atas dapatlah dijadikan pedoman, dorongan dan motivasi kepada kita semua untuk memanfaatkan segala ilmu pengetahuan serta kepakaran yang diperoleh selama ini untuk faedah dan kebaikan masyarakat dan negara.

Universiti adalah medan terbaik dalam membentuk sahsiah terpuji di samping mengukuhkan sifat amanah dalam diri mahasiswa. Pendidikan tinggi yang berkesan pada peringkat universiti dapat memperbaiki dan membetulkan kelemahan diri serta akhlak. Oleh itu, sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya, diharap saudara-saudari berjaya menanam nilai moral dan integriti yang tinggi dalam diri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sabtu tahun bilangan graduan yang dihasilkan oleh Universiti Malaya semakin meningkat. Persoalan yang sering menjadi perhatian ialah adakah hubungan antara bekas pelajar ataupun alumninya dengan universiti ini berterusan atau sebaliknya terputus begitu sahaja sejurus konvokesyen berakhir? Realitinya, majoriti graduan atau alumni tidak lagi berhubungan dengan universiti ataupun *alma mater* mereka setelah tamat pengajian. Bilangan graduan yang terus berhubung dan datang kembali ke Universiti Malaya sama ada untuk memberikan sumbangan dan khidmat bakti ataupun menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan di Universiti Malaya, secara relatifnya masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh alumni di universiti luar negara. Hubungan alumni dan *alma mater* mereka cukup kuat sehingga boleh mengumpul dana yang begitu besar bagi pelbagai tujuan pembangunan dan kebajikan. Justeru, saya ingin menyeru kepada para graduan agar mencontohi alumni universiti di luar negara untuk menyumbang kembali kepada *alma mater*. Sesungguhnya hubungan antara universiti dan alumni adalah ibarat air yang dicincang tidak akan putus.

Hadirin hadirat sekalian,

Hari ini pastinya merupakan hari yang paling membanggakan kepada para graduan sekalian, di mana pada hari yang penuh ceria ini saudara-saudari menikmati hasil kejayaan atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah yang telah dicurahkan sepanjang tempoh mengikuti

pengajian di Universiti Malaya. Dalam suasana penuh kegembiraan meraikan kejayaan ini, hendaklah kita ingat bahawa apa yang kita peroleh dan kecapi pada hari ini, tidak akan terhasil tanpa pengorbanan, sokongan, dan iringan doa kedua-dua ibu bapa, kaum keluarga serta sahabat handai. Selain itu masyarakat sekeliling juga tidak terkecuali dalam menyumbang kepada kejayaan anda dalam apa jua cara, sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Oleh itu, berikanlah ucapan terima kasih dan penghargaan kepada mereka semua. Manfaatkanlah sebaik mungkin segala ilmu pengetahuan, pengalaman dan juga kemahiran yang diperoleh di Universiti Malaya untuk membantu masyarakat dan anak bangsa. Curahkanlah jasa dan bakti kepada masyarakat, tidak semestinya dalam bentuk wang ringgit, tetapi yang lebih penting adalah sumbangan idea serta khidmat bakti yang membawa kemajuan dan perubahan dalam kehidupan masyarakat.

Saya juga mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada para pensyarah dan pendidik yang dedikasi, barisan pentadbir dan seluruh warga kerja Universiti Malaya yang telah berusaha gigih memastikan segala proses dan ouput daripada pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan terlaksana dengan impak yang tinggi kepada universiti yang tercinta ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua tetamu kehormat, difid jemputan serta para hadirin yang telah sudi hadir menyerikan dan memeriahkan majlis yang penuh gemilang ini. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang akan menerima ijazah masing-masing. Saya nukilkian serangkap pantun:

Belayar ke hilir sampan kolek,
Patah dayung galang sebatang;
Ikhtiar tidak datang bergolek,
Akal tidak datang melayang.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ucapan Tan Sri Pro-Canselor Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib

Sidang Kelima - Isnin, 14 Oktober 2019 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah SWT kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria dan amat bermakna bagi meraikan para graduan di Dewan Tunku Canselor ini. Istiadat konvokesyen pada petang ini merupakan Sidang Kelima daripada 10 sidang yang telah bermula pada 12 Oktober 2019 dan akan berakhir pada 16 Oktober 2019.

Hari ini pasti menjadi hari yang amat bermakna bagi saudara-saudari sekalian. Segala usaha gigih dan penat lelah yang saudara-saudari tempuh sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya kini telah menghasilkan kejayaan cemerlang. Kejayaan ini sudah pasti dapat saudara-saudari raikan dan kongsikan dengan penuh bangga dan ceria bersama kaum keluarga serta sahabat handai.

Dalam Istiadat Konvokesyen pada tahun ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 6,562 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian, iaitu meliputi peringkat pengajian Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda dan juga Diploma Pascasiswazah, Diploma Lanjutan dan Diploma. Daripada jumlah tersebut, seramai 477 graduan merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 2,026 penerima Ijazah Sarjana termasuk Diploma Pascasiswazah Pendidikan, 2,965 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 1,094 penerima Diploma Lanjutan dan Diploma.

Istiadat Konvokesyen pada tahun ini turut mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Salim serta gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Dr. Phang Siew Moi, Profesor Ir. Dr. Mohd Ali Hashim dan Dato' Profesor Dr. Tan Chong Tin.

Pada Sidang Kelima pada pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 717 graduan daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Fakulti Kejuruteraan,

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Fakulti Pergigian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam era globalisasi kini, saudara-saudari hendaklah bersedia mentransformasikan diri dan bertindak pantas menguasai kemahiran dan pengetahuan terkini, lebih-lebih lagi berkaitan teknologi automasi pintar untuk berhadapan dengan kecanggihan Revolusi Industri 4.0. Saudara-saudari juga hendaklah sentiasa bersedia, berani meneroka dan pantas mengadaptasi teknologi masa kini bagi menjana sendiri perubahan seiring dengan keperluan Revolusi baru ini bagi memperkasakan masyarakat serta membangunkan negara pada masa hadapan.

Sebagai alumni Universiti Malaya, saudara-saudari merupakan duta yang akan menjadi cermin dan teladan kepada masyarakat. Saudara-saudari juga akan berperanan sebagai agen perubahan yang membolehkan masyarakat mendapat perkhidmatan daripada pengurusan yang berkesan dan tuntas. Saudara-saudari hendaklah sentiasa menunjukkan sikap berani mengambil risiko, cekap membuat pilihan, memiliki ketenangan dalam diri, berdaya saing dan penuh bertanggungjawab. Selain itu, sebagai alumni Universiti Malaya, diharap graduan sekalian bersedia untuk berjasa dan berbakti kepada alma mater dengan menghulurkan sumbangan kepada Universiti Malaya Endowment Fund (UMEF) yang baru ditubuhkan pada 6 Julai 2019 lepas.

Graduan universiti merupakan aset penting negara yang mampu membawa impak dan perubahan besar kepada pembangunan negara. Dalam mendeplani era globalisasi yang menjurus ke arah pendigitalan dan sejarah dengan tuntutan keperluan semasa, para graduan perlu melengkapkan diri dengan persediaan secukupnya. Para graduan perlu memiliki sifat inovatif, berkebolehan kognitif yang tinggi, menguasai pelbagai kemahiran bahasa, pintar teknologi serta menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan bagi memberikan sumbang bakti yang terbaik dan berkesan kepada masyarakat dan negara.

Sebagai sebahagian daripada keluarga besar Universiti, saudara-saudari kini bergelar alumni Universiti Malaya. Saudara-saudari adalah modal insan yang penting dalam membangunkan masyarakat serta menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara. Penglibatan alumni Universiti Malaya dalam pelbagai bidang pekerjaan dan kerjaya pastinya akan menaikkan reputasi dan jenama UM sebagai sebuah universiti tersohor di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Jika Universiti Malaya mampu mencapai tahap cemerlang di peringkat antarabangsa anda mestilah turut mengikut jejak langkah yang sudah dirintis oleh Universiti Malaya dengan mencapai kecemerlangan di dalam kerjaya anda. Dengan ini, reputasi Universiti Malaya sebagai universiti yang terulung di negara ini dapat dipertahankan.

Mengambil kira setiap graduan telah melalui pengalaman berharga sejak daripada zaman belajar yang unik dan berbeza, maka setiap alumni dianggap berpotensi menyumbang kepada Universiti dalam apa juga cara dan skala yang pelbagai. Pihak Universiti sentiasa mengalu-alukan sumbangan serta pandangan daripada alumni serta berkongsi idea demi pembangunan Universiti yang mampan, selain memberikan cadangan berguna dalam mengatasi sebarang cabaran yang dihadapi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Budaya *philanthropic*, iaitu sifat pemurah atau sifat kedermawanan mungkin masih baru bagi masyarakat Malaysia. Oleh itu, ia perlu dipupuk dalam kalangan pelajar semenjak mereka mengikuti pengajian di universiti lagi. Kepentingan budaya *philanthropic* dapat dilihat di universiti tersohor seperti di Universiti Harvard di Amerika Syarikat dan Universiti Al-Azhar di Mesir yang mempunyai jumlah dana amanah antara yang terbesar di dunia, dan sebahagian besarnya disumbangkan oleh alumni universiti masing-masing. Dana *endowment* ini membolehkan universiti berkenaan mempunyai kemampuan kewangan yang mandiri dan berupaya menganjurkan program-program terkemuka, menghasilkan penemuan penyelidikan saintifik serta melahirkan para ilmuan dan sarjana termasuk profesor dalam pelbagai bidang dan kepakaran akademik.

Pihak Universiti perlu memperkasakan hubungan dan keterlibatan alumni (*alumni engagement*) dengan mewujudkan saluran yang memudahkan hubungan antara alumni dengan pelajar dan universiti, di samping usaha berterusan untuk

menggalakkan alumni menyertai aktiviti di kampus dan menyumbang kepada universiti. Dalam konteks ini, Universiti boleh menjemput alumni yang berjaya dalam kerjaya untuk berkongsi pengalaman dan memberikan inspirasi kepada pelajar bagi memperkayakan pengalaman mereka semasa berada di universiti. Alumni juga boleh menyumbang kepakaran mereka dalam bidang yang berkaitan dengan profesi mereka bagi membangunkan program pengajian akademik baharu di universiti. Kehadiran alumni selaku pensyarah jemputan, ahli jawatankuasa penasihat, pakar industri dan rakan kongsi projek usahasama dengan universiti membolehkan mereka menyambung ‘perjuangan’ mereka dalam menjayakan pembangunan *alma mater*.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam persekitaran global yang semakin kompetitif dan mencabar ke arah matlamat menghasilkan graduan yang lengkap dengan kemahiran abad ke-21 serta berdaya saing dalam milenium baharu ini, barangkali kita lupa tentang asas-asas utama yang boleh membawa kepada kejayaan, iaitu nilai patriotisme kepada negara, sikap toleransi serta semangat bekerjasama. Saudara-saudari sekalian adalah bakal peneraju masa hadapan negara. Justeru, adalah penting bagi setiap individu menanam nilai-nilai positif tersebut agar para graduan yang melangkah keluar dari menara gading mampu memperolehi dan menganjurkan semangat perpaduan, persefahaman serta kemakmuran negara tercinta.

Elemen patriotisme memerlukan graduan menghayati aspirasi negara serta berbangga dengan setiap kejayaan negara dan sentiasa sensitif dengan perubahan, tegas berhadapan dengan gejala rasuah dan penyelewengan serta bersemangat menuju kebaikan dan kesejahteraan hidup. Islam sentiasa menganjurkan umatnya membina persaudaraan melalui toleransi dan kerjasama kerana ia merupakan asas penting membina kecemerlangan ummah. Setiap graduan yang berusaha untuk membekalkan diri masing-masing dengan kekuatan ini akan dapat menyumbang kepada kejayaan pembangunan negara melalui sumbangan tenaga dan fikiran yang benar-benar amanah dan bertanggungjawab.

Pepatah Melayu berbunyi, “Lautan mana tidak berombak, bumi mana tidak ditimpa hujan” membawa maksud segala usaha pasti ada kesukarannya dan manusia tidak akan lepas daripada kekhilafan. Namun, sebagai rakyat yang cintakan perpaduan kaum, kita hendaklah sentiasa

bersama-sama memelihara keharmonian dalam hubungan antara kaum dan hindarilah daripada menyentuh isu yang sensitif khususnya yang berkaitan dengan sensitiviti kaum dan agama. Semangat kerjasama yang utuh serta sikap saling menghormati antara kaum dan agama akan mampu menjamin kestabilan negara.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Pembentukan sahsiah bermula dari institusi keluarga. Justeru saudara-saudari haruslah sentiasa mengenang jasa dan pengorbanan kedua-dua ibu bapa sebaik mungkin. Yang Mulia Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz pernah menyatakan bahawa rumah merupakan universiti pertama bagi anak-anak dan ibu bapa merupakan profesor pertama bagi mereka. Anak-anak ibarat sehelai kain putih, ibu bapalah yang mencorakkan warna pada kain tersebut. Pendek kata itulah peranan untuk ibu bapa mereka.

Mereka telah berjaya berperanan sebagai suri teladan terbaik sehingga membolehkan saudara-saudari menggapai kejayaan dan bergelar graduan pada hari ini. Segulung ijazah yang digenggam hari ini merupakan bukti segala pengorbanan dan kegigihan mereka yang telah membubahkan hasil yang membanggakan. Sebagai ibu bapa, sudah pastinya tiada yang lebih indah selain melihat segala penat lelah membesar dan mendidik anak-anak akhirnya menghasilkan kejayaan yang membanggakan.

Kejayaan saudara-saudari bukanlah milik mutlak anda seorang sahaja, sebaliknya pandang dan renungkanlah pengorbanan ibu bapa yang tidak terhitung nilainya. Saya ingin berpesan kepada para graduan Universiti Malaya agar tidak sahaja cemerlang di dalam pelbagai bidang pengajian semata-mata, tetapi juga cemerlang menjadi seorang anak yang memuliakan dan menghargai jasa ibu dan bapa.

Anak yang baik tidak akan melupai jasa dan kasih sayang ibu bapa mereka, dan anak soleh sentiasa memohon kepada Allah agar ibu bapa mereka diberkati dan dicucuri rahmat. Firman Allah di dalam Surah Al-Isra', ayat 24 bermaksud:

"Wahai Tuhan! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua (ibu bapa) sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayang dan memelihara dan mendidikku sejak kecil".

Pada hari ini sempurnalah sudah satu fasa perjalanan kehidupan saudara-saudari sebagai mahasiswa universiti dalam menuntut ilmu dan kini bakal bergelar graduan. Bagaimanapun, proses pembelajaran tidak berhenti di sini sahaja, sebaliknya pembelajaran adalah proses yang berterusan. Oleh itu, saya berharap saudara-saudari sentiasa meneruskan usaha dalam mencari ilmu pengetahuan yang berguna di samping menabur bakti sebagai ahli masyarakat yang berjasa demi pembangunan negara tercinta ini. Semoga kejayaan yang diraih pada hari ini dijadikan paksi yang teguh dalam meneruskan perjalanan hidup dengan lebih berkeyakinan.

Terbang camar indah di awan,
Hinggap sebentar di pohon bidara;
Sumbanglah baktimu wahai graduan,
Binalah bangsa bangunkan negara.

Adalah menjadi harapan saya agar para graduan dapat mengembangkan pengetahuan dan bersifat kompeten agar mampu mempersiapkan diri menjadi tenaga kerja yang dapat menghayati budaya kerja berprestasi tinggi apabila memasuki alam pekerjaan nanti. Para graduan perlu mengorak langkah lebih aktif dalam menggarap dan membangunkan potensi diri ke arah menjadi pelopor dan penggerak pembangunan negara.

Sekali lagi saya ucapan tahniah kepada para graduan sekalian. Semoga kejayaan yang diraih pada hari ini menjadi asas yang teguh di dalam diri saudara-saudari dalam meneruskan perjalanan hidup ini dengan lebih berjaya. Ingatlah pesanan berikut yang diungkapkan oleh pakar motivasi dan penulis terlaris, Anthony J. Robbins, "*The path to success is to take massive, determined action*" dan juga sebuah pesanan oleh Jack Ma, pengasas e-dagang yang terkenal, Kumpulan Alibaba, iaitu "*There is no elevator to success. You have to take the stairs*". Kata-kata ini melambangkan usaha, kesungguhan dan kepayahan yang perlu dilalui dalam usaha mengejar dan menikmati sebuah kejayaan.

Contoh yang lebih dekat untuk anda ikuti ialah pencapaian Universiti Malaya ini sendiri. Pengurusan Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan yang diberikan sehingga membolehkan Universiti Malaya menduduki tangga ke-70 dalam senarai QS World University Rankings bagi tahun 2020, iaitu melonjak 17 anak tangga berbanding kedudukan ke-87 pada tahun

2019. Prestasi cemerlang juga telah menobatkan Universiti Malaya di tangga ke-18 dalam senarai QS Asia University Rankings pada tahun ini.

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada para pensyarah dan pendidik yang dedikasi, barisan pentadbir dan seluruh warga kerja Universiti Malaya yang telah berusaha gigih memastikan segala proses dan output daripada pembelajaran, pengajaran dan

penyelidikan terlaksana dengan impak yang tinggi kepada universiti yang tercinta ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua tetamu kehormat, dif-dif jemputan serta para hadirin yang telah sudi hadir menyerikan dan memeriahkan majlis yang penuh gemilang ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Ucapan Tan Sri Pro-Canselor Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib

Sidang Keenam - Isnin, 14 Oktober 2019 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah SWT kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria dan amat bermakna bagi meraikan para graduan di Dewan Tunku Canselor ini. Istiadat konvokesyen pada petang ini merupakan Sidang Keenam daripada 10 sidang yang telah bermula pada 12 Oktober 2019 dan akan berakhir pada 16 Oktober 2019.

Hari ini pasti menjadi hari yang amat bermakna bagi saudara-saudari sekalian. Segala usaha gigih dan penat lelah yang saudara-saudari tempuh sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya kini telah menghasilkan kejayaan cemerlang. Kejayaan ini sudah pasti dapat saudara-saudari raikan dan kongsikan dengan penuh bangga dan ceria bersama kaum keluarga serta sahabat handai.

Dalam Istiadat Konvokesyen pada tahun ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 6,562 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian, iaitu meliputi peringkat pengajian Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda dan juga Diploma Pascasiswazah, Diploma Lanjutan dan Diploma. Daripada jumlah tersebut, seramai 477 graduan merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 2,026 penerima Ijazah Sarjana termasuk Diploma Pascasiswazah Pendidikan, 2,965 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 1,094 penerima Diploma Lanjutan dan Diploma.

Istiadat Konvokesyen pada tahun ini turut mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Salim serta gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Dr. Phang Siew Moi, Profesor Ir. Dr. Mohd Ali Hashim dan Dato' Profesor Dr. Tan Chong Tin.

Pada Sidang Keenam pada petang ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 794 graduan dalam pelbagai disiplin

dan bidang pengajian. Turut diraikan ialah graduan sulung bagi enam (6) program iaitu Sarjana Muda Sains Fizik, Sarjana Muda Sains Matematik, Sarjana Muda Sains Matematik Gunaan, Sarjana Muda Drama, Sarjana Muda Muzik dan Sarjana Muda Tari.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam era globalisasi kini, saudara-saudari hendaklah bersedia mentransformasikan diri dan bertindak pantas menguasai kemahiran dan pengetahuan terkini, lebih-lebih lagi berkaitan teknologi automasi pintar untuk berhadapan dengan kecanggihan Revolusi Industri 4.0. Saudara-saudari juga hendaklah sentiasa bersedia, berani meneroka dan pantas mengadaptasi teknologi masa kini bagi menjana sendiri perubahan seiring dengan keperluan Revolusi baru ini bagi memperkasakan masyarakat serta membangunkan negara pada masa hadapan.

Sebagai alumni Universiti Malaya, saudara-saudari merupakan duta yang akan menjadi cermin dan teladan kepada masyarakat. Saudara-saudari juga akan berperanan sebagai agen perubahan yang membolehkan masyarakat mendapat perkhidmatan daripada pengurusan yang berkesan dan tuntas. Saudara-saudari hendaklah sentiasa menunjukkan sikap berani mengambil risiko, cekap membuat pilihan, memiliki ketenangan dalaman, berdaya saing dan penuh bertanggungjawab. Selain itu, sebagai alumni Universiti Malaya, diharap graduan sekalian bersedia untuk berjasa dan berbakti kepada alma mater dengan menghulurkan sumbangan kepada Universiti Malaya Endowment Fund (UMEF) yang baru ditubuhkan pada 6 Julai 2019 lepas.

Graduan universiti merupakan aset penting negara yang mampu membawa impak dan perubahan besar kepada pembangunan negara. Dalam mendepani era globalisasi yang menjurus ke arah pendigitalan dan sejajar dengan tuntutan keperluan semasa, para graduan perlu melengkapkan diri dengan persediaan secukupnya. Para graduan perlu memiliki sifat inovatif, berkebolehan kognitif

yang tinggi, menguasai pelbagai kemahiran bahasa, pintar teknologi serta menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan bagi memberikan sumbang bakti yang terbaik dan berkesan kepada masyarakat dan negara.

Sebagai sebahagian daripada keluarga besar Universiti, saudara-saudari kini bergelar alumni Universiti Malaya. Saudara-saudari adalah modal insan yang penting dalam membangunkan masyarakat serta menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara. Penglibatan alumni Universiti Malaya dalam pelbagai bidang pekerjaan dan kerjaya pastinya akan menaikkan reputasi dan jenama UM sebagai sebuah universiti tersohor di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Jika Universiti Malaya mampu mencapai tahap cemerlang di peringkat antarabangsa anda mestilah turut mengikut jejak langkah yang sudah dirintis oleh Universiti Malaya dengan mencapai kecemerlangan di dalam kerjaya anda. Dengan ini, reputasi Universiti Malaya sebagai universiti yang terulung di negara ini dapat dipertahankan.

Mengambil kira setiap graduan telah melalui pengalaman berharga sejak daripada zaman belajar yang unik dan berbeza, maka setiap alumni dianggap berpotensi menyumbang kepada Universiti dalam apa juga cara dan skala yang pelbagai. Pihak Universiti sentiasa mengalu-alukan sumbangan serta pandangan daripada alumni serta berkongsi idea demi pembangunan Universiti yang mampan, selain memberikan cadangan berguna dalam mengatasi sebarang cabaran yang dihadapi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Budaya *philanthropic*, iaitu sifat pemurah atau sifat kedermawanan mungkin masih baru bagi masyarakat Malaysia. Oleh itu, ia perlu dipupuk dalam kalangan pelajar semenjak mereka mengikuti pengajian di universiti lagi. Kepentingan budaya *philanthropic* dapat dilihat di universiti tersohor seperti di Universiti Harvard di Amerika Syarikat dan Universiti Al-Azhar di Mesir yang mempunyai jumlah dana amanah antara yang terbesar di dunia, dan sebahagian besarnya disumbangkan oleh alumni universiti masing-masing. Dana *endowment* ini membolehkan universiti berkenaan mempunyai kemampuan kewangan yang mandiri dan berupaya menganjurkan program-program terkemuka, menghasilkan penemuan penyelidikan saintifik serta melahirkan para ilmuan dan sarjana termasuk profesor dalam pelbagai bidang dan kepakaran akademik.

Pihak Universiti perlu memperkasakan hubungan dan keterlibatan alumni (*alumni engagement*) dengan mewujudkan saluran yang memudahkan hubungan antara alumni dengan pelajar dan universiti, di samping usaha berterusan untuk menggalakkan alumni menyertai aktiviti di kampus dan menyumbang kepada universiti. Dalam konteks ini, Universiti boleh menjemput alumni yang berjaya dalam kerjaya untuk berkongsi pengalaman dan memberikan inspirasi kepada pelajar bagi memperkayakan pengalaman mereka semasa berada di universiti. Alumni juga boleh menyumbang kepakaran mereka dalam bidang yang berkaitan dengan profesi mereka bagi membangunkan program pengajian akademik baharu di universiti. Kehadiran alumni selaku pensyarah jemputan, ahli jawatankuasa penasihat, pakar industri dan rakan kongsi projek usahasama dengan universiti membolehkan mereka menyambung ‘perjuangan’ mereka dalam menjayakan pembangunan *alma mater*.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam persekitaran global yang semakin kompetitif dan mencabar ke arah matlamat menghasilkan graduan yang lengkap dengan kemahiran abad ke-21 serta berdaya saing dalam milenium baharu ini, barangkali kita lupa tentang asas-asas utama yang boleh membawa kepada kejayaan, iaitu nilai patriotisme kepada negara, sikap toleransi serta semangat bekerjasama. Saudara-saudari sekalian adalah bakal peneraju masa hadapan negara. Justeru, adalah penting bagi setiap individu menanam nilai-nilai positif tersebut agar para graduan yang melangkah keluar dari menara gading mampu memperolehi dan menganjurkan semangat perpaduan, persefahaman serta kemakmuran negara tercinta.

Elemen patriotisme memerlukan graduan menghayati aspirasi negara serta berbangga dengan setiap kejayaan negara dan sentiasa sensitif dengan perubahan, tegas berhadapan dengan gejala rasuah dan penyelewengan serta bersemangat menuju kebaikan dan kesejahteraan hidup. Islam sentiasa menganjurkan umatnya membina persaudaraan melalui toleransi dan kerjasama kerana ia merupakan asas penting membina kecemerlangan ummah. Setiap graduan yang berusaha untuk membekalkan diri masing-masing dengan kekuatan ini akan dapat menyumbang kepada kejayaan pembangunan negara melalui sumbangan tenaga dan fikiran yang benar-benar amanah dan bertanggungjawab.

Pepatah Melayu berbunyi, "Lautan mana tidak berombak, bumi mana tidak ditimpa hujan" membawa maksud segala usaha pasti ada kesukarannya dan manusia tidak akan lepas daripada kekhilafan. Namun, sebagai rakyat yang cintakan perpaduan kaum, kita hendaklah sentiasa bersama-sama memelihara keharmonian dalam hubungan antara kaum dan hindarilah daripada menyentuh isu yang sensitif khususnya yang berkaitan dengan sensitiviti kaum dan agama. Semangat kerjasama yang utuh serta sikap saling menghormati antara kaum dan agama akan mampu menjamin kestabilan negara.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Pembentukan sahsiah bermula dari institusi keluarga. Justeru saudara-saudari haruslah sentiasa mengenang jasa dan pengorbanan kedua-dua ibu bapa sebaik mungkin. Yang Mulia Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz pernah menyatakan bahawa rumah merupakan universiti pertama bagi anak-anak dan ibu bapa merupakan profesor pertama bagi mereka. Anak-anak ibarat sehelai kain putih, ibu bapalah yang mencorakkan warna pada kain tersebut. Pendek kata itulah peranan untuk ibu bapa mereka.

Mereka telah berjaya berperanan sebagai suri teladan terbaik sehingga membolehkan saudara-saudari menggapai kejayaan dan bergelar graduan pada hari ini. Segulung ijazah yang digenggam hari ini merupakan bukti segala pengorbanan dan kegigihan mereka yang telah membawa hasil yang membanggakan. Sebagai ibu bapa, sudah pastinya tiada yang lebih indah selain melihat segala penat lelah membesar dan mendidik anak-anak akhirnya menghasilkan kejayaan yang membanggakan.

Kejayaan saudara-saudari bukanlah milik mutlak anda seorang sahaja, sebaliknya pandang dan renungkanlah pengorbanan ibu bapa yang tidak terhitung nilainya. Saya ingin berpesan kepada para graduan Universiti Malaya agar tidak sahaja cemerlang di dalam pelbagai bidang pengajian semata-mata, tetapi juga cemerlang menjadi seorang anak yang memuliakan dan menghargai jasa ibu dan bapa.

Anak yang baik tidak akan melupai jasa dan kasih sayang ibu bapa mereka, dan anak soleh sentiasa memohon kepada Allah agar ibu bapa mereka diberkati dan dicucuri rahmat. Firman Allah di dalam Surah Al-Isra', ayat 24 bermaksud:

"Wahai Tuhan! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua (ibu bapa) sebagaimana mereka mencerahkan kasih sayang dan memelihara dan mendidikku sejak kecil".

Pada hari ini sempurnalah sudah satu fasa perjalanan kehidupan saudara-saudari sebagai mahasiswa universiti dalam menuntut ilmu dan kini bakal bergelar graduan. Bagaimanapun, proses pembelajaran tidak berhenti di sini sahaja, sebaliknya pembelajaran adalah proses yang berterusan. Oleh itu, saya berharap saudara-saudari sentiasa meneruskan usaha dalam mencari ilmu pengetahuan yang berguna di samping menabur bakti sebagai ahli masyarakat yang berjasa demi pembangunan negara tercinta ini. Semoga kejayaan yang diraih pada hari ini dijadikan paksi yang teguh dalam meneruskan perjalanan hidup dengan lebih berkeyakinan.

Terbang camar indah di awan,
Hinggap sebentar di pohon bidara;
Sumbanglah baktimu wahai graduan,
Binalah bangsa bangunkan negara.

Adalah menjadi harapan saya agar para graduan dapat mengembangkan pengetahuan dan bersifat kompeten agar mampu mempersiapkan diri menjadi tenaga kerja yang dapat menghayati budaya kerja berprestasi tinggi apabila memasuki alam pekerjaan nanti. Para graduan perlu mengorak langkah lebih aktif dalam menggarap dan membangunkan potensi diri ke arah menjadi pelopor dan penggerak pembangunan negara.

Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada para graduan sekalian. Semoga kejayaan yang diraih pada hari ini menjadi asas yang teguh di dalam diri saudara-saudari dalam meneruskan perjalanan hidup ini dengan lebih berjaya. Ingatlah pesanan berikut yang diungkapkan oleh pakar motivasi dan penulis terlaris, Anthony J. Robbins, "*The path to success is to take massive, determined action*" dan juga sebuah pesanan oleh Jack Ma, pengasas e-dagang yang terkenal, Kumpulan Alibaba, iaitu "*There is no elevator to success. You have to take the stairs*". Kata-kata ini melambangkan usaha, kesungguhan dan kepayahan yang perlu dilalui dalam usaha mengejar dan menikmati sebuah kejayaan.

Contoh yang lebih dekat untuk anda ikuti ialah pencapaian Universiti Malaya ini sendiri. Pengurusan Universiti Malaya ingin mengucapkan

terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan yang diberikan sehingga membolehkan Universiti Malaya menduduki tangga ke-70 dalam senarai QS World University Rankings bagi tahun 2020, iaitu melonjak 17 anak tangga berbanding kedudukan ke-87 pada tahun 2019. Prestasi cemerlang juga telah menobatkan Universiti Malaya di tangga ke-18 dalam senarai QS Asia University Rankings pada tahun ini.

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada para pensyarah dan pendidik yang dedikasi, barisan pentadbir dan

seluruh warga kerja Universiti Malaya yang telah berusaha gigih memastikan segala proses dan output daripada pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan terlaksana dengan impak yang tinggi kepada universiti yang tercinta ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua tetamu kehormat, dif-dif jemputan serta para hadirin yang telah sudi hadir menyerikan dan memeriahkan majlis yang penuh gemilang ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Ucapan Naib Canselor
Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim**

Sidang Ketujuh - Selasa, 15 Oktober 2019 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasalam, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Alhamdullilah, dengan limpah kurnia dan keizinan Ilahi, kita dapat bertemu pada hari ini, di Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya yang ke-59.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada bulan Februari tahun ini, Sistem Kajian Pengesanan Graduan, Kementerian Pendidikan Malaysia merekodkan, seramai 57,411 orang graduan masih belum bekerja, mewakili hampir 20 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan pada tahun 2018. Secara relatifnya, Sastera dan Kemanusiaan, Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan, antara bidang pengajian yang merekodkan statistik pengangguran lebih daripada 20 peratus. Rekod 2018 menunjukkan bahawa, lebih daripada 25,000 orang graduan dalam bidang-bidang ini termasuk dalam statistik pengangguran. Adakah ini mimpi ngeri untuk kita semua?

Sudah tentu jawapannya tidak. Sebagai peneraju kepada perubahan, graduan perlu membuktikan, statistik ini tidak mewakili, graduan Universiti Malaya. Dengan komitmen semua, kita mampu mengubah realiti ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Perkembangan dunia hari ini adalah sangat pantas. Alam pekerjaan mula dipengaruhi automasi, seperti penggunaan robot, dan juga *artificial intelligence* (kecerdasan buatan). Digital platform juga merupakan sesuatu yang tidak asing lagi dalam semua industri. Inovasi termaju, makin mengurangkan aspek penggunaan peranan dan tenaga manusia. Di sinilah, perlunya kita

semua, pihak pengurusan, warga akademik dan juga graduan sendiri, mengorak langkah menjadi peneraju, dalam mencorakkan perubahan. Ini penting bagi memastikan kita semua, khususnya graduan, mampu berhadapan dengan perkembangan pesat dunia ini.

Justeru itu, Universiti Malaya mengambil langkah proaktif, untuk memperkenalkan, Transformasi Universiti Malaya. Transformasi ini apabila diperkenalkan kelak, akan menjadikan, pengukuran kejayaan bukan sekadar input, aktiviti dan output, tetapi lebih kepada keberhasilan, yakni *outcome* dan impak.

Universiti Malaya komited, untuk memastikan universiti ini, dan graduan yang dilahirkan, mampu berhadapan cabaran semasa, dan juga akan datang.

Sebagai langkah awal, transformasi yang sedang dirancang rapi, akan memberi fokus kepada beberapa perkara utama:

Pertama, melahirkan *future proof* dan *global ready graduates*. Ini dilakukan dengan memperkenalkan kurikulum yang lebih bersifat menyeluruh, flexible dan multidisciplinary. Siswa Universiti Malaya juga digalakkan untuk terlibat dengan program mobiliti pelajar ke luar negara, bagi mendapatkan pengalaman antarabangsa dan meluaskan sudut pandang, *world view* masing-masing. Selain daripada itu, siswa juga didedahkan dengan pengalaman luas, seperti menganjur dan mengelola sendiri pilihanraya kampus, serta dilibatkan dalam badan pemutus urusan akademik universiti, iaitu Senat Universiti Malaya.

Kedua, menyediakan kampus pintar berdasarkan teknologi dan kelestarian alam sekitar. Untuk makluman semua, baru-baru ini Universiti Malaya telah mengorak langkah ke arah kampus tanpa tunai, dengan melancarkan UM Cashless. UM Cashless ini akan beroperasi sepenuhnya pada tahun hadapan. Digital platform juga diperkenalkan,

bagi mengukuhkan proses pembelajaran dan pengajaran. Pada masa yang sama, kelestarian alam sekitar juga menjadi agenda penting Universiti Malaya. Pada masa ini Universiti Malaya diiktiraf sebagai kampus ke-36 terbaik dunia dalam aspek kelestarian, berdasarkan UI GreenMetric.

Ketiga, *translational research dan social enterprise approach*. Selain daripada penyelidikan asas dan penyelidikan untuk terbitan jurnal akademik, warga penyelidik Universiti Malaya juga perlu mempunyai sumbangan langsung kepada masyarakat, melalui penyelidikan yang dapat dikomersilkan, penyelesaikan kepada masalah masyarakat, dan membantu pihak berkuasa menyediakan dasar yang lebih baik. Ini semua mampu mewujudkan kitaran penyelidikan yang baik, lestari dan berimpak tinggi.

Keempat, pengukuhan hal ehwal alumni. Adalah menjadi hasrat Universiti Malaya untuk bekerjasama dengan semua alumni termasuk graduan pada hari ini. Statistik menunjukkan, Universiti Malaya mempunyai lebih 200 ribu orang alumni, dalam pelbagai bidang. Alumni sangat penting bagi menghubungkan permasalahan, dan isu sebenar dalam pelbagai bidang, untuk diperhalusi oleh penyelidik, dan tenaga pakar universiti, agar penyelesaian dapat diusahakan. Tanpa alumni, universiti dan dunia luar seperti tiada penghubung yang jelas.

Sumbangan kepakaran alumni juga perlu dalam aspek membantu siswa Universiti Malaya yang sedang menuntut, agar dapat mendengar sendiri, realiti yang sedang berlaku dalam pelbagai industri. Ini merupakan elemen yang mampu mengukuhkan transformasi universiti, dalam usaha melahirkan *future proof graduates*.

Selain berperanan sebagai penghubung dan penyumbang kepakaran. Alumni juga boleh menyumbang kepada Universiti Malaya Endowment Fund, dalam usaha universiti mencapai objektif, kelestarian dalam aspek kewangan.

InsyaAllah dengan adanya transformasi ini, pelbagai pihak, terutamanya alumni, dapat menjadikan universiti, sebagai medan penyelesaian kepada pelbagai masalah dan isu, yang wujud di sekitar kita. Pada masa yang sama, melahirkan modal insan untuk negara, dunia, dan paling penting, mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Semua usaha Universiti Malaya tidak akan memberi arti, kiranya graduan sendiri, tidak berusaha untuk tampil berbeza, dengan menonjolkan kualiti yang dihasratkan.

Dunia yang penuh cabaran pada hari ini memerlukan, modal insan yang berkemampuan dan amanah. Al-Quran telah merekodkan, dalam Surah Al-Qasas, ayat 26:

“...sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”.

Kuat bukan sekadar merujuk kepada tenaga, tetapi kepada kredibiliti, dan ciri-ciri personaliti yang memfokuskan aspek kecemerlangan, dalam melaksanakan tugas. Manakala sifat amanah penting, bagi memperkuuhkan penyampaian sesuatu pekerjaan.

Bukan itu sahaja, majikan pada hari ini juga menekankan aspek kemahiran insaniah. Justeru itu, para graduan perlu berusaha memperkuuhkan beberapa elemen penting, seperti mampu menganalisa, berfikiran kritis, mahir dalam berkomunikasi, mampu bekerja dalam pasukan, penyelesaikan kepada masalah, dan yang paling penting, sentiasa mampu menyesuaikan diri dalam cabaran dunia yang berubah-ubah.

InsyaAllah, dengan usaha dan komitmen daripada kerajaan, Universiti dan graduan sendiri, isu pengangguran dapat dikurangkan. Asalkan kita terus berusaha untuk berpikir dengan realiti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Istiadat kali ini menyaksikan Universiti Malaya berbangga melahirkan seramai 477 graduan Ijazah Kedoktoran, 2,026 graduan Ijazah Sarjana, dan 2,965 graduan Ijazah Sarjana Muda.

Pada sesi ketujuh ini sahaja, seramai 737 graduan dari Akademi Pengajian Melayu, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Akademi Pengajian Islam serta Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, ada bersama-sama kita.

Lebih manis lagi, dalam kalangan graduan yang ada pada hari ini, istiadat diserikan dengan kehadiran Penerima Anugerah DiRaja, Saudara Muhammad Madhi Mohd Budiman daripada Akademi Pengajian Islam.

Sebelum mengakhiri ucapan, sekalung penghargaan kepada ibu bapa, dan keluarga graduan. Pihak universiti menghargai, sokongan dan dorongan tuan-tuan dan puan-puan, dalam usaha memastikan, kejayaan para graduan.

Saudara saudari graduan yang diraikan,

Universiti Malaya berbangga, kerana anda adalah sebahagian daripada kejayaan Universiti Malaya, berada di tangga ke-70 terbaik dunia, berdasarkan QS World University Ranking 2020. Kita juga bersama-sama mendaki kejayaan, dinobatkan sebagai universiti ke-19 terbaik di Asia, ketiga terbaik di Asia Tenggara, dan universiti terbaik di Malaysia.

Anda semua merupakan aset penting untuk negara dan juga dunia. Manfaatkanlah ilmu yang dimiliki sebaiknya, dan berazam untuk menjadi peneraju

kepada perubahan dalam bidang masing-masing. Pada masa yang sama, hargailah sumbangan dan pengorbanan ibu bapa, keluarga, guru, pensyarah dan rakan-rakan sekeliling, yang telah sedikit sebanyak membantu anda, mengharungi semua cabaran dan liku pengajian, untuk berjaya pada hari ini.

Sebagai penghargaan, kita berikan tepukan gemuruh, untuk Graduan Universiti Malaya 2019.

Semoga usaha kita semua diberkati Allahu Subhanahu Wataala.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**Pidato bagi Anugerah Pelajaran DiRaja
untuk Saudara Muhammad Madhi bin Mohd Budiman**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berbahagia Datin Profesor Dr. Raihanah Haji Abdullah
Pengarah, Akademi Pengajian Islam**

Sidang Ketujuh - Selasa, 15 Oktober 2019 (Pagi)

Muhammad Madhi bin Mohd Budiman.

Muhammad Madhi bin Mohd Budiman dilahirkan pada 18 Disember 1994. Anak kelahiran Pulau Pinang ini merupakan cahaya mata pertama daripada lima adik beradik kepada pasangan Encik Mohd Budiman Ahmad dan Puan Asmahan Ali. Bapa beliau adalah seorang Pengurus Besar di Syarikat Malaysian Maritime and Dredging Corporation di Kuala Lumpur, manakala ibu beliau pernah bekerja sebagai pegawai pelaburan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, kini menjadi suri rumah sepenuh masa.

Saudara Madhi dibesarkan di Kuala Lumpur dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Islam Al-Amin Gombak, Selangor. Semenjak awal lagi, beliau telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap kepimpinan apabila dilihat berupaya menggalas tanggungjawab dengan baik sebagai pengawas serta ketua badan beruniform.

Beliau kemudiannya menyambung persekolahan peringkat menengah di Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah, Kelantan. Berjauhan daripada keluarga sememangnya menjadi satu cabaran buat beliau, tetapi dalam masa yang sama telah berjaya membina karakter diri beliau melalui sikap berdikari dan mempunyai daya tahan yang tinggi. Dengan bimbingan serta tunjuk ajar guru, beliau berjaya menamatkan 30 juzu' hafalan Al-Quran dalam tempoh 5 tahun pengajiannya di sana. Dari sudut pencapaian akademik, beliau berjaya memperolehi 9A dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Kemudiannya, beliau meneruskan persekolahan di peringkat menengah tinggi dalam aliran sains tulen. Walau bagaimanapun langit tak selalu cerah, beliau hanya memperolehi 2A,6B & 3C di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pada awalnya, beliau berasa kecewa dengan keputusan yang diperolehi. Namun, beliau terus

berazam dan menjadikan keputusan tersebut sebagai pembakar semangat untuk mencapai kejayaan serta membanggakan kedua-dua ibu bapanya. Dengan keputusan yang diperolehi itu, beliau diterima masuk ke Darul Quran JAKIM untuk menyambung pengajian di peringkat Diploma. Di sana, beliau sekali lagi berjaya menghabiskan hafazan 30 juzu' Al-Quran dalam tempoh kurang dari 3 tahun. Beliau turut menceburkan diri di dalam bidang kepimpinan melalui badan-badan persatuan. Dengan bimbingan pensyarah di sana, beliau berjaya menamatkan pengajian Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat dengan kepujian atau CGPA 3.68.

Melalui saluran Diploma, Saudara Madhi berjaya menjakkan kaki di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) kemasukan sesi 2015/2016 bagi meneruskan pengajian peringkat ijazah pertama dalam jurusan Sarjana Muda Pengurusan Muamalat. Berada di universiti terbaik di Malaysia, beliau menggunakan peluang yang diberikan sebaiknya untuk menceburkan diri dalam pelbagai aktiviti di samping rakan-rakan lain yang bijaksana. Beliau merupakan seorang pelajar yang sangat komited tidak kira dalam bidang akademik, kesukarelawanan mahupun kepimpinan. Sepanjang tempoh pengajian, beliau telah menunjukkan pencapaian akademik yang sangat cemerlang dan berjaya menerima Anugerah Dekan sebanyak enam (6) kali.

Di Universiti Malaya, beliau mula membangunkan potensi diri dengan menyertai program anjuran Student Empowerment Research Unit (SERU) di bawah kendalian Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Pelbagai ilmu dan kemahiran yang diperolehi sepanjang penglibatan beliau di dalam aktiviti pelajar. Beliau juga turut aktif dalam bidang kesukarelawanan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa melalui Sekretariat Sukarelawan Universiti Malaya (SEKRUM). Dengan

azam untuk menyumbang semula ilmu dan bakti kepada masyarakat, beliau mula menjadi seorang sukarelawan seawal tahun pertama pengajian, seterusnya beliau komited untuk memajukan diri dan telah menjadi pemimpin sukarelawan seawal tahun ke-2 pengajian. Beliau merupakan Pengarah bagi Misi Kemanusiaan Antarabangsa Kemboja 2017 anjuran SEKRUM. Pada tahun yang sama, beliau juga telah menyertai Misi Sukarelawan ke Sabah anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa iaitu sebuah badan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Antara pencapaian tertinggi di UM, Saudara Madhi telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan atas penglibatan beliau di dalam aktiviti kurikulum. Beliau telah menerima Anugerah Tokoh Siswa 2017 (bagi Pemimpin Sukarelawan Kategori Kesejahteraan Komuniti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia); Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2018 (bagi *Community Engagement*); Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor & Anugerah Ikon Akademik (bagi kategori Anugerah Kecemerlangan HEPA 2018) serta Anugerah Khas Inspirasi Pelajar 2019,

Jabatan Syariah Pengurusan, APIUM. Beliau juga terlibat dalam pertandingan sukan Futsal Pasukan Luar Kampus dalam Sukan Mahasiswa Universiti Malaya (SUKMUM) dan Mural Hari Sukarelawan Sedunia 2017.

Beliau percaya, di sebalik pencapaian dan pengiktirafan yang telah dicapai, adalah hasil dari dorongan tanpa jemu, tunjuk ajar serta doa daripada kedua-dua ibu bapa, para pensyarah di APIUM khususnya di Jabatan Syariah dan Pengurusan serta hasil kerjasama rakan-rakan dan seluruh warga Universiti Malaya. Beliau kini sedang menyambung pelajaran peringkat Sarjana di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF).

Saya yakin, beliau adalah seorang pelajar yang komited untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan mengharumkan nama Universiti Malaya ke peringkat tertinggi. Beliau akan senantiasa memacu kehidupan beliau ke arah kecemerlangan dan khidmat bakti kepada masyarakat dan Negara, serta menjadi sumber inspirasi kepada golongan muda yang lain.

Ucapan Penerima Anugerah Pelajaran DiRaja oleh Saudara Muhammad Madhi bin Mohd Budiman

Sidang Ketujuh - Selasa, 15 Oktober 2019 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim, Naib Canselor Universiti Malaya.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Universiti, para pensyarah dan kakitangan Universiti Malaya, para ibu bapa, tetamu dan graduan yang diraikan sekalian.

Alhamdulilah, hanya itu kalimah yang mampu saya ucapkan di atas penganugerahan ini. Saya tidak menganggap anugerah ini menjadikan saya yang terbaik dalam kalangan graduan bahkan saya melihat ia sebagai satu amanah dan ujian dari Allah S.W.T jua universiti untuk saya terus menabur bakti kepada agama, bangsa dan negara.

Rakan-rakan graduan,

Setelah berhempas-pulas menyempurnakan pengajian di universiti ini, pada hari ini kita meraikan kejayaan bersama-sama ibu bapa, guru dan rakan-rakan. Begitulah juga perjalanan kita di universiti ini. Setiap daripada kita tidak akan mampu untuk mengenggam skrol pada hari ini tanpa sokongan dan doa dari kedua-dua ibu bapa.

Saya yakin, tanpa doa dari kedua-dua ibu bapa, saya tidak mungkin dapat berdiri di sini. Merekalah yang menjadi sumber kekuatan saya selama ini. Ini sebuah nilai yang saya perolehi semasa pengajian saya di universiti ini. Namun, saya telah membayar harga yang mahal untuk mendapatkan sebuah nilai ini.

Masih segar dalam ingatan saya, bagaimana ibu saya telah mengalirkan air mata kesedihan kerana sikap saya yang mengambil mudah dalam pelajaran sewaktu SPM. Saya hanya mendapat 2A daripada 11 matapelajaran yang diambil. Saya bukanlah seorang yang tidak mampu mengikuti pelajaran dengan baik. Akan tetapi pada waktu itu, saya berasa terlalu selesa dengan pencapaian 9A

PMR yang menyebabkan saya bersikap sambil lewa dalam pelajaran.

Saya tidak akan pernah dapat melupakan saat di mana saya telah menghancurkan harapan seorang ibu dan ayah. Saya terpaksa menelan hakikat tersebut walaupun pahit. Dan bermula dari saat itu, saya bangkit dan nekad untuk menebus kekecewaan tersebut. Alhamdulillah, berkat doa ibu bapa, tunjuk ajar guru-guru serta bantuan dari rakan-rakan, saya berjaya menamatkan pengajian serta dianugerahkan dengan Anugerah Pelajaran DiRaja.

“Abah, Ibu, kalau satu masa dulu abah dan ibu mengalirkan air mata kesedihan kerana Madhi, Madhi harap hari ini, abah dan ibu mengalirkan air mata kegembiraan atas kejayaan ini”. Dan saya percaya setiap ibu bapa pasti berbangga dengan kejayaan rakan-rakan pada hari ini.

Rakan-rakan graduan,

Kejayaan yang diperolehi pada hari ini bukanlah satu penamat dalam hidup kita bahkan sebagai satu permulaan, iaitu permulaan kepada bagaimana kita mampu memberi semula kepada masyarakat. Jika generasi kita pada hari ini ditanam dengan fahaman untuk mengejar minat masing-masing dalam hidup, saya ingin mengajak rakan-rakan untuk memikirkan bagaimana kita mampu menyumbang kepada masyarakat melalui minat masing-masing.

Di kesempatan ini, saya mewakili para graduan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para pensyarah dan kakitangan Universiti. Tanpa sokongan penuh warga universiti, proses pengajian kami di sini tidak mungkin dapat berjalan dengan baik. Doakan kami agar dengan kejayaan yang dicapai pada hari ini, kami diberi kekuatan untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Penghargaan khas saya rakamkan kepada para pensyarah Jabatan Syariah dan Pengurusan Akademi Pengajian Islam di atas ilmu yang dicurahkan selama ini serta rakan-rakan yang telah

banyak memberikan sokongan selama ini. Dan kepada sumber kekuatan saya, abah dan ibu serta ahli keluarga yang lain, terima kasih atas doa dan dorongan yang tidak pernah putus kepada Madhi.

Akhir kata, semoga majlis graduasi pada hari ini menjadi pembakar semangat untuk terus menempa kejayaan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**Ucapan Naib Canselor
Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim**

Sidang Kelapan - Selasa, 15 Oktober 2019 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasalam, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Alhamdullilah, dengan limpah kurnia dan keizinan Ilahi, kita dapat bertemu pada hari ini, di Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya yang ke-59.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada bulan Februari tahun ini, Sistem Kajian Pengesanan Graduan, Kementerian Pendidikan Malaysia merekodkan, seramai 57,411 orang graduan masih belum bekerja, mewakili hampir 20 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan pada tahun 2018.

Secara umumnya, statistik yang sama menunjukkan, 25 peratus graduan ijazah pertama belum bekerja. Bidang seperti Sastera dan Kemanusiaan, Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan, antara bidang pengajian yang merekodkan statistik pengangguran lebih daripada 20 peratus. Rekod 2018 menunjukkan bahawa, lebih daripada 25,000 orang graduan dalam bidang-bidang ini termasuk dalam statistik pengangguran. Graduan daripada bidang lain juga berhadapan dengan pelbagai cabaran lain. Adakah ini mimpi ngeri untuk kita semua?

Sudah tentu jawapannya tidak. Sebagai peneraju kepada perubahan, graduan perlu membuktikan, statistik ini tidak mewakili, graduan Universiti Malaya. Dengan komitmen semua, kita mampu mengubah realiti ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Perkembangan dunia hari ini adalah sangat pantas. Alam pekerjaan mula dipengaruhi automasi, seperti penggunaan robot, dan juga *artificial intelligence* (kecerdasan buatan). Digital

platform juga merupakan sesuatu yang tidak asing lagi dalam semua industri. Inovasi termaju, makin mengurangkan aspek penggunaan peranan dan tenaga manusia. Di sinilah, perlunya kita semua, pihak pengurusan, warga akademik dan juga graduan sendiri, mengorak langkah menjadi peneraju, dalam mencorakkan perubahan. Ini penting bagi memastikan kita semua, khususnya graduan, mampu berhadapan dengan perkembangan pesat dunia ini.

Justeru itu, Universiti Malaya mengambil langkah proaktif, untuk memperkenalkan, Transformasi Universiti Malaya. Transformasi ini apabila diperkenalkan kelak, akan menjadikan, pengukuran kejayaan bukan sekadar input, aktiviti dan output, tetapi lebih kepada keberhasilan, yakni *outcome* dan impak.

Universiti Malaya komited, untuk memastikan universiti ini, dan graduan yang dilahirkan, mampu berhadapan cabaran semasa, dan juga akan datang.

Sebagai langkah awal, transformasi yang sedang dirancang rapi, akan memberi fokus kepada beberapa perkara utama:

Pertama, melahirkan *future proof* dan *global ready graduates*. Ini dilakukan dengan memperkenalkan kurikulum yang lebih bersifat menyeluruh, flexible dan multidisciplinary. Siswa Universiti Malaya juga digalakkan untuk terlibat dengan program mobiliti pelajar ke luar negara, bagi mendapatkan pengalaman antarabangsa dan meluaskan sudut pandang, world view masing-masing. Selain daripada itu, siswa juga didedahkan dengan pengalaman luas, seperti menganjur dan mengelola sendiri pilihanraya kampus, serta dilibatkan dalam badan pemutus urusan akademik universiti, iaitu Senat Universiti Malaya.

Kedua, menyediakan kampus pintar berdasarkan teknologi dan kelestarian alam sekitar. Untuk makluman semua, baru-baru ini Universiti Malaya telah mengorak langkah ke arah kampus tanpa

tunai, dengan melancarkan UM Cashless. UM Cashless ini akan beroperasi sepenuhnya pada tahun hadapan. Digital platform juga diperkenalkan, bagi mengukuhkan proses pembelajaran dan pengajaran. Pada masa yang sama, kelestarian alam sekitar juga menjadi agenda penting Universiti Malaya. Pada masa ini Universiti Malaya diiktiraf sebagai kampus ke-36 terbaik dunia dalam aspek kelestarian, berdasarkan UI GreenMetric.

Ketiga, *translational research dan social enterprise approach*. Selain daripada penyelidikan asas dan penyelidikan untuk terbitan jurnal akademik, warga penyelidik Universiti Malaya juga perlu mempunyai sumbangan langsung kepada masyarakat, melalui penyelidikan yang dapat dikomersilkan, penyelesaian kepada masalah masyarakat, dan membantu pihak berkuasa menyediakan dasar yang lebih baik. Ini semua mampu mewujudkan kitaran penyelidikan yang baik, lestari dan berimpak tinggi.

Keempat, pengukuhan hal ehwal alumni. Adalah menjadi hasrat Universiti Malaya untuk bekerjasama dengan semua alumni termasuk graduan pada hari ini. Statistik menunjukkan, Universiti Malaya mempunyai lebih 200 ribu orang alumni, dalam pelbagai bidang. Alumni sangat penting bagi menghubungkan permasalahan, dan isu sebenar dalam pelbagai bidang, untuk diperhalusi oleh penyelidik, dan tenaga pakar universiti, agar penyelesaian dapat diusahakan. Tanpa alumni, universiti dan dunia luar seperti tiada penghubung yang jelas.

Sumbangan kepakaran alumni juga perlu dalam aspek membantu siswa Universiti Malaya yang sedang menuntut, agar dapat mendengar sendiri, realiti yang sedang berlaku dalam pelbagai industri. Ini merupakan elemen yang mampu mengukuhkan transformasi universiti, dalam usaha melahirkan *future proof graduates*.

Selain berperanan sebagai penghubung dan penyumbang kepakaran. Alumni juga boleh menyumbang kepada Universiti Malaya Endowment Fund, dalam usaha universiti mencapai objektif, kelestarian dalam aspek kewangan.

InsyaAllah dengan adanya transformasi ini, pelbagai pihak, terutamanya alumni, dapat menjadikan universiti, sebagai medan penyelesaian kepada pelbagai masalah dan isu, yang wujud di sekitar kita. Pada masa yang sama, melahirkan modal insan untuk negara, dunia, dan paling penting, mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Semua usaha Universiti Malaya tidak akan memberierti, kiranya graduan sendiri, tidak berusaha untuk tampil berbeza, dengan menonjolkan kualiti yang dihasratkan.

Dunia yang penuh cabaran pada hari ini memerlukan, modal insan yang berkemampuan dan amanah. Al-Quran telah merekodkan, dalam Surah Al-Qasas, ayat 26:

“...sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”.

Kuat bukan sekadar merujuk kepada tenaga, tetapi kepada kredibiliti, dan ciri-ciri personaliti yang memfokuskan aspek kecemerlangan, dalam melaksanakan tugas. Manakala sifat amanah penting, bagi memperkuuhkan penyampaian sesuatu pekerjaan.

Bukan itu sahaja, majikan pada hari ini juga menekankan aspek kemahiran insaniah. Justeru itu, para graduan perlu berusaha memperkuuhkan beberapa elemen penting, seperti mampu menganalisa, berfikiran kritis, mahir dalam berkomunikasi, mampu bekerja dalam pasukan, penyelesaian kepada masalah, dan yang paling penting, sentiasa mampu menyesuaikan diri dalam cabaran dunia yang berubah-ubah.

InsyaAllah, dengan usaha dan komitmen daripada kerajaan, Universiti dan graduan sendiri, isu pengangguran dapat dikurangkan. Asalkan kita terus berusaha untuk berpijak dengan realiti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Istiadat kali ini menyaksikan Universiti Malaya berbangga melahirkan seramai 477 graduan Ijazah Kedoktoran, 2,026 graduan Ijazah Sarjana, dan 2,965 graduan Ijazah Sarjana Muda.

Pada sesi kelapan ini sahaja, seramai 717 graduan, dari Fakulti Alam Bina, Fakulti Pendidikan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, serta, Fakulti Perubatan, ada bersama-sama kita.

Lebih manis lagi, dalam kalangan graduan yang ada pada hari ini, istiadat diserikan dengan kehadiran penerima Anugerah DiRaja, Saudari Lau Win Yei daripada Fakulti Alam Bina.

Sebelum mengakhiri ucapan, sekalung penghargaan kepada ibu bapa, dan keluarga graduan. Pihak universiti menghargai, sokongan dan dorongan tuan-tuan dan puan-puan, dalam usaha memastikan, kejayaan para graduan.

Saudara saudari graduan yang diraikan,

Universiti Malaya berbangga, kerana anda adalah sebahagian daripada kejayaan Universiti Malaya, berada di tangga ke-70 terbaik dunia, berdasarkan QS World University Ranking 2020. Kita juga bersama-sama mendaki kejayaan, dinobatkan sebagai universiti ke-19 terbaik di Asia, ketiga terbaik di Asia Tenggara, dan universiti terbaik di Malaysia.

Anda semua merupakan aset penting untuk negara dan juga dunia. Manfaatkanlah ilmu yang dimiliki

sebaiknya, dan berazam untuk menjadi peneraju kepada perubahan dalam bidang masing-masing. Pada masa yang sama, hargailah sumbangan dan pengorbanan ibu bapa, keluarga, guru, pensyarah dan rakan-rakan sekeliling, yang telah sedikit sebanyak membantu anda, mengharungi semua cabaran dan liku pengajian, untuk berjaya pada hari ini.

Sebagai penghargaan, kita berikan tepukan gemuruh, untuk Graduan Universiti Malaya 2019.

Semoga usaha kita semua diberkati Allahu Subhanahu Wataala.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**Pidato bagi Anugerah Pelajaran DiRaja
untuk Saudari Lau Win Yei**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berusaha Profesor Dr. Yahaya Ahmad
Dekan, Fakulti Alam Bina**

Sidang Kelapan - Selasa, 15 Oktober 2019 (Petang)

Lau Win Yei.

Lau Win Yei dilahirkan pada 7 Mac 1996 di Ipoh, Perak. Beliau merupakan puteri bongsu daripada tiga beradik kepada pasangan Encik Lau Sew Khuan dan Puan Loh Mei Leng.

Mendapat pendidikan awal di SJK(C) dan SMK Ave Maria Convent Ipoh. Berbekalkan keputusan cemerlang 9A di dalam peperiksaan SPM, beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di Kolej Matrikulasi Perlis dan seterusnya ditawarkan untuk menyambung pengajian dalam Program Sarjana Muda Ukur Bahan di Fakulti Alam Bina dengan tajaan biasiswa daripada Yayasan UEM.

Berkat usaha gigih, sokongan keluarga, bimbingan pensyarah dan rakan seperjuangan, beliau berjaya mengekalkan pencapaian akademik yang cemerlang dan konsisten dengan menerima Anugerah Dekan sebanyak lima semester, dan menamatkan pengajian dengan skor PNGK 3.89.

Lau Win Yei merupakan seorang pelajar yang kompeten dan komited. Beliau mempamerkan prestasi cemerlang dalam bidang akademik, sukan, kemasyarakatan mahupun kepimpinan. Sepanjang tempoh pengajian, beliau telah menyertai pelbagai program di peringkat universiti, kebangsaan dan juga antarabangsa; membantu menjulang nama Universiti Malaya di peringkat antarabangsa.

Sebagai warga Alam Bina, Lau Win Yei bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti di peringkat fakulti, antaranya sebagai penggerak program Orientasi Fakulti Alam Bina, Malam Apresiasi Ukur Bahan, Program Sistem *Buddy* dan Kem Motivasi Ukur Bahan. Beliau juga ditaja sebagai peserta dalam Program Global Youth Leadership Summit di San Diego, California pada tahun 2017, dan dalam Quantity Surveying International Convention juga pada tahun 2017. Beliau juga merupakan Timbalan Pengarah untuk Program Lawatan Pertukaran

Pelajar ke China 2018 dan fasilitator bagi University of South Australia Inbound Programme 2018.

Penglibatan aktif beliau di kolej kediaman sudah bermula semasa tahun pertama pengajian lagi apabila beliau menyertai projek-projek kolej yang dianjurkan di Kolej Kediaman Pertama (ASTAR) - dilantik sebagai Timbalan Pengarah Kelab Penyokong ASTAR 2016/2017, sebagai Bendahari kepada Jawatankuasa Tindakan Kolej Sesi 2017/2018. Sebagai Ahli Jawatankuasa International Education and Cultural Exchange Programme 2.0 ke Jepun dan sebagai Timbalan Pengarah International Education and Cultural Exchange Programme 3.0 ke Korea Selatan

Lau Win Yei turut aktif dalam aktiviti kesukanan. Mewakili Universiti Malaya dalam pelbagai kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sebagai pemain acara bola baling dan bola jaring. Beliau mewakili Universiti Malaya dalam Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan mendapat johan bagi acara bola jaring pada UPSI International Netball Championship 2017. Beliau dilantik sebagai Pengarah Sukan Mahasiswa Universiti Malaya (SUKMUM) peringkat Kolej dan Pada tahun 2017, beliau telah dinobatkan sebagai Olahragawati ASTAR.

Dari segi aktiviti kesukarelawan dan kemasyarakatan, Lau Win Yei terlibat secara aktif dalam projek mempertingkatkan taraf hidup masyarakat dengan mengamalkan gaya perkebunan yang mampan di Kerinchi Kuala Lumpur melalui Projek Sistem Penanaman Rumah Pangsa dan projek kesedaran Fight Against Dengue di Kuantan Pahang yang dilaksanakan di bawah Fakulti Alam Bina dan UMCAres. Beliau juga turut aktif dalam Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM) di Kuala Selangor dan Projek HIJAU di Sabah yang mana beliau berjaya mengumpul sejumlah 190kg sampah daripada paya bakau yang tercemar, sebagai sebahagian daripada

aktiviti pemuliharaan. Beliau terlibat sebagai sukarelawan UEM Digital Education Programme di SJK(T) Ladang Runching, sukarelawan untuk Kechara Soup Kitchen Society Programme dan sukarelawan Quantity Surveying Motivational Camp.

Sebagai seorang mahasiswa universiti penyelidikan yang tersohor di Malaysia, Lau Win Yei juga pernah menerima anugerah berprestij melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi. Mendapat Pingat Emas di dalam National Eco Construction Competition (NECO) 2017, Pingat Emas di 3rd International Built Environment Undergraduate Research Competition (BEURC 2018), dan Pingat Perak dalam International Research Innovation, Invention and Solution Exposition melalui projek penyelidikannya bertajuk Risk Assessment in Project Finance for Transportation Infrastructure Projects in Malaysia dan sebagai Pembentang Terbaik dalam 10th RISM-Royal Institution of Chartered Surveyors United Kingdom dalam International Surveying Conference for Undergraduate.

Atas kecemerlangan akademik, beliau dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Akademik ASTAR dan mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan apabila dianugerah The Lawrence Chin Memorial Award yang merupakan Anugerah Pelajar Terbaik daripada badan profesional The Royal Institution of Quantity Surveyors Malaysia (RISM) pada tahun 2018

Kini, Saudari Win Yei telah pun memulakan kerjaya sebagai *Contract Executive* di UEM Sunrise Berhad, sebuah syarikat pembangunan dan pengurusan hartaanah di bawah pelaburan Khazanah Nasional Berhad. Saya yakin, Saudari Win Yei akan terus berusaha dan sentiasa memacu kehidupan beliau ke arah kecemerlangan agar dapat berkhidmat kepada masyarakat dan Negara, serta menjadi sumber inspirasi kepada golongan muda yang lain.

Fakulti Alam Bina amat berbangga atas kejayaan dan prestasi cemerlang Lau Win Yei.

Ucapan Penerima Anugerah Pelajaran DiRaja oleh Saudari Lau Win Yei

Sidang Kelapan - Selasa, 15 Oktober 2019 (Petang)

Selamat Petang dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim, Naib Canselor Universiti Malaya.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Universiti, para pensyarah dan kakitangan Universiti Malaya, para ibu bapa, tetamu dan graduan yang diraikan sekalian.

Pada hari yang mulia ini, saya, Lau Win Yei, amat terharu kerana kita dapat bersama-sama hadir ke Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 2019. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada para graduan dan saya percaya kejayaan anda semua telah membanggakan keluarga. Tahniah dan syabas!

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Malaya atas penganugerahan Anugerah Pelajaran Diraja bagi sesi kali ini. Dengan hati yang tulus ikhlas dan rasa rendah hati, saya amat bersyukur atas pengiktirafan yang berprestij ini. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua ibu bapa, ahli keluarga, para pensyarah dan sahabat-sahabat yang menyokong saya dalam mencapai kejayaan hari ini.

Mengimbau kembali kenangan membesar di Ipoh, Perak, keluarga saya telah berusaha untuk memberikan kehidupan dan pendidikan yang sempurna bagi mendorong dan memastikan saya berjaya. Saya telah mendapat pendidikan awal dari SJK(C) Ave Maria Convent Ipoh, SMJK Ave Maria Convent Ipoh, Kolej Matrikulasi Perlis, dan berjaya melanjutkan pelajaran di Universiti yang ternama ini – Universiti Malaya. Zaman persekolahan dan pengajian telah membentuk sahsiah diri, menanam nilai murni dan membuka peluang kepada saya untuk lebih memahami serta menghayati keunikan berbilang bangsa dan budaya.

Saya bertuah kerana berpeluang menerima pembelajaran yang berkualiti di Universiti Malaya di bawah biasiswa Yayasan UEM yang bukan sahaja telah meringankan beban dari segi kewangan, tetapi juga telah menganjurkan pelbagai program yang menyumbang kepada pembangunan diri. Saya percaya, kurikulum yang holistik dan kokurikulum yang bersepadu akan membentuk graduan yang dapat bersaing di arena pasaran.

Universiti Malaya – institusi yang holistik dan berkualiti ini, telah menyediakan banyak peluang untuk kita meneroka pengalaman bermakna yang turut menyumbang kepada jati diri, mengasah kemahiran insaniah dan kepimpinan. Justeru, sepanjang masa sebagai pelajar, saya tidak mensia-siakan peluang yang ada.

Para hadirin sekalian,

Kehidupan umpama kain putih, setiap langkah yang kita ambil ibarat warna yang kita corak di atas kain tersebut, ia akan membawa impak dalam menyempurnakan kehidupan diri, keluarga, komuniti dan negara. Maka, pada hari ini saya menyeru semua rakan seperjuangan untuk kita sama-sama melangkah melebihi zon keselesaan, mencabar limitasi dan menyemai tekad untuk terus bersaing dalam kembara memburu impian serta menempa kejayaan.

Buat rakan seperjuangan, tamatnya pengajian di Universiti Malaya menandakan permulaan era baru dalam dunia kehidupan yang lebih mencabar. Sekiranya anda menempuh rintangan dalam proses merealisasikan impian, sentiasa cuba yang terbaik dan kekal positif dalam menghadapi ujian tersebut serta percaya bahawa setiap percubaan akan mendekatkan kita dengan kebijaksanaan. Semarakkanlah semangat lirik lagu “Merdeka” zaman Minggu Haluansiswa kami:

"Bukan susah untuk susah no,
Bukan senang untuk senang yea,
Kalau tak cuba mana kan belajar,
Berkata biar tahu maksud."

Akhir kata, saya berharap agar momentum untuk memacu kecemerlangan akan terus dipertingkat dan dimanfaatkan untuk membawa impak positif

kepada diri, keluarga, dan masyarakat serta berbakti dalam pembangunan negara yang kita cintai. Buktikanlah bahawa graduan universiti tempatan juga mampu bersaing sejajar dengan keperluan abad ke-21 dan Revolusi Industri 4.0! Selamat maju jaya!

Sekian, terima kasih.

**Ucapan Naib Canselor
Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim**

Sidang Kesembilan - Rabu, 16 Oktober 2019 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Barisan Pengurusan Tertinggi Universiti Malaya,
Ahli-ahli Majlis Pusat Pendidikan Berterusan
Universiti Malaya,
YBhg. Dato' Profesor Dr. Mansor Md. Isa,
Pengarah, Pusat Pendidikan Berterusan Universiti
Malaya,
Dif-dif jemputan,
Para graduan,
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, selawat
dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad
sallallahu 'alaihi wasalam, ahli keluarga dan para
sahabat baginda.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat llahi, dengan
rahmat dan keizinanNya, dapat kita bersama-
sama pada hari ini, untuk meraikan kejayaan para
graduan, dalam Istiadat Konvokesyen Universiti
Malaya kali ke-59.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua
graduan, atas kejayaan menamatkan pengajian
masing-masing. Sesungguhnya majlis gilang-
gemilang pada hari ini, turut memberi makna yang
amat besar, kepada ibu bapa, ahli keluarga dan juga
majikan, kerana sokongan dan dorongan, yang
diberikan selama ini membawa hasil, dengan
kejayaan tuan puan menamatkan pengajian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada 5 Oktober 2019 yang lalu, Yang Amat
Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr.
Mahathir Mohamad, telah melancarkan Wawasan
Kemakmuran Bersama 2030. Wawasan ini telah
menggariskan 15 Prinsip Panduan. Dan salah satu
daripada prinsip tersebut menyentuh mengenai
“Masyarakat Perbelajar”.

Prinsip ini menerapkan budaya dan polisi
pembelajaran berterusan, yang memastikan
penambahbaikan, dan penambahan nilai terus
berlaku.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Konsisten dengan prinsip Masyarakat Perbelajar,
Universiti Malaya, melalui Pusat Pendidikan
Berterusan Universiti Malaya (UMCCed), akan
terus menyokong hasrat kerajaan ini,
dengan memperkenalkan, kursus-kursus yang
sesuai dengan perkembangan teknologi, dan
perkembangan semasa dunia.

Pihak Universiti sedar, alam pekerjaan mula
dipengaruhi automasi, seperti penggunaan robot,
dan juga *artificial intelligence* (kecerdasan buatan).
Digital platform juga merupakan sesuatu yang
tidak asing lagi dalam semua industri. Inovasi
termaju, makin mengurangkan aspek penggunaan
peranan dan tenaga manusia. Di sinilah,
perlunya kita semua, pihak pengurusan, warga
akademik dan juga graduan sendiri, mengorak
langkah menjadi peneraju, dalam mencorakkan
perubahan. Ini penting bagi memastikan kita
semua, khususnya graduan, mampu berhadapan
dengan perkembangan pesat dunia ini.

InsyaAllah, dengan peranan semua pihak, kita
dapat mengukuhkan, kemahiran modal insan
dalam pasaran kerja, agar menepati keperluan
negara dan dunia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Selaras dengan perkembangan ini, Universiti
Malaya telah turut sama melaksanakan transformasi
secara berperingkat, melalui pengenalan kaedah
pembelajaran secara atas talian, pengajian jarak
jauh, serta penawaran kursus-kursus universiti,
melalui penyertaan dalam inisiatif Massive Open
Online Courses (MOOCs).

Universiti Malaya juga pada masa yang sama, bekerjasama rapat, dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), bersama beberapa panel pakar, telah memulakan fasa pertama, dalam menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan, Program "Micro-Credential".

Penawaran program "Micro-Credential" ini, dapat memberi peluang, terutamanya kepada individu bekerja, untuk meningkatkan kemahiran spesifik, yang diperlukan oleh majikan dan industri, dalam tempoh yang lebih singkat.

Ini adalah kerana, program ini memberi fokus kepada modul pembelajaran yang lebih kecil, berbanding program-program akademik konvensional. Kaedah pengajian ini juga, dapat memastikan ilmu terkini, serta menutup jurang kemahiran, atau *skills gap*, yang disebabkan oleh perkembangan teknologi dan dunia, pada hari ini.

Semua ini dilakukan, demi memastikan Universiti Malaya muncul sebagai peneraju, untuk program-program pendidikan di negara ini, termasuk program Pendidikan Sepanjang Hayat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Usaha menuntut ilmu ini merupakan usaha mulia. Manusia maju dan membangun kerana berilmu. Manusia juga diangkat darjatnya kerana ilmu.

Firman Allahu Subhanahu Wataala, dalam Surah Al-Mujadalah ayat ke-11:

"...Allah mengangkat orang beriman daripada golongan kamu, dan begitu juga

orang dikurniakan ilmu pengetahuan, beberapa darjat..."

Kepada 803 orang graduan yang diraikan dalam sidang ini, jadikanlah ilmu yang diperolehi, untuk memajukan diri, agama, bangsa dan negara. Saya berharap, kejayaan pada hari ini bukan penamat kepada kejayaan seterusnya. Universiti Malaya sentiasa terbuka, untuk tuan puan, melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua, kerana sudi menjadi sebahagian daripada Universiti Malaya.

Pada masa ini, Universiti Malaya merupakan satu-satunya Universiti di Malaysia, yang diletakkan di tempat ke-70 terbaik dunia, dalam QS World University Ranking. Ke-19 terbaik di Asia, ketiga terbaik di Asia Tenggara dan yang terbaik di Malaysia.

Diharap, dengan sokongan semua, Universiti Malaya akan terus mengekalkan kedudukan, sebagai universiti terunggul di negara ini.

Semoga usaha kita semua diberkati Allahu Subhanahu Wataala.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabrakatu.

Ucapan Wakil Penerima Anugerah Naib Canselor oleh Saudari Norull Adlila binti Alias

Sidang Kesembilan - Rabu, 16 Oktober 2019 (Pagi)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim, Naib Canselor Universiti Malaya.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Universiti, para pensyarah dan kakitangan Universiti Malaya, para ibu bapa, tetamu dan graduan yang diraikan sekalian.

Alhamdulillah, syukur pada Allah SWT di pagi yang bersejarah ini saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah izinNya saya dan rakan saya, Chow Wan Yong diberi peluang berada di dewan yang mulia ini untuk menerima Anugerah Naib Canselor dalam Istiadat Konvokesyen kali ke-59 ini. Terima kasih, Universiti Malaya di atas penganugerahan yang diberikan ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh ahli keluarga saya, suami, arwah abah, adik-adik dan terutamanya ibu saya, Rabayaah Abdullah. Anugerah ini untuk mak. Terima kasih kerana tidak pernah putus menitipkan doa untuk saya di setiap waktu. Terima kasih semua atas segala sokongan dan pengorbanan yang tidak terkira banyaknya. Tanpa kepercayaan dan sokongan kalian saya tidak akan berada di sini. Buat suami Mohd Shaharudin, anak-anak saya, Fatin dan Al Basha, terima kasih kerana memahami dan bertolak ansur dengan keterbatasan masa bersama kalian. Istimewa buat cucu saya, semoga ini menjadi inspirasi dan pencetus semangat buat Muhammad untuk sentiasa berjuang menuntut ilmu walau di mana tanpa mengira batas usia. Belajarlah walau sehingga ke hujung dunia.

Kejayaan kita menamatkan pengajian hari ini tidak akan tercapai tanpa bimbingan dan tunjuk ajar dari insan-insan hebat ini. Para pensyarah yang tanpa jemu memberikan tunjuk ajar, mencorak kejayaan kita pada hari ini. Mereka sentiasa memberikan semangat dan dorongan untuk kita mengorak langkah lebih jauh menuju cabaran untuk keluar dari kepompong kita. Setinggi-tinggi penghargaan

buat mereka semua. Ucapan terima kasih ini tidak akan mampu membalas jasa mereka kepada kita. Semoga Alllah melimpahkan rahmat dan barakah kepada mereka di dunia dan juga di akhirat.

Jutaan terima kasih buat UMCCed yang memberikan saya ruang dan peluang untuk menjadi mahasiswa dan menimba ilmu di sini. Membawa nama sebagai penuntut Universiti Malaya adalah sesuatu yang amat membanggakan kerana keunggulan dan kecemerlangan institusi ini tidak dapat disangkal lagi.

Terima kasih juga buat semua rakan-rakan seperjuangan terutama UFA117, kalian memang '*ohsem*'. Istimewa buat ahli kumpulan AVP - *you are the best*. Kita bukan sahaja menuntut ilmu di sini, malahan pelbagai aktiviti yang di luar tuntutan pengajian kita jayakan sebagai satu keluarga besar dengan membawa nama UMCCed bersama. Dari pelbagai latar belakang yang berbeza kita bersatu dan bekerjasama dalam kelas sebagai satu pasukan. Walau apa pun perbezaan dan ideologi kita letak ke tepi demi membentuk satu pasukan yang hebat dalam kita memenuhi tuntutan melaksanakan tugas sebagai pelajar. Saya ingin memetik kata-kata Pam Moore, CEO Marketing Nutz, "*You can never go wrong by investing in communities and the human beings within them*". Silaturrahim yang terbina bukan sahaja sebagai rakan seperjuangan tetapi ia menjadi satu platform kepada kita semua melebarkan lagi jaringan yang secara tidak langsung memberikan kelebihan *networking* dalam kerjaya kita.

Apa yang saya impikan adalah setiap ilmu yang dipelajari dapat memberikan kebaikan kepada kita bukan sahaja dalam peningkatan kerjaya tetapi dapat memberikan manfaat dan sumbangan kepada masyarakat, agama dan negara. Semoga dengan bertambahnya ilmu, kita dapat membentuk persekitaran kerja yang lebih kondusif, menjadi lebih produktif dan dapat mencipta lebih banyak peluang kepada masyarakat untuk sama-sama meningkatkan taraf sosio ekonomi.

Penganugerahan ini saya harap dapat memberikan inspirasi kepada lebih ramai orang di luar sana terutamanya wanita untuk terus mengejar cita-cita dan menimba ilmu. Jangan jadikan usia, kerjaya dan rumahtangga sebagai halangan. Tetapi jadikan ia sebagai pencetus semangat kita untuk pergi lebih jauh dan menjadi contoh terbaik kepada generasi kita kerana di UMCCed status dan usia bukanlah ukuran. Ilmu, pengalaman, dan pendidikan di UMCCed tidak akan diperolehi di tempat lain kerana ianya yang terbaik dengan didokong insan-insan hebat sebagai pensyarah dan pentadbir.

Kepada Universiti Malaya, saya tujukan serangkap pantun:

Pisang emas dibawa baylor,
Masak sebiji di atas peti;

Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Akhir kata, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada rakan seperjuangan dan juga ahli keluarga yang berada di sini. Perasaan kita pada hari ini tidak mampu dibeli dengan wang ringgit. Manisnya pengakhiran kita semua sebagai pelajar.

Kalau ada sumur di ladang,
Boleh saya menumpang mandi;
Kalau ada umur panjang,
Kita pasti berjumpa lagi.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Ucapan Naib Canselor
Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim**

Sidang Kesepuluh - Rabu, 16 Oktober 2019 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah, kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya ke-59.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Istiadat konvokesyen pada petang ini, merupakan Sidang Kesepuluh, yakni sidang terakhir dalam Istiadat Konvokesyen 2019. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, seramai 6,562 graduan diraikan dalam Istiadat ini.

Dan pada petang ini, kita meraikan kejayaan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) melahirkan 97 graduan Diploma Lanjutan Kejururawatan, bagi pengkhususan Kebidanan, Perawatan Perioperatif, Perawatan Kritikal, dan Perawatan Kecemasan. 187 graduan Diploma Kejururawatan, dan 7 graduan Diploma Teknologi Makmal Perubatan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Selepas berusaha dan berpenat lelah sepanjang tempoh pengajian, anda telah membuktikan bahawa kejayaan hari ini milik anda.

Ibarat ungkapan dalam Bahasa Arab, “*man jadda wa jada*”, barang siapa berusaha, dia pasti mendapat hasilnya. Diharap kejayaan ini dijadikan titik permulaan, untuk membina kerjaya cemerlang pada masa hadapan.

Sebagai tanda tahniah dan syabas, satu tepukan gemuruh untuk para graduan PPUM 2019.

Para tetamu yang saya muliakan,

Perkembangan dunia hari ini adalah sangat pantas. Alam pekerjaan mula dipengaruhi automasi, seperti penggunaan robot, dan juga

artificial intelligence (kecerdasan buatan). Digital platform juga merupakan sesuatu yang tidak asing lagi dalam semua industri. Inovasi termaju, makin mengurangkan aspek penggunaan peranan dan tenaga manusia. Di sinilah, perlunya kita semua, pihak pengurusan, warga akademik dan juga graduan sendiri, mengorak langkah menjadi peneraju, dalam mencorakkan perubahan. Ini penting bagi memastikan kita semua, khususnya graduan, mampu berhadapan dengan perkembangan pesat dunia ini.

Seperti kita semua sedia maklum, kerajaan juga melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 ada menekankan 15 Prinsip Panduan. Salah satu daripada Prinsip yang ditekankan ialah “Masyarakat Peribelajar”. Prinsip ini merujuk kepada penerapan budaya, dan polisi pembelajaran berterusan, yang memastikan penambahbaikan, dan penambahan nilai terus berlaku.

Atas faktor ini, pintu Universiti Malaya sentiasa terbuka, untuk semua graduan pada hari ini melanjutkan pelajaran, pada masa hadapan, bagi memastikan ilmu yang dimiliki seiring dengan peredaran zaman.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pihak universiti ingin melihat, graduan yang dibentuk disini tampil berbeza, dengan menonjolkan kualiti yang dihasratkan. Dunia yang berkembang pesat pada hari ini memerlukan, modal insan yang berkemampuan dan amanah. Al-Quran telah merekodkan, dalam Surah Al-Qasas, ayat 26:

“...sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”.

Kuat bukan sekadar merujuk kepada tenaga, tetapi kepada kredibiliti, dan ciri-ciri personaliti yang memfokuskan aspek kecemerlangan, dalam melaksanakan tugas. Manakala sifat amanah penting, bagi memperkuatkan penyampaian sesuatu pekerjaan, agar dilaksanakan dengan berkesan dan berintegriti.

Bukan itu sahaja, majikan pada hari ini juga menekankan aspek kemahiran insaniah. Justeru itu, para graduan perlu berusaha memperkuuhkan beberapa elemen penting, seperti mampu menganalisa, berfikiran kritis, mahir berkomunikasi, mampu bekerja dalam pasukan, penyelesai masalah, dan yang paling penting, sentiasa mampu menyesuaikan diri dalam dunia yang mencabar.

Saudara saudari graduan yang diraikan,

Universiti Malaya berbangga, kerana anda adalah sebahagian daripada kejayaan Universiti Malaya, kini kita berada di tangga ke-70 dunia, berdasarkan QS World University Ranking 2020. Kita juga bersama-sama mendaki kejayaan, dinobatkan sebagai universiti ke-19 terbaik di Asia, ketiga terbaik di Asia Tenggara, dan universiti terbaik di Malaysia.

Anda semua merupakan aset penting untuk negara dan juga dunia. Manfaatkanlah ilmu yang dimiliki sebaiknya, dan berazam untuk menjadi peneraju kepada perubahan dalam bidang kerjaya masing-masing.

Pada masa yang sama, hargailah sumbangan dan pengorbanan ibu bapa, keluarga, guru, pensyarah dan rakan-rakan, yang telah membantu anda, mengharungi semua cabaran dalam pengajian, untuk berjaya pada hari ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekalung penghargaan kepada barisan pengurusan, pengajar dan warga PPUM atas usaha anda melahirkan modal insan terbaik untuk negara ini.

Kepada para graduan, ibu bapa dan keluarga terima kasih kerana memilih Universiti Malaya dan sehingga kita semua berjumpa lagi.

Didoakan, semua usaha kita diberkati Allahu Subhanahu Wataala.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

IJAZAH KEDOKTORAN YANG DIANUGERAHKAN

Conferment of Doctoral Degrees

Sabtu 12 Oktober 2019 (Pagi)

Saturday 12 October 2019 (Morning)

DOKTOR FALSAFAH

Doctor of Philosophy

INSTITUT PENGAJIAN TERMAJU

Institute for Advanced Studies

Aamir Amir (*Pakistan*)

Single-Phase Cascaded T and π-Type Grid-Connected Pv Inverters with Capacitor Voltage Balancing

Amit Ranjan Nath (*Bangladesh*)

Syntheses of New Butylated Hydroxytoluene Analogues and Their Potential Application as Antioxidant for Synthetic Lubricant Oil

Chuan Hu (*China*)

Predictors of Online Identity Reconstruction from An Advanced Self-Discrepancy Theory Perspective

Farah Dayana binti Rosli

Ameliorative Potential of Thymoquinone in Nicotine-Treated Rats: Sperm Characteristics and Expression Level of PRM1 and TNP2 Genes

Fayaz Hussain (*Pakistan*)

Numerical and Experimental Performance Analysis of Pcm Based Photovoltaic Thermal System

Hussain Abdulridha Attia (*Iraq*)

Confined Band Variable Switching Frequency Pulse Width Modulation (Bc-Vsfpwm) Method for Single-Phase Inverter

Lee Yen Sian

Efficient Mode Excitation and Conversion in Few-Mode Fiber for Space-Division Multiplexing System

Mahdi Tousizadeh (*Iran*)

The Performance of Field-Oriented Fault-Tolerant Control for Three-Phase Induction Moto Drives

Md. Anwar Hossain (*Bangladesh*)

Catalytic Esterification and Hydrogenation of Bio-Oil Compounds to Polyolester Using Transition Metal-Based Ligand Complexes

Mohammadmahdi Ariannejad (*Iran*)

Design and Realization of Su-8 Based Microring Optical Waveguide Resonators for Optical Communication and Sensors

Muhammad Shakeel Ahmad (*Pakistan*)
(Tesis Cemerlang)

Development and Characterization of TiO₂ - Based Low Temperature Efficient Dye Sensitized Solar Cell

Muhammad Shariq (*Pakistan*)

Investment Style, Interest Rate Sensitivity and Performance of U.S. Islamic and Conventional Equity Market Indexes: A Comparative Analysis

Mustafa Mohammed Khalaf (<i>Iraq</i>)	<i>Super-Hydrophobic Carbon-Nanomaterial to Improve Sea Water Desalination by Direct Contact Membrane Distillation</i>
Nina Naquiah binti Ahmad Nizar	<i>Development and Validation of Polymerase Chain Reaction Assay to Detect The Contamination of Crocodylus Porosus in Foods and Traditional Medicine</i>
Raha binti Sulaiman	<i>Indoor Environmental Quality Strategies in Air Conditioned Museum Gallery: A Holistic Framework for Visitor Satisfaction and Artefact Protection</i>
Saba Afzal (<i>Pakistan</i>)	<i>Synthesis and Characterization of Reusable Magnetic TiO₂/Chitosan/Fe₃O₄ Nanocomposite for The Photocatalytic Degradation of Ortho Nitrophenol Pollutant</i>
Seef Saadi Fiyadh (<i>Iraq</i>)	<i>Removal of Heavy Metals from Water by Functionalized Carbon Nanotubes with Deep Eutectic Solvents: An Artificial Neural Network Approach</i>
Shaliza binti Mohd Shariff	<i>Application of Three Dimensional (3D) Foot Scanning for The Development of A Standard Shoe Sizing System for Malaysian Women</i>
Sharmin Sultana (<i>Bangladesh</i>)	<i>Multiplex Polymerase Chain Reaction (Pcr) for The Determination of Porcine, Bovine and Fish Gelatin Origins in Food Pharmaceutical and Personal Care Products</i>
Syazwan Hanani binti Meriam Suhaimy	<i>Synthesis and Characterization of Cu-TiO₂ Nanotubes for Simazine Photodegradation</i>
Tan Suh Nih	<i>Morphology and Genetic Characterization of Amnesic Shellfish Toxin Producing Diatom, Species, Pseudo-Nitzschia and Nitzschia (Bacillariophyceae) in Malaysian Waters</i>
Yip Sook Chin	<i>Anomaly Detection Frameworks for Identifying Energy Theft and Meter Irregularities in Smart Grids</i>

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
Academy of Islamic Studies**

Abderrahman Ethmane (<i>Mauritania</i>)	<i>Retracting the Juristic Opinion in the Maliki Mazhab: An Inductive Juristic Study</i>
Adel A. Mohamed Elshibli (<i>Libya</i>)	<i>Sanusi Movement and Foreign Affairs Relations and its Role in the Independence of Libya 1886-1951</i>
Adibah binti Bahori	<i>Analisis Sosio-Perundangan Terhadap Pencegahan, Perlindungan dan Hukuman Pembuangan Bayi Menurut Undang-Undang di Malaysia</i>

Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham	Jasad-Jasad Samawi dalam Al-Kutub Al-Sittah: Ke Arah Pembangunan Modul Pembelajaran Astronomi Islam
Ahmed Mohammed Ali Al-Rumaithah (Yemen)	<i>Contemporary Fatwas on Hajj: An Analytical Study in the Light of al Maqasid al Shariah</i>
Ahmed Raja Ahmed Haj Ali (Palestine)	<i>The Impact of Islamic Work Ethic and Perceived Organizational Support on Organizational Commitment: The Role of Felt Obligation as Mediator</i>
Alharbi, Musleh Nahi G (Kingdom of Saudi Arabia)	<i>The Role of Social Media in Improving the Performance of Administrative Organizations: An Applied Study on Public Sector Employees in Riyadh City, Saudi Arabia</i>
AlKhalidi Abdullah Eid H (Kingdom of Saudi Arabia)	<i>Da'wah Leadership of the Prophet Muhammad SAW and its Current Application among Prominent Da'wah Figures in Kingdom of Saudi Arabia</i>
Ashraf Fouly Youssef Mohamed Elassal (Egypt)	<i>The Contemporary of Modernist School of Thought in Reading the Quranic Text: A Critical Analysis of al-Jaliy fi al-Tafsir by Abu Yaarob al-Marzouqi</i>
Assiri Ahmad Ibrahim (Kingdom of Saudi Arabia)	<i>The Nature of the Relationship between Islamic and Western Civilization from the Perspective of Murad Hoffman: An Analytical Study</i>
Aziez Salaheddine (Algeria)	<i>Motives, Consequences and History of Revolutions from Siyasah Syar'iyyah: Algerian Scholar's Perception on Contemporary Arab Revolutions</i>
Azizul Hisham bin Abdul Rashad	Pengaplikasián Terapi Islam dan Peranan Guru dalam Pendidikan Akhlak: Suatu Kajian Kes Terhadap Pelajar Sekolah Tahfiz Swasta
Fadziani binti Yaakub	Status Janji dalam Undang-Undang Kontrak di Malaysia: Penilaian Mengikut Perspektif Shariah & Akta Kontrak 1950
FatemaElzahraa Elsied Aly Mohammed Ismail (Egypt)	<i>A Critical Study in the Light of the Quran on Discrimination Against Women in CEDAW Convention: A Case Study Postgraduate Students of Qatar University</i>
Fatma Mohamed A. W. Ramdan (Libya)	<i>Religious and Psychological Compatibility and its Effect in Shaping the Personality of Muslim from Da'wah Perspective: A Study in Sabha, Libya</i>
Fouziyah Alsadiq Ahmed Alamouri (Libya)	<i>Human Development and its Affect on Eco-Tourism Development in Islamic Society from Geographical Aspects: An Empirical Study in Sabrata, Libya</i>
Gholamreza Nuei (Iran)	<i>Apostasy from A Quranic and Hadith Perspective: A Study among Converted Iranian in Malaysia</i>
Husam Fares Hussein Samara (Palestine)	<i>The Impact of Sovereign Sukuk on Economic Stability: A Comparative Study between Bahrain and Sudan</i>
Ibraheem Hamood Mhana (Iraq)	<i>Consumer Protection in E-Commerce Transactions: A Study in Iraqi Legislations</i>
Imran Mehboob Shaikh (Pakistan)	<i>Determinations of Consumer Intention to Accept Musharakah Mutanaqisah Home Financing: Empirical Evidence from Malaysia and Pakistan</i>

Javad Fakhkhar Toosi (Iran) (Tesis Cemerlang)	<i>The Kantian Theory of Autonomy from Islamic Perspective and its Theoretical Consequences in Islamic Moral Education</i>
Khalid bin Isa	<i>Metodologi Tarannum Al-Quran Menurut Bacaan Mustafa Isma'il (M. 1978) dan Pengaruhnya di Malaysia</i>
Khalid Dhafer S. Alhajri (Kingdom of Saudi Arabia)	<i>Factors Influencing Organizational Loyalty from Islamic Perspective: A Study on the Staff of the Department of Educational Services in the Royal Commission in Jubail Industrial City– Kingdom of Saudi Arabia</i>
Maslina binti Muhammad	Sumbangan Wanita dalam Bidang Tafsir: Analisis Terhadap Pemikiran Na'ilih Hashim Sabri dalam Al-Mubsir Li Nur Al-Qur'an
Mohamad Zaim bin Isamail	Pengurusan Aset dan Liabiliti dalam Kestabilan Perbankan Islam di Malaysia
Mohamad Zulfazdlee bin Abul Hassan Ashari	Kepimpinan Awrangzib 'Alamgir (1658-1707M): Kajian Terhadap Usaha Memperkuat Kestabilan Kerajaan Mughal
Mohammad Ali Shokouhi (Iran)	A Historical Study on the Musical Influence of the Mevlevi Tariqa
Mohammad Naqib bin Hamdan	Analisis Hukum Taghyir Khalqillah dalam Fatwa Perubatan Badan Fatwa Terpilih
Mohd Ashrof Zaki bin Yaakob	Wakaf Infrastruktur Menurut Perspektif Hadith dan Aplikasi dalam Pembangunan Hartanah Wakaf di Selangor
Mohd Farhan bin Md Ariffin	Isu Keselamatan Makanan Menurut Perspektif Al-Hadith: Analisis Terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana di Malaysia
Mohd Shukri bin Mohd Senin	Takhrij Hadith Masyhur Berkaitan Al-Fada'il: Kajian Kefahaman dan Pengamalannya dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam di Negeri Johor
Mohd Zaid bin Mustafar	Gelagat Pengguna Muslim: Analisis Faktor Pemilihan Institusi Perbankan Islam di Negeri Sembilan
Mohd Zaidi bin Md Zain @ Zakaria	Pemakaian Undang-Undang Tatacara MAL dalam Prosiding Tuntutan Fasakh di Mahkamah Syariah Malaysia
Mudher Ali Hussein (Iraq)	<i>Preventive Medicine in Quran and Modern Science: An Applied Study of the Level of Understanding among the Staff in the Halal Products Research Institute at the University Putra Malaysia</i>
Muhd Imran bin Abd Razak	Isu Wanita dalam Fiqh Jihad Kumpulan Ekstremisme Agama: Kajian Terhadap Majalah Dabiq dan Kaitannya di Malaysia
Mujahed Burhan Kamel Shadid (Palestine)	<i>Evaluating the Economic Roles of Islamic Banks in Palestine in Financing Economic Development Process between 2006 to 2016</i>

Musaiyadah binti Ahmadun	<i>Implementation of MS 1900 Syariah-Based Quality Management System in Pahang Zakat Collection Center</i>
Nabilah binti Hassan	Model Pembangunan Diri Taqdir Al-Dhat Menurut Al-Hadith
Neda Zoghi (Iran)	<i>Islamic Abstractive Motives Interpretation in Persian Art: A Historical Study of Herat School Painting</i>
Nik Kamaliah binti Nik Abdullah	Konsep Keharmonian Hubungan Etnik Berdasarkan Budaya Kehidupan Beragama dalam Kalangan Masyarakat Melayu Muslim dan Hindu di Shah Alam, Selangor
Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim	Hadith al-Dayn dalam al-Kutub al-Sittah: Kajian Kefahaman dan Amalan dalam Kalangan Kakitangan Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur
Norhana bte Ahad	Hak-Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Menurut Perundangan Islam: Kajian Kefahaman dan Amalannya di Negeri Selangor
Norzuraida binti Hasan	Bantuan Makanan di Malaysia: Kajian daripada Perspektif Ekonomi Islam
Nurzatil Ismah binti Azizan	Pembentukan Jati Diri Remaja Menurut Perspektif Al-Quran: Kajian Terhadap Anggota Unit Amal, Jabatan Amal Malaysia
Ramdan M. Ramdan Alahmar (Libya)	<i>The Economic and Social Life in the West Tripoli and Barca during the Fatimid Era: A Historical Study (297-443H)</i>
Rangen A. Muhammad (Iraq)	<i>The Value Development of Parents and Children Stories in al-Quran al-Karim: Hamad bin Khalid Al Thani Foundation for Quranic Teaching, Qatar as a Case Study</i>
Sa'adi bin Awang	Pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan dan Kesannya ke atas Perubahan Organisasi: Kajian Kes di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Saeed Ali A. Alshahrani (Kingdom of Saudi Arabia)	<i>Evolution of Customs and Tribe Culture of the Kabilah al-Shahran in the Era of the Saudi State: The Historical Study</i>
Saleh Muhammad Zeki Mahmood (Iraq)	<i>The Manuscript of Nuzhat Al-Absar Wa Juhaynat Al-Akhbar by Ibn Abi Al-Surur Al-Bakri (998 AH-1087AH): Historical Study and Verification</i>
Shafiza binti Safie	Sumbangan Faridah binti Mat Saman dalam Pengajian Tarannum Al-Quran dan Pengaruhnya di Kelantan
Siti Hajar Salwa binti Ahmad Musadik	<i>The Factors That Influence Impulse Buying Behavior: An Empirical Study of Muslim Credit Card Holders in Malaysia</i>
Suad Mohammed Meelad Abdulqadir (Libya)	<i>A Historical Study on the Relationship of the Libyan Tribes with the Immigrants to Libya from the Roman Era to the Beginning of the Islamic Conquest</i>
Undang (Indonesia)	Peranan dan Sumbangan Persatuan Islam Bandung dalam Institusi Pendidikan Islam di Jawa Barat, Indonesia

Uthman Sulaiman Zakariya (Nigeria)

The Nature of Christ in the Holy Quran: An Analytical and Critical Study of the Evangelists' Modern Approaches in Nigeria

Youcef Bensala (Algeria)

The Principles of the Prohibited Financial Transactions in Revealed Religions and Cultural Religions: A Comparative Study from the Perspective of Islamic Financial Transaction Principles

Yousef Mohammad Subhi Almi'ani (Jordan)

The Rights of the Family in the Light of the Quran and the Bible: A Study at the Department of the Chief Justice and the Catholic Church of Jordan

Zahra Sarcheshmehpour (Iran)

The Legal Aspect of Transsexuality among Muslims: A Study in Selected Muslim Countries

**Fakulti Kejuruteraan
Faculty of Engineering**

Abdul Halim Poh Yuen Wu

Non-Invasive Dengue Screening Method via Optical Spectroscopy: A Multivariate Investigation

Ahad Javanmardi (Iran)

Seismic Behaviour Investigation of A Cable-Stayed Bridge with Hybrid Passive Control System

Ahmad Azim bin Shukri

Simulation and Design of NSM Strengthened Beams Using Moment-Rotation Approach

Ahmad Razif bin Muhammad

Short Pulse Fiber Laser Based on Pure Metal Saturable Absorber

Ahmad Zaki (Indonesia)

Assessment of Flexural Behaviour of Concrete Beam with Corroded Steel Rebar Using Acoustic Emission Technique

Andrew Ng Kay Lup

Kinetic Modeling of Gas-Phase Phenol Hydrodeoxygénération over Ag/TiO₂ Catalyst Via TGA-FTIR Based Microreactor

Arniza Fitri (Indonesia)

Hydro-Morphodynamic Responses of Detached Breakwater in Mangrove Rehabilitation Project

Auwal Shamsu Tukur (Nigeria)

Effect of Electrodeposited Cu-Ni layer on Interfacial Reaction and Mechanical Properties of Laser Welded-Brazed Mg/Ti Joints

Bidattul Syirat bte Zainal

High-Rate Biological Hydrogen And Methane Production from Pome in A Two-Stage Anaerobic Hybrid Reactor

Cheah Mei Yee

Physicochemical and Tribological Analysis of Chemically Modified Microalgae Oil Blends for Malaysian Conditions

Chin Ren Jie

Determination of Wall Slip Using Rheological Method and Artificial Intelligence Techniques

Choong Choe Earn	<i>Magnesium Silicate Impregnation on Palm-Shell Activated Carbon Powder for Enhanced Heavy Metal Adsorption</i>
Dian Najihah binti Abu Talib	<i>Restoration Planning Strategy of Transmission System Based on Optimal Energizing Time of Sectionalizing Islands</i>
Elham Montazer (Iran)	<i>Heat Transfer in Turbulent Nanofluids: Separation Flow Studies and Development of Novel Correlations</i>
Ethar Yahya Salih (Iraq)	<i>Preparation and Characterization of ZnO/ZnAl₂O₄ Mixed Metal Oxide as an Effective Anode Materials for Dye-Sensitized Photodetector</i>
Faizan Qamar (Pakistan)	<i>Enhancing QOS Performance of The 5G Network by Characterizing MM-Wave Channel and Optimizing Interference Cancellation Scheme</i>
Farah Ramadhani (Indonesia)	<i>Optimum Design of SOFC Based Polygeneration System for Residential Area with Vehicle Charging or Fueling Station</i>
Fatima Azzahra binti Manap	<i>Fetal QT Interval Detection from Abdominal ECG Signals by Using Iterative Independent Component Analysis</i>
Fitriani (Indonesia)	<i>Development of Dope Bismuth Sulfide System for Thermoelectric Application</i>
Ganesh a/l Krishnasamy	<i>Semi-Supervised Learning for Feature Selection and Classification of Data</i>
Ghulamullah Khan (Pakistan)	<i>Heat Transfer to Fibre Suspensions - Studies of Particle Characterization and Fouling and Corrosion Mitigation</i>
Hamisu Umar Farouk (Nigeria)	<i>Effect of Chloride and Sulfate Ions on Deactivation of TiO₂ Anatase in Photocatalytic Treatment of Methylene Blue and Methyl Orange</i>
Hasan Fouzi S Gafri (Libya)	<i>Enhanced Anti-Biofouling Properties of Polymeric Membranes Through Incorporation of Chitosan and Power Activated Carbon</i>
Hazlihan bin Haris	<i>Generation of Ultra-Short Pulse Lasers Using Graphene and Topological Insulator Based 2D Nanomaterials</i>
Hazmimi binti Kasim	<i>Development of Matrix Assessment Level of Safety Practice for Radiation Risk in Malaysian Radiation Facilities</i>
Hazrul bin Mohamed Basri	<i>Model Predictive Current and Reactive Power Control for Multilevel Four-Leg Indirect Matrix Converter</i>
Hidayah binti Mohd Khalid	<i>Biological and Mechanical Performance of Ti-6Al-4V Implant Superplastically Embedded with Hydroxyapatite in Animal</i>
Ibrahim Amer Ibrahim (Iraq)	<i>Auditory Evoked Potential in Normal Hearing and Sensorineural Hearing Loss Among Malay and Chinese Adults</i>

Jassinnee Milano	<i>Biodiesel Production from Waste Cooking Oil Blend with Calophyllum Inophyllum Through Microwave Irradiation-Assisted Transesterification Method</i>
Khaw Hui Ying	<i>Intelligent Image Noise Types Recognition and Denoising System Using Deep Learning</i>
Kong Kok Haw	<i>Fire Life and Health Safety Investigation of An Innovative Ventilation System in Underground Parking Facilities</i>
Lei Zhen Ce	<i>Formation of ZrO₂ Gate Dielectric on Ge Substrate by Thermal Oxidation and Post Annealing for Metal-Oxide-Semiconductor Devices</i>
Liew Shan Qin	<i>Extraction of Pectin From Pamelo Peels Using Conventional Heating, Ultrasonic, Microwave and Subcritical Water Techniques</i>
Lim Chee Cheow	<i>Low Power and Low Phase Noise RF CMOS Oscillators for Wireless Applications</i>
Lokesh Anand a/l Vijayakumaran	<i>High Efficiency RF Power Amplifier with Closed Loop System for Public Safety Radio Communications</i>
Mahmoud Zakaria Alsayed Abdalfattah Ibrahim (Egypt)	<i>Laser Cladding of FeCrMoCB Metallic Glass on Nickel-Free Stainless-Steel to Develop Durable and Cost-Effective Biomedical Implants</i>
Mahmudur Rahman (Bangladesh)	<i>PID-ACO Vibration Controller with Magnetorheological Damper for Wind Turbine Tower</i>
Mahsa Sadegh Pour (Iran)	<i>Modified Polyethylene Glycol As a Potential Material For CO₂ Capture</i>
Maizan binti Muhamad	<i>Design and Fabrication of Low Power Differential Low Noise Amplifier for WLAN Application in Deep Sub-Micron Standard CMOS Technology</i>
Malihah Amiri Roudan (Iran)	<i>Synthesis of eggshell-derived hydroxyapatite and its deposition on Titanium by electrophoretic method</i>
Md. Akter Hosen (Bangladesh)	<i>Efficient Side Near Surface Mounting Techniques for Strengthening of Reinforced Concrete Beams</i>
Megat Muhammad Ikhsan bin Megat Hasnan	<i>Optimisation of Octahedral Metal Complexes Through Spin-Crossover Modulation for Harvesting Thermoelectrochemical Energy</i>
Mohammad Hashemi (Iran)	<i>Engineering Characteristics of Modified Roller-Compacted Concrete Pavement</i>
Mohammad Reza Abbasi (Iran)	<i>Dynamic Two Phase Modelling and Anfis-Based Control of Ethylene Copolymerization in Catalytic Fluidized Bed Reactor</i>
Mohd Fahmi bin Azman	<i>Design and Fabrication of Copper-Filled Photonic Crystal Fiber For Passive Optical Devices</i>
Mohd Fauzi bin Ab Rahman	<i>Fibre-Based Saturable Absorber for Generation of Short-Pulsed Fibre Lasers</i>
Mohd Zaharifudin bin Muhamad Ali	<i>Rain Gauge Network Optimization in A Tropical Area Towards Efficient Hydrological Data Acquisition</i>

Mudasir Ahmed (<i>Pakistan</i>)	<i>Selective Harmonic Elimination in Cascaded H-Bridge Multilevel Inverter Using Hybrid APSO Algorithm</i>
Muhammad Rizwan (<i>Pakistan</i>)	<i>Spark Plasma Sintered Hydroxyapatite / Bioglass Composite For Improved Biological Performance</i>
Muhammad Usman Hanif (<i>Pakistan</i>)	<i>Nonlinear Vibration Based Modeling for Damage Detection of Reinforced Concrete Beams</i>
Muhammad Zulhaziman bin Mat Salleh	<i>Efficient Separation of Benzene and Cyclohexane by Liquid-Liquid Extraction Using Emerging Solvents and Their Binary Mixtures</i>
Mustapha Mohammed Bello (<i>Nigeria</i>)	<i>The Effect of Solid Carriers in Fluidized Bed for Fenton Process in Treating Recalcitrant Wastewaters</i>
Nabeel Ahmad (<i>Pakistan</i>)	<i>Liquefaction of Natural Rubber to Liquid Fuel Using Water and Alcohol Solvents</i>
Ng Jen Chao	<i>Graphene Supported Electrocatalysts for Alkaline Anion-Exchange Membrane-Based Direct Methanol Fuel Cell (AAEM-DMFC) Applications</i>
Nik Fasdi bin Nik Ismail	<i>Parallel Inductor Multilevel Current Source Inverter with Energy-Recovery Scheme for Inductor Current Balancing</i>
Noorsyazwani binti Zulkifli	<i>Development of Dental Material Glass Ionomer Cement Removal Technique using Nd:YAG Laser</i>
Nur Hotimah binti Yusof	<i>Multimode Interference Based Optical Sensors for Structural Health Monitoring Application</i>
Nurul Ain binti Ramli	<i>Supported Imidazolium-Based Ionic Liquid Membranes As A Contactor for The Selective Absorption of CO₂ by Aqueous Monoethanolamine</i>
Omид Haddad (<i>Iran</i>)	<i>Analysis of Cyclic Performance of Stiffened Steel Plate Shear Walls</i>
Ramappa (<i>India</i>)	<i>Mechanical Properties and Structural Behaviour of Masonry Containing High Volume of Industrial By-Products</i>
Ramuna binti Mohamed	<i>Maintenance Strategy for Oleo Chemical Plant: Risk-Based Inspection and Reliability Centered Maintenance Approach</i>
Rodianah binti Alias	<i>Biocompatible and Antibacterial Silver Tantalum Oxide Thin Film by Magnetron Sputtering for Surgical Applications</i>
Rosmadi bin Abdullah	<i>DC-Link Voltage Balancing and Common-Mode Current Reduction of Five-Level Diode-Clamped Inverter</i>
Saddam Shueai Hussein Alnamer (<i>Yemen</i>)	<i>Design and Implementation of A New Multilevel DC-Link Three-Phase T-Type Inverter</i>
Sajedeh Sadat Ghazizadeh Hashemi (<i>Iran</i>)	<i>Safe Disposal of Coal Bottom Ash Using Cement-Based Solidification and Stabilization Techniques</i>
Sameh Ziad Ahmad Dabbak (<i>Palestine</i>)	<i>Characterization of Mixed Polymeric Materials for High Voltage Insulation Applications</i>

Sara Lee Kit Yee	<i>Effect of Microwave Sintering on the Densification and Properties of Copper Oxide Doped Y-TZP Ceramics</i>
Siti Shafiah binti Shazali	<i>Green Approach to Functionalize Highly Stable Graphene Nanoplatelets Colloid for Heat Based Applications</i>
Soon Foo Chong	<i>Intelligent Vehicle Recognition System Using Deep Learning</i>
